



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 17

Isnin

10 Ogos 2020

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA:

- Pemasangan Pengadang Lut Sinar Di Antara Tempat Duduk Ahli-Ahli (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 3)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 33)

Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong (Halaman 34)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Isnin, 10 Ogos 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA

PEMASANGAN PENGADANG LUT SINAR DI ANTARA TEMPAT DUDUK AHLI

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum. Bismillahir Rahmanir Rahim.*
Selamat pagi, selamat sejahtera.

Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman, pengadang lut sinar telah dipasang sepenuhnya di antara tempat duduk Ahli-ahli Yang Berhormat bagi membolehkan semua Ahli Yang Berhormat dapat duduk semula di blok utama Dewan Rakyat. Pemasangan ini bertujuan bagi mewujudkan jarak pemisah untuk mengurangkan risiko jangkitan wabak COVID-19.

Sehubungan dengan itu, saya berharap dengan pemasangan pengadang lut sinar ini dapat menyelesaikan isu yang berkaitan dengan tempat duduk Ahli-ahli Yang Berhormat semua.

Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah menarik pengadang lut sinar yang dipasang semasa duduk di dalam Dewan bagi memastikan terdapat jarak pemisah antara Ahli-ahli Yang Berhormat dan tiada kontak rapat antara Ahli-ahli Yang Berhormat. Pengadang lut sinar ini perlu ditarik atau ditolak dengan berhati-hati dan perlahan serta tidak diberi tekanan berlebihan kerana ianya dipasang untuk sementara waktu sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bentara akan membuat demonstrasi mengenai cara menarik dan menolak pengadang tersebut. Silakan bentara.

[Bentara membuat demonstrasi]

Ya, terima kasih bentara.

Saya juga ingin memohon perhatian semua Ahli Yang Berhormat bahawa pemakaian pelitup muka adalah diwajibkan pada setiap masa di dalam Dewan dan

hanya dibuka sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap. Pemakaian pelitup muka setiap masa ini merupakan salah satu perkara yang penting bagi membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat duduk di dalam Dewan.

Saya mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan pemasangan ini termasuk kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua yang telah amat bersabar dalam perkara ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sepertimana kita semua sedia maklum, pada minggu lagi, satu kluster baharu COVID-19 yang berkemungkinan berpunca daripada *super spreader virus strain*, dengan izin, telah melanda di kawasan-kawasan Utara Semenanjung Malaysia.

Sehubungan dengan itu, sebagai langkah berjaga-jaga dalam mengekang penularan COVID-19 dan memastikan persidangan Dewan Rakyat terus berjalan lancar, maka saya ingin menyarankan kumpulan berikut membuat ujian COVID-19.

Pertama, mereka yang bergejala atau kes, dalam bahasa Inggerisnya, *person under investigation*.

Kedua, dengan izin, *person under surveillance*.

Ketiga, mereka yang berkontak rapat kepada kes positif.

Keempat— ini penting kerana saya tahu Ahli-ahli Yang Berhormat pulang ke kawasan masing-masing— sesiapa yang di dalam kawasan yang diumumkan sebagai *Enhance Movement Control Order (EMCO)* ataupun *Targeted Enhance Movement Control Order (TEMCO)*, *semi-EMCO* dan juga *local EMCO*. Jadi, mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang pulang ke kawasan yang merupakan kawasan-kawasan yang tersebut, maka mengikut arahan KKM, maka perlu dibuat ujian sebelum datang semula ke Dewan. Saya minta parti-parti *Whip* semua memberikan penekananlah terhadap semua Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Kemudian yang akhir sekali ialah seperti yang diarahkan oleh pegawai berkuasa iaitu kumpulan berisiko, memerlukan *mass screening* ataupun *targeted approach*.

Adalah penting untuk mematuhi SOP (Fasa Pemulihan) Parlimen Malaysia dan memastikan mereka yang bergejala agar tidak hadir di Parlimen dan diminta pergi ke fasiliti yang berhampiran untuk pemeriksaan ujian COVID-19.

Akhir kata, diharapkan pesanan dan peringatan ini mendapat perhatian dan kepatuhan daripada semua Ahli Yang Berhormat.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah usaha untuk mewujudkan jawatankuasa khas bagi meneruskan perbincangan untuk mendapatkan penyelesaian komersial dalam tuntutan hak minyak dan gas Sarawak.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) [Dato Hajah Hanifah Hajar Taib]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih atas keprihatinan tentang hal ehwal Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat Batang Lupar bersekali dengan persoalan-persoalan dibangkitkan juga oleh Ahli Yang Berhormat Kimanis bertarikh 27 Ogos memandangkan persoalan-persoalan dibangkit adalah mengenai perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan kini dalam proses akhir untuk memuktamadkan komposisi Majlis Khas Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963. Perkara berhubung penubuhan Majlis Khas ini akan dibawa ke Jemaah Menteri di dalam masa terdekat.

Majlis Khas ini merupakan forum khusus yang diwujudkan bagi membincangkan serta memantau keseluruhan pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

■1010

Selain daripada itu, satu jawatankuasa bersama di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sarawak telah ditubuhkan bagi membincangkan isu berkaitan dengan minyak dan gas serta pemberian khas. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberikan mandat Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Yang Berhormat Menteri Kanan Kerja Raya bagi membincangkan isu-isu tersebut bersama dengan kerajaan Negeri Sarawak dan PETRONAS bagi mencapai penyelesaian secara komersial dengan izin *commercial settlement*. Berdasarkan pemakluman yang diterima, perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sabah akan menyusul selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan status semasa pelaksanaan 17 daripada 21 perkara yang telah dibentangkan dalam JKKK MA-63, secara umumnya agensi-agensi yang bertanggungjawab dijangka memerlukan tempoh sekitar satu tahun hingga dua tahun untuk melaksanakan keputusan-keputusan tersebut. Manakala baki empat perkara yang belum selesai seperti royalti minyak dan bayaran tunai petroleum mineral minyak dan medan minyak Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750] dan Akta Pelantar

Benua 1966 [Akta 83] akan diteruskan perbincangan selanjutnya dalam Majlis Khas yang bakal ditubuhkan kelak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Khas ini akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan akan turut dianggotai oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Menteri Kabinet yang dilantik serta wakil-wakil dari Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat tentang penubuhan Jawatankuasa Parlimen, pada waktu ini Jawatankuasa Parlimen untuk memantau pelaksanaan semakan MA-63, Kerajaan berpandangan menubuhkan Majlis Khas adalah memadai buat masa ini. Sehubungan dengan itu, tiada keperluan untuk Jawatankuasa Parlimen ditubuhkan bagi tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yakin bahawa kejayaan dalam agensi ini akan meredakan ketidakpuasan hati rakyat di negeri Sabah dan Sarawak yang selama ini merenggangkan perpaduan dan integriti wilayah yang kukuh serta serentak akan dapat memperkasakan patriotisme dan nasionalisme negara bangsa. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya persilakan Yang Berhormat Batang Lupar untuk soalan tambahan yang pertama.

Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Terima kasih soalan tambahan. Terima kasih atas jawapan yang telah diberikan khususnya mengenai apakah langkah-langkah yang telah diambil sekarang ini. Akan tetapi soalan tambahan saya, apakah status terkini kes-kes mahkamah berkenaan dengan tuntutan yang dibuat oleh negeri Sarawak terhadap PETRONAS dan bila agaknya rundingan ini semua akan mencapai penyelesaian? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Terima kasih atas soalan Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) telah menarik balik rayuan di Mahkamah Rayuan pada 3 Ogos 2020 yang lepas terhadap keputusan Mahkamah Tinggi di dalam semakan penghakiman dengan izin *judicial review*. Keputusan Mahkamah Tinggi telah dikekalkan. Dengan penarikan balik rayuan ini, maka bermakna PETRONAS tidak lagi mempersoalkan kuasa Sarawak untuk mengenakan cukai jualan ke atas produk petroleum.

Ini telah disusuli dengan pendaftaran tujuh buah syarikat subsidairi PETRONAS sebagai layak membayar cukai dengan izin *taxable persons* di bawah Undang-undang Cukai Jualan Negeri. Memandangkan perkembangan ini, pihak negeri Sarawak telah

menarik balik kes sivil tuntutan bayaran cukai jualan terhadap PETRONAS di Mahkamah Tinggi pada 5 Ogos 2020 yang lepas. Dengan ini maka tiada lagi kes mahkamah di antara negeri Sarawak dan PETRONAS. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Saya rasa –

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Sabah, Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kulim.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan ringkas saya adalah – terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Sarawak – PETRONAS tidak lagi mempertikaikan hak Kerajaan Sarawak untuk mengutip cukai jualan, itu saya faham.

Di satu sisi yang lain, apabila Sarawak buat *Sarawak All Mining Ordinance 1998* dan (Pindaan 2018). Ini adalah berkenaan hendak *regulate* kuasa hak untuk mengusaha hasil gas dan minyak bagi Sarawak. Jadi PETRONAS kena minta lesen dan segala-gala macam. Jadi, PETRONAS kita tahu di bawah Akta Pembangunan Petroleum 1974, Hak untuk mengusaha hasil gas dan minyak di seluruh negara adalah hak PETRONAS. Adanya *Sarawak All Mining Ordinance* pula, Sarawak berpendapat, hak itu adalah hak negeri. Jadi apakah kedudukan Sarawak sekarang mengiktiraf hak PETRONAS di bawah 1974 untuk mengusaha hasil ataupun Sarawak juga mengiktiraf bahawa dia pun tidak *dispute* lagi ketika PETRONAS terima *to impose* cukai jualan kuasa Sarawak dan usaha hasil-hasil gas dan minyak seluruh negara adalah hak PETRONAS. Apakah itu antara penyelesaian yang telah dicapai ataupun masih lagi tergantung?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang sangat bagus dan prihatin tersebut. Walau bagaimanapun, saya akan menjawab soalan Yang Berhormat secara bertulis memandangkan maklumat yang dipohon terlalu spesifik dan perlu saya merujuk kepada mereka yang terlibat daripada segi perkara tersebut seperti Yang Berhormat Menteri Kanan. Terima kasih.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Kimanis.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tahu soal tuntutan-tuntutan yang terkandung dalam MA-63 itu termasuk juga soal tuntutan hak minyak terhadap Sabah

dan Sarawak. Rakyat tahu apa hak mereka, apa hak Sabah, apa hak Sarawak, rakyat semua tahu. Cuma, pada hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, boleh atau tidak saya minta atau bersedia atau tidak kerajaan memberikan satu *legal commitment* dengan izin, *legal commitment* diberikan untuk meyakinkan rakyat Sabah dan Sarawak bahawa semua tuntutan itu akan dilaksanakan mengikut jadual dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya daripada Majlis Khas, antara jawatankuasanya adalah Jawatankuasa Teknikal (Hal Ehwal Undang-undang) yang akan dipastikan ahlinya adalah antara Menteri Undang-undang serta *Attorney General office* dengan izin untuk memastikan dari segi hal *legal matters*. Dari sana, jikalau kita memerlukan pertambahan lagi dari segi rujukan tentang hal ehwal *legal* dengan izin, *Insyah-Allah* kita akan pastikan ia dilaksanakan. Terima kasih.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: *Legal commitment* maksud saya Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah untuk jaminan. Jaminan untuk kita melaksanakan, yang telah kita persetujuan, *it's a legal commitment* daripada kerajaan kepada rakyat Sabah dan Sarawak itu maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Demi kepentingan rakyat, *Insyah-Allah* kita akan mempertimbangkan tetapi oleh sebab waktu sekarang kita masih di dalam *research* dengan izin. Waktu *research* kami hendak memastikan bahawa kami akan berbincang dengan siapa yang layak untuk berbincang bersama. Ini kerana ia adalah sesuatu yang amat besar dan banyak *detail* yang perlu dilaksanakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Harap-harap dapat buat cepatlah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya jemput dan mempersilakan Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid.

2. Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan garis panduan terhadap syarikat yang ingin membuat pelaburan di dalam dan luar negara tetapi masih terpalit dengan isu bayaran pampasan dan sebagainya. Merujuk kepada laporan akhbar *The Star*, bertarikh 10 Februari 2020, The Lion Group ingin membuat pelaburan bernilai RM100 juta di Sabah tetapi bayaran pampasan bekas pekerja masih belum dijelaskan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar yang telah menunjukkan keprihatinan tentang garis panduan yang digunakan berkenaan dengan pelaburan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengalu-alukan pelaburan langsung asing ataupun pelaburan langsung tempatan terutamanya di dalam bidang projek perkilangan ataupun projek perkhidmatan yang berkaitan dengan sektor perkilangan di Malaysia.

■1020

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga menggalakkan syarikat-syarikat tempatan untuk melebarkan sayap mereka ke luar negara dan syarikat-syarikat ini perlulah mematuhi undang-undang dan garis panduan negara di mana mereka ingin melabur, bertapak ataupun menjual produk-produk mereka. Bagi pelaburan di Malaysia, kerajaan akan memastikan projek-projek pelaburan yang diluluskan memenuhi kriteria kelayakan dan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan berpandu kepada garis panduan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 yang telah digunakan bagi mempertimbangkan permohonan-permohonan syarikat yang ingin membuat pelaburan di dalam sektor perkilangan di Malaysia.

Di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, mana-mana syarikat yang menjalankan aktiviti perkilangan dengan dana pemegang saham sebanyak RM2.5 juta ataupun lebih atau mengajikan pekerja sepenuh masa seramai 75 orang dan lebih adalah dikehendaki memohon lesen pengilang dan kriteria kelayakan dan syarat-syarat bagi kelulusan lesen pengilang adalah seperti berikut:

Syarikat hendaklah mematuhi syarat nisbah pelaburan modal sepekerja atau dengan izin *capital investment per employee* sekurang-kurangnya RM140,000. Jumlah guna tenaga sepenuh masa syarikat hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 80 peratus rakyat Malaysia dan sekurang-kurangnya 25 peratus pekerja sepenuh masa syarikat adalah terdiri daripada kakitangan pengurusan, teknikal dan penyeliaan yang mempunyai ijazah atau diploma atau sijil atau nilai ditambah keluaran siap adalah sekurang-kurangnya 40 peratus.

Projek yang dijalankan hendaklah selaras dengan objektif ekonomi dan sosial negara dan hendaklah menjamin pembangunan aktiviti perkilangan di Malaysia. Syarikat hendaklah melatih rakyat Malaysia supaya pembinaan teknologi dan kepakaran dapat disalurkan di semua peringkat jawatan. Syarikat hendaklah melaksanakan projek seperti

diluluskan dan mengikut undang-undang serta peraturan lain yang termaktub di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, selepas sesuatu permohonan pelaburan dipertimbangkan berpandukan kepada kriteria dan garis panduan yang tersebut di atas, permohonan projek pelaburan akan dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan Nasional atau lebih dikenali sebagai dengan izin, *National Committee on Investment* yang dipengerusikan bersama oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Kewangan. Di mesyuarat ini, permohonan projek akan diperhalusi dan dipertimbangkan oleh ahli-ahli tetap yang terdiri daripada MITI, Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Bank Negara. Kementerian dan agensi lain akan dijemput mengikut keperluan sekiranya terdapat isu-isu yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, hanya permohonan pelaburan yang mempunyai merit dan memenuhi objektif dan matlamat pembangunan ekonomi dan sosial di samping menggalakkan kemajuan yang teratur untuk sektor dan aktiviti pengilangan di negara kita akan dipertimbangkan untuk kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan siaran akhbar bertarikh 10 Februari 2020 yang dibangkitkan dalam soalan. Untuk makluman, setakat ini Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri belum menerima permohonan berkaitan dengan pelaburan yang dilaporkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Meneliti daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, cuba memahami daripada sistem dan juga kerangka yang dibuat oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Namun, soalan saya ialah apakah langkah – sebab ini berlaku banyak Yang Berhormat Timbalan Menteri, Perwaja pun hutang tidak bayar, Malayan Group pun banyak syarikat yang mengkhianati amanah dan tanggungjawab terhadap pekerja.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah kementerian untuk memastikan syarikat yang tidak bertanggungjawab termasuk syarikat luar negara sebelum meneruskan perniagaan mereka diberi syarat ketat untuk menyelesaikan hutang pada pekerja serta meminda Akta Syarikat supaya tidak berlaku kezaliman terhadap rakyat Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Lim Ban Hong: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada keprihatinan Yang Berhormat berkenaan dengan pelaburan di Malaysia. Untuk makluman, Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 yang tadi saya bangkitkan,

Tuan Yang di-Pertua. *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]* Sebenarnya, dalam akta ini Tuan Yang di-Pertua, kita meluluskan pelaburan berpandukan kepada akta. Di mana, dalam peruntukan akta ini seksyen 4(3) memang menyatakan apabila kita memutuskan sama ada sesuatu permohonan lesen patut diluluskan atau tidak pegawai pelesenan akan menimbang sama ada pengeluaran sesuatu lesen adalah selaras dengan matlamat ekonomi dan sosial negara.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, satu unit juga ditubuhkan di bawah MIDA, agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri iaitu Seksyen Pematuhan dan Pemantauan Pelesenan dan Galakan. Di mana, untuk Seksyen Pematuhan dan Pemantauan Pelesenan dan Penggalakan ataupun secara ringkasnya kita sebut sebagai PPPG ini bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pelaburan-pelaburan yang diluluskan akan mematuhi syarat yang diluluskan. Kedua, akan juga menepati dan mematuhi syarat-syarat berkenaan dengan insentif yang telah diluluskan.

Berkenaan dengan apa Yang Berhormat Kapar bangkitkan berkenaan dengan pampasan pekerja ataupun syarikat-syarikat yang berhutang dari segi pampasan kepada pekerja. Yang Berhormat, undang-undang sedia ada yang diluluskan di Parlimen ini, contohnya Akta Kerja 1955, Akta Keselamatan Sosial Pekerja dan juga akta-akta lain yang berkaitan. Contohnya, Akta Pampasan Pekerja 1952 iaitu Akta 273. Begitu juga, dengan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011.

Kesemua ini merupakan akta-akta yang digunakan untuk melindungi pekerja sama ada pekerja tempatan ataupun pekerja asing yang bekerja di sini. Saya fikir untuk membantu dan juga menjaga kepentingan para pekerja seperti yang dibangkitkan dalam soalan, kita boleh mengguna pakai kesemua akta ini dan juga bekerjasama dengan Seksyen Pematuhan dan Pemantauan Pelesenan dan Galakan yang saya sebutkan tadi untuk memastikan pelaburan itu membawa impak ekonomi dan sosial yang positif kepada negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Tidak, saya dahulu bangun. Datang pukul 9.00 pagi. Malaysia mempunyai kelebihan berbanding dengan negara lain yang mampu menarik pelaburan ke negara kita berbanding negara seperti Vietnam dan juga India. Antaranya, melibatkan lokasi strategik, kos utiliti, infrastruktur relatif dalam menghadapi COVID-19. India dan Vietnam telah pun memulakan langkah awal dengan mempelawa pelabur asing ke negara masing-masing.

Soalan saya, apakah kementerian bercadang untuk memberi sebarang pelepasan cukai kepada mana-mana syarikat termasuk dari luar negara yang ingin

melabur di Malaysia pasca COVID-19 sebagai salah satu insentif bagi menggalakkan pelabur datang ke Malaysia untuk melabur? Mohon Yang Berhormat Menteri untuk menjawab terima kasih.

Datuk Lim Ban Hong: Terima kasih Yang Berhormat Jempol yang telah membangkitkan berkenaan dengan usaha-usaha kerajaan untuk menarik lebih ramai pelabur ke Malaysia memandangkan beberapa negara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi juga ada usaha-usaha untuk menarik pelabur melabur di negara mereka.

Yang Berhormat, sebenarnya untuk soalan ini kita telah menjawab sebelum ini di dalam soalan-soalan yang berbangkit. Akan tetapi, saya ingin meringkaskan untuk mengatakan bahawa kita melihat pada Pakej Rangsangan Ekonomi yang telah diumumkan oleh kerajaan sebelum ini sama ada pakej PRIHATIN, PRIHATIN SME dan juga dalam pakej PENJANA yang telah diumumkan terdapat insentif-insentif yang telah diumumkan oleh kerajaan untuk menarik pelabur ke negara kita termasuk memberi pengecualian cukai kepada syarikat-syarikat yang melabur di negara kita dan juga memberi insentif kepada mereka yang melakukan penempatan semula syarikat-syarikat mereka ke sini.

■1030

Kesemua insentif ini Tuan Yang di-Pertua, yang diumumkan dalam Pakej PENJANA yang saya sebutkan tadi, merupakan pakej dan juga usaha kerajaan untuk menarik lebih banyak pelabur, terutamanya pelabur asing ke negara kita.

Bukan sahaja itu Tuan Yang di-Pertua, satu unit khas juga ditubuhkan iaitu ringkasnya *Project Acceleration and Coordination Unit (PACU)* yang untuk membantu mempercepatkan permohonan pelaburan-pelaburan ke Malaysia. Begitu juga sekarang, untuk pengeluaran lesen pengilang ataupun, dengan izin, *manufacturing licence (ML)* telah diringkaskan kepada dua hari. Jadi, saya melihat kesemua ini merupakan usaha kerajaan untuk membantu menarik lebih ramai lagi pelabur asing ke Malaysia, pada masa yang sama menggalakkan pelabur-pelabur tempatan untuk mengembangkan kilang ataupun perniagaan mereka di Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan hendak bertanya kepada pelabur baru ya. Apa yang ingin saya tanyakan ialah pelabur lama yang ada ribuan kilang di Malaysia ini. Apakah kerja yang dilakukan oleh MIDA dan MITI untuk menambah pelaburan-pelaburan kepada pelabur yang sedia ada? Apakah insentif yang diberikan kepada pelabur-pelabur sedia ada untuk membesarkan pelaburan mereka dan seterusnya menambah peluang pekerjaan

kepada rakyat? Bukan yang baharu tetapi yang sedia ada, yang beribu-ribu kilang di Malaysia itu untuk pembesaran. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Lim Ban Hong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pontian yang juga merupakan mantan Menteri di kementerian yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kita memberi penekanan kepada pelabur-pelabur asing. Untuk pelabur-pelabur domestik ataupun pelabur-pelabur tempatan, kita juga memberi titik berat dan fokus yang sama kerana pelaburan mereka memang penting dalam menjana pekerjaan dan juga kita kata membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berkaitan dengan kilang tersebut untuk berkembang dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, beberapa insentif yang telah diperkenalkan di bawah MITI dan juga agensi-agensi di bawahnya. Pertama, kita hendak menggalakkan penggunaan teknologi baharu ataupun kita hendak membantu kilang-kilang ataupun syarikat tersebut untuk kita kata melakukan transformasi ke arah menggunakan teknologi yang lebih canggih ke arah menggunakan IR 4.0 ataupun *Industrial Revolution*. Kita telah menyediakan skim dan juga insentif untuk menggalakkan mereka menggunakan teknologi tersebut yang termasuk pembelian mesin dan lain-lain. Ini kita lihat sebagai satu insentif yang boleh menggalakkan kilang-kilang dan juga pelabur tempatan untuk bantu mereka mengembangkan perniagaan mereka.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, kita juga ada insentif-insentif lain yang disediakan untuk membantu mereka, termasuk pada penularan wabak COVID-19 ini. Kita telah menyediakan pakej dan insentif yang lain untuk membantu mereka menangani cabaran dan juga masalah serta kekangan yang dihadapi oleh mereka dalam penularan wabak COVID-19. Jadi, saya fikir insentif ini memang banyak dan ada maklumat terperinci yang perlu kita perhalusi satu persatu.

Sekiranya Yang Berhormat Pontian memerlukan maklumat lanjut ini supaya dapat disampaikan kepada kilang-kilang tempatan di kawasan Yang Berhormat Pontian, kita akan beri secara bertulis dengan terperinci kepada Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) adakah pihak kementerian mempunyai rancangan untuk menambah mesin hemodialisis khas untuk pesakit Hepatitis B di Hospital Bintulu kerana terdapat pesakit Bintulu diminta untuk menerima rawatan hemodialisis di luar Bahagian Bintulu atas sebab kekurangan mesin hemodialisis; dan
- (b) apakah perancangan kementerian untuk meningkatkan mutu perkhidmatan Poliklinik Bintulu kerana didapati prosedur dan masa menunggu untuk menerima rawatan agak panjang termasuk berurusan dengan farmasi untuk mengambil ubat.

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]:

Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Tuan Yang di-Pertua, Pusat Hemodialisis Hospital Bintulu telah dinaiktarafkan pada tahun 2013 iaitu dengan memperluaskan ruang bagi rawatan hemodialisis dan menambahkan bilangan mesin hemodialisis daripada 12 buah kepada 24 buah. Daripada jumlah ini, satu mesin hemodialisis untuk pesakit Hepatitis B telah ditambahkan kepada dua buah mesin yang boleh menampung 12 slot rawatan. Jumlah keseluruhan pesakit Hepatitis B di Hospital Bintulu adalah 12 orang.

Pada masa ini, tiada pesakit Hepatitis B yang sedang menunggu untuk menjalani rawatan dialisis dan juga tiada pesakit Hepatitis B dihantar keluar dari Bahagian Bintulu untuk rawatan hemodialisis. KKM sentiasa memantau keperluan dan menambah baik fasiliti perkhidmatan di kementerian dari semasa ke semasa dan ia dibuat secara berfasa bergantung kepada keperluan populasi setempat.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kesihatan sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan di semua fasiliti kesihatan, termasuk di Klinik Kesihatan Bintulu. Pasca Perintah Kawalan Pergerakan klinik-klinik kesihatan, termasuk Klinik Kesihatan Bintulu telah berusaha untuk mencegah kesesakan berlaku dalam premis klinik melalui pelbagai cara. Antaranya, mengatur kedatangan ke klinik dengan lebih sistematik menggunakan sistem temu janji berperingkat dan memperkenalkan sistem temu janji melalui kaedah *online*, panggilan telefon dan juga e-mel bagi semua perkhidmatan yang ditawarkan di klinik. Perkhidmatan konsultasi secara maya diperkenalkan bagi pesakit-pesakit stabil yang terpilih dan kaedah ini juga memberi keselesaan kepada pesakit-pesakit kronik yang stabil.

Bahagian Farmasi juga telah melaksanakan beberapa inisiatif. Antara lainnya, perkhidmatan ubat melalui pos, sistem pengambilan ubat secara temu janji, mengadakan Pusat Pungutan Ubat Susulan (PPUS), menyediakan kaunter khas bagi pungutan ubat dan perkhidmatan ubat secara pandu lalu. Setiap klinik memantau

peratus preskripsi dispens dalam tempoh 30 minit setiap hari dan pencapaian Klinik Kesihatan Bintulu adalah melebihi 90 peratus.

Dalam usaha mengurangkan waktu menunggu di klinik ini, pelanggan juga ditawarkan perkhidmatan tambah nilai atau *value added service*, dengan izin, seperti kad temu janji, letak dan ambil, Ubat Melalui Pos (UMP) dan juga Pusat Pengambilan Ubat Susulan Setempat (PPUSS). Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan di Klinik Kesihatan Bintulu telah mengurangkan waktu menunggu, di mana pemantauan KPI masa menunggu klinik ini berjaya melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 91 peratus, melebihi 90 peratus yang telah ditetapkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang terima kasihlah Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan itu. Saya boleh kata kebanyakan bahagian kita jawab cuma syok sendiri sahaja, terutama sekali di atas perkhidmatan di poliklinik ini. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak berapa faham, saya hendak ambil peluang ini menjemput Timbalan Menteri turun padang bersama-sama saya, kita boleh lihat dan faham macam mana kita punya perkhidmatan di klinik.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ini, masa ini masalah bila kita merancang untuk membina ini hemodialisis ataupun tempat rawatan ini, hemodialisis punya bangunan, bila kita rancang, memang kita tidak ambil kira *future development* ataupun masa panjang, kita tidak ambil tahu. Kita biarkan sahaja, kita *planning what are the needs for today*. Kita sekarang masalah tidak cukup tempat untuk menambahkan mesin. Saya turut terangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, banyak *hemodialysis machine* derma daripada orang awam dari Bintulu, bukan kerajaan beli punya. Ada kerajaan beli berapa unit sahaja. Kebanyakannya daripada NGO.

Akan tetapi bila orang awam masuk hendak buat hemodialisis, jawapan daripada klinik ataupun daripada hospital, *we give priority to the government officers*, dengan izin. Orang kata, kita *donate* ini mesin, kita derma ini mesin, akhir sekali, kita tidak boleh dirawat ini *hemodialysis machine*. Saya hendak tanya ini, macam mana kementerian akan mencadangkan untuk menyelesaikan ini masalah tersebut? Jangan lagi saya dengar jawab kita syok sendiri, *please keep the reality, how to resolve the problem*, dengan izin. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Yang Berhormat Bintulu kerana begitu prihatin dengan masalah rakyat di kawasannya, khususnya dengan masalah hemodialisis.

■1040

Perkara pertama yang disarankan tadi ialah tentang KPI yang telah kita nyatakan dekat sini dan usaha-usaha yang telah dijalankan dan akan dijalankan oleh KKM untuk mengelakkan kesesakan dan untuk memudahkan pesakit-pesakit yang datang. Ini bukanlah data-data yang kita ambil untuk syok sendiri, ini adalah data-data yang benar yang telah datang daripada fakta-fakta yang betul.

Kita dapat lihat hari ini contohnya KPI menunggu itu kita telah melepasi daripada KPI yang disarankan. Jadi ini satu perkara yang baik yang saya rasa *insya-Allah* akan memudahkan rakyat di kawasan Bintulu...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau *you* kata KPI, kita sama-sama turun yang mana protokol— kita tengok dulu kita punya perkhidmatan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:...dan juga menyatakan bahawa staf KKM di kawasan telah melaksanakan tugasnya dengan baik.

Perkara kedua tadi, saya mendengar daripada Yang Berhormat Bintulu mengatakan bahawa tentang begitu lama kawasan untuk mengadakan hemodialisis ini. Sebenarnya kita membuat hemodialisis ini mengikut keperluan. Pertamanya mengikut fasa-fasanya. Pertamanya mengikut keperluan.

Jadi kita tengok pesakit di Bintulu, hemodialisis seramai 126 orang yang tidak ada jangkitan, yang ada jangkitan Hepatitis B cuma 12 orang. Kita ada dua mesin untuk Hepatitis B dan tidak ada, telah dinyatakan bahawa tidak ada yang mereka terpaksa keluar. Tidak ada mereka yang tidak dapat layanan yang sebaiknya.

Jadi dengan 140 orang jumlah pesakit yang memerlukan hemodialisis dengan kita ada 29 mesin dialisis sekarang ini di kawasan Bintulu. Ini telah —akan dibantu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, *you* punya fakta dari mana?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Sebab apa...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya rasa...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Kita tidak boleh buat semua sekali kepada semua hospital. Kerajaan begitu prihatin tentang masalah rakyat. Jika contohnya Yang Berhormat Bintulu — jika ramai lagi pesakit yang memerlukan

hemodialisis di Hospital Bintulu *insya-Allah* kerajaan akan pasti menambahkan bilangan dan juga meluaskan kawasan untuk hemodialisis ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Hulu Langat.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri. Saya masih bercakap membawa tajuk tentang hemodialisis ini. Saya mendapati bahawa pesakit-pesakit persendirian sebagai contohnya penaja-penaja seperti Yayasan Kebajikan Negara pada 2018 hanya menaja 66 orang sahaja pesakit persendirian, kosnya hampir RM4 juta. Mereka meletakkan syarat pemohon berpendapatan bawah RM1200, sedangkan kalau kita lihat kadar garis kemiskinan semakin meningkat.

Soalan saya, adakah Kementerian Kesihatan mengumpulkan balik penaja-penaja dan juga pengusaha-pengusaha pusat dialisis ini untuk diberikan penerangan agar diangkat dan dinaikkan lagi kos tajaan mereka dan juga menambah lagi bilangan pesakit-pesakit luar, pesakit-pesakit persendirian untuk ditaja? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih, Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau melihat khususnya apa yang Yang Berhormat nyatakan tadi ialah Paras Garis Kemiskinan (PGK) telah berubah dan ini boleh menggugat sesiapa yang menerima, contohnya hemodialisis pada peringkat gaji yang tertentu.

Jadi saya percaya dengan perubahan-perubahan yang terkini, ini kita panggil dinamik. Kalau dulu kita perlukan sikit, sekarang kita perlukan lebih banyak. Kalau dulu kita perlukan ruang yang kecil, sekarang kita perlu ruang yang lebih besar. Kalau PGK telah berubah dan tahap garis kemiskinan ini telah berubah, ini telah menyebabkan mereka yang biasa mendapat umpamanya, tidak mendapat. Maka saya yakin kerajaan akan bertindak melalui KKM, akan memanggil mereka yang terlibat (*all the stakeholders*) dengan izin, supaya mereka diberi penerangan dan diberikan tatacara bagaimana untuk mengendalikan hemodialisis ini. Yang pentingnya sekali ialah untuk memudahkan rakyat, tidak menyusahkan rakyat, yang memudahkan rakyat untuk menerima rawatan yang penting untuk kesihatan mereka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tambah satu soalan Tuan Yang di-Pertua. Dialisis sangat penting untuk rakyat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkas Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ringkas Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bawa pengertian dulu Tuan Yang di-Pertua. Api membakar lilin Tuan Yang di-Pertua, maknanya kita membakar diri kita untuk menerangi orang lain. Saya antara Ahli Parlimen yang mencadangkan supaya *temporary partition board* dibuat, kemudian hari ini tiba-tiba tempat saya dihantar ke sudut dunia, tidak apa Tuan Yang di-Pertua saya terimalah itu sebagai hukum alam.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya pesakit dialisis Tuan Yang di-Pertua ada di kalangan mereka yang mampu tapi menerima rawatan dialisis di pusat dialisis swasta dan kebanyakannya di pihak kerajaan. Soalan saya, adakah pihak kerajaan kementerian mempunyai usaha untuk *educate* mereka yang mampu supaya mempunyai mesin dialisis di kediaman masing-masing dengan *training*, dengan sistem yang betul supaya kepadatan pesakit dialisis di pusat-pusat dialisis ini dapat dikurangkan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Jelebu walaupun kebelakang, kita masih nampak dan masih mendengar.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sangat menghargai.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terkejut juga saya dengar cerita lilin membakar tadi. Maknanya Yang Berhormat Jelebu sudah terbakar. Tuan Yang di-Pertua, ini bercerita tentang masalah akhir, *end stage* umpamanya, *end-stage renal failure* yang memerlukan hemodialisis. Mereka ini datang daripada penyakit-penyakit NCD, contohnya kita bagi tahu penyakit kencing manis dan sebagainya yang menyebabkan penyakit akhirnya begini.

Jadi yang pertama sekalilah, bagaimana kita hendak menolong ini. Ia ada banyak kategori, kalau B40 itu kita ada usaha-usaha untuk membantu. Begitu juga dengan M40 umpamanya dan juga begitu kepada mereka yang berkemampuan. Ada ramai orang yang berkemampuan yang boleh beli rumah yang besar, boleh beli kereta yang banyak. Kalaulah mereka terkena hemodialisis ini, dengan kemampuan yang mereka ada, mereka patut mengadakan sistem yang tersendiri.

Walau bagaimanapun, perkara ini bergantung kepada usaha sendiri dan kebanyakannya rakyat yang kita biyai hari ini untuk mewujudkan sistem hemodialisis bukanlah mudah dan bukanlah murah. Yang terpenting sekali ialah sepatutnya rakyat

lebih tumpu kepada bagaimana untuk tidak sampai *end-stage renal failure* iaitu dengan menurunkan kadar NCD di negara ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Seterusnya saya mempersilakan Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa untuk soalan seterusnya.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua,

*Hendak hidup pandai lompat,
Kalau lambat nanti tidak dapat,
Sila jawab dengan tepat,
Soalan saya nombor empat.*

4. **Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]** minta Perdana Menteri menyatakan berapa peruntukan kepada sekolah agama, tahfiz dan pondok secara perbandingan pada tahun 2017, 2018, 2019 dan 2020.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*, Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk kekanda Yang Berhormat Parit Buntar. Saya tidak bersedia dengan pantun tapi bersedia dengan jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dari semasa ke semasa berusaha memastikan institusi pendidikan pondok, tahfiz, sekolah agama di negara ini sentiasa kekal berdaya saing selari dengan aspirasi negara untuk memartabatkan institusi pendidikan Islam dalam mencapai dan mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0.

Bermula tahun 2017, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan khas secara *one-off* sebanyak RM80 juta. Peruntukan ini merangkumi institusi pondok sebanyak RM50 juta dan tahfiz sebanyak RM30 juta. Manakala, pada tahun 2018, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM75 juta, institusi pondok diperuntukkan sebanyak RM25 juta dan institusi tahfiz sebanyak RM50 juta yang disalurkan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) di bawah seliaan GIATMARA.

Seterusnya pada tahun 2019, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM100 juta secara *one-off*. Peruntukan ini merangkumi RM25 juta untuk institusi pondok, RM50 juta untuk institusi tahfiz dan RM25 juta pula untuk sekolah agama yang disalurkan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia.

Keprihatinan Kerajaan Persekutuan berhubung perkara ini dapat dilihat menerusi pembentangan Bajet 2020 iaitu sebanyak RM100 juta diluluskan di mana RM25 juta untuk institusi pondok, RM50 juta untuk institusi tahfiz dan RM25 juta lagi untuk sekolah

agama. Keseluruhan peruntukan ini diagihkan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih, sekurang-kurangnya Tuan Yang di-Pertua Dewan ini dimaklumkan bahawa peruntukan daripada dulu memang tinggi untuk tahfiz dan juga sekolah agama. *[Tepuk]* Jadi tidak timbul isu menyatakan kononnya dulu Pakatan Harapan tidak membela Islam dan sebagainya.

Akan tetapi, itu bukan soalan saya. Soalan tambahan saya ialah sebagaimana yang kita sedia maklum, peruntukan kewangan itu satu hal Tuan Yang di-Pertua tapi yang lebih penting, saya ingin minta penjelasan bagaimanakah perkembangan apa yang kita namakan sebagai Majlis Tahfiz Negara.

■1050

Majlis ini adalah lanjutan daripada Dasar Pendidikan Tahfiz Negara di mana tujuannya adalah untuk perundangan, penguatkuasaan, kebajikan dan juga keselamatan kepada institusi tahfiz. Malah semasa kita diberi amanah untuk menjaganya, kita bekerjasama dengan kementerian kebajikan keluarga dan sosial untuk memastikan isu tahfiz yang sentiasa menjadi bahan fitnah dan menjadi isu di dalam masyarakat ditangani dalam bentuk satu Majlis Tahfiz Negara yang kalau dilihat dari sudut *timeline*-nya, sepatutnya pada Mac 2020 kami telah pun melancarkan Majlis Tahfiz Negara itu. Mohon apakah perkembangan terkini Majlis Tahfiz Negara? Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary: Terima kasih kepada kakanda Yang Berhormat Parit Buntar. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa peningkatan peruntukan kepada semua institusi yang disebutkan tadi pondok tahfiz dan juga sekolah agama itu peningkatan secara biasa dari tahun ke tahun. Apa pun saya juga hendak menegaskan kepada Dewan yang mulia ini, inisiatif pemberian kepada pondok-pondok dan juga sekolah tahfiz ini sebenarnya dimulakan pada tahun 2015 lagi, pada zaman Kerajaan Barisan Nasional pada waktu itu. Jadi tidak timbul soal ini adalah merupakan perkara yang dimulakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Soalan daripada Yang Berhormat berkaitan dengan Majlis Tahfiz Negara yang telah pun diluluskan penubuhannya pada September 2019 sedang giat membangunkan

standard dan prosedur SOP bagi mengerakkan fungsi MTN iaitu terma rujukan MTN standard dan SOP pengiktirafan huffaz. Standard dan SOP penarafan institusi tahfiz peringkat rendah dan tinggi dalam erti kata lain menerusi MTN, kerajaan bukan sahaja dapat menjamin tahap keselamatan institusi tahfiz tetapi juga menaik taraf aspek pensijilan penarafan institusi tahfiz dan pihak kerajaan akan terus komited untuk memperkasakan institusi tahfiz ini dan membentuk huffaz sebagai pelapis generasi masa depan negara.

Berkaitan dengan bilakah pelancaran akan dibuat? Itu kita akan umumkan dalam masa yang terdekat ini Yang Berhormat. Sekian terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan di sebelah sini dahulu. Yang Berhormat Kuala Krai.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah selain daripada bantuan kewangan yang telah pun diumumkan oleh Yang Berhormat tadi ialah apakah usaha pihak kerajaan untuk memantapkan lagi Dasar Tahfiz Negara sejak 2015 yang perlu dijelaskan kepada Dewan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Berkaitan dengan pemantapan Dasar Tahfiz Negara yang diperkenalkan oleh kerajaan sejak tahun 2017 lagi, zaman Kerajaan Barisan Nasional masih diteruskan sehingga kini, pelaksanaannya dilaporkan dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan persidangan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran Dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) dari masa ke semasa.

Dasar Tahfiz Negara digerakkan melalui lima teras utama iaitu:

- (i) memantapkan undang-undang dan penguatkuasaan;
- (ii) mewujudkan modal institusi tahfiz;
- (iii) mewujudkan kurikulum pendidikan tahfiz yang sesuai dengan pendidikan arus perdana;
- (iv) memperkasakan tadbir urus tahfiz; dan
- (v) mewujudkan sistem pengiktirafan dan pensijilan bagi institusi tahfiz.

Perkembangan terkini Dasar Tahfiz Negara antaranya ialah JAKIM bersama-sama dengan bahagian penggubalan Jabatan Peguam Negara dalam proses pemurnian draf kaedah sekolah agama Islam Wilayah Persekutuan. Kaedah ini akan dijadikan model kepada semua negeri, *Insyah-Allah*. Sekian terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, Baling ini banyak sekolah pondok. Tolonglah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, maaf.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Jerai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Permatang Pauh. Silakan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Memandangkan pada April tahun ini, pihak JAKIM telah mengumumkan pembatalan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) bagi tahun 2020 dengan kebimbangan kesihatan dan sebagainya di kala COVID-19, apakah cadangan kementerian untuk berbincang dengan kesemua pemegang taruh sekolah-sekolah agama dan sekolah tahfiz bagi kaedah baharu yang mungkin boleh diguna pakai untuk menggantikan ujian bertulis dalam memastikan penilaian terhadap penguasaan murid ini tidak terganggu. Saya mohon kerana ramai yang bertanyakan kepada saya di kawasan Permatang Pauh, apakah ruang untuk mereka bawa dan berbincang dengan lebih lanjut lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh dengan soalan yang sangat baik. Untuk menjawab soalan ini, pihak JAKIM dengan penuh sedar bahawa kaedah ujian penilaian kepada pelajar-pelajar, murid-murid KAFA ini adalah merupakan satu instrumen penting dalam pendidikan dan merupakan teras dalam pendidikan agama.

Namun kaedah yang kita akan gunakan untuk dilaksanakan dalam suasana COVID-19 yang masih lagi merebak ini, kita sedang merangka dan akan mengumumkan dalam masa terdekat bagaimana kaedah yang sesuai untuk dilaksanakan bagi penilaian terutamanya kepada murid-murid yang terlibat dengan pendidikan KAFA ini. *Insyah-Allah* kerajaan akan mengumumkan kaedah yang sangat sesuai dalam masa terdekat ini Yang Berhormat, *insyiah-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Kuala Krai untuk soalan seterusnya.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan soalan dengan pantun.

*Ke Pekan Dabong mencari delima,
Penduduknya mesra lagi petah,
Soalan saya nombor lima,
Berkaitan masalah penoreh getah.*

5. Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan apakah usaha yang komprehensif untuk meluaskan lagi penggunaan getah sebagai elemen utama dalam pembinaan jalan raya dan adakah penggunaan getah ini dapat meningkatkan harga getah yang terlalu lesu sekarang.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, melalui Belanjawan 2019, kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta bagi pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya menggunakan teknologi *cuplump modified bitumen* (CMB) yang meliputi jalan-jalan raya sepanjang 202.6 kilometer dengan anggaran penggunaan getah sebanyak 450 hingga 400 tan yang telah diturap di seluruh Malaysia yang melibatkan 106 lokasi.

Projek ini telah dilaksanakan oleh pihak JKR dan dipantau oleh pihak Lembaga Getah Malaysia (LGM). Bagi memperluaskan penggunaan CMP bagi turapan jalan *cuplump modified asphalt* (CMA), LGM juga bekerjasama dengan FELDA, RISDA, FELCRA dan pihak PBT Teluk Intan, Muar dan Melaka. Hasil kerjasama ini sepanjang 57.1 kilometer jalan CMA telah diturap. Sehingga ini, jumlah jalan yang telah diturap menggunakan CPM ialah 264.76 kilometer.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa usaha antaranya pertemuan bersama pihak DBKL, pihak PBT Selangor, Johor dan Negeri Sembilan telah dilakukan dengan objektif teknologi ini dapat difahami dan digunakan dalam projek-projek jalan mega. Selain itu, LGM telah menandatangani memorandum persefahaman (MOU) bagi kerjasama penggunaan teknologi *cuplump modified bitumen* bagi pembinaan jalan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kementerian ataupun KPPK dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sedang merancang untuk melaksanakan pembinaan jalan raya perhubungan desa dan jalan luar bandar. Adalah diharapkan kerajaan akan terus menyokong penurapan jalan raya menggunakan teknologi CMB kerana ia dapat meningkatkan penggunaan pengeluaran getah domestik.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada peringkat kementerian satu polisi mengenai penggunaan teknologi CMB dengan sasaran awal sehingga 10 peratus

jumlah jalan yang diturap setiap tahun di seluruh negara menggunakan CMB akan dicadangkan kepada kerajaan. Oleh itu, sekiranya pihak kerajaan meneruskan turapan jalan menggunakan kaedah ini, ia mampu memberi impak kepada harga getah dengan mengurangkan stok antarabangsa dalam jangka masa panjang. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Kuala Krai.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi yang baharu ini.

■1100

Saya difahamkan harga getah kembali meningkat dan insentif pengeluaran getah (IPG) juga telah dinaikkan. Terakhir ialah harga getah RM2.40 dan IPG RM1.60. Bermakna penoreh getah akan penerima RM4.00 untuk satu kilogram. Terima kasih dan tahniah. Ini menunjukkan Kerajaan Perikatan Nasional adalah kerajaan yang sangat memahami masalah dan kehendak rakyat.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah sehingga kini berapakah peratusan ataupun berapakah peratus penggunaan getah daripada jumlah pengeluaran getah negara dijadikan sebagai bahan yang digunakan dalam pembinaan jalan raya dan berapakah peratus tahap maksimum yang diharapkan oleh pihak kementerian agar permintaan terhadap getah menjadi lebih tinggi supaya harga getah tempatan menjadi lebih stabil. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang benar Yang Berhormat, kementerian memang berusaha gigih untuk meningkatkan harga-harga komoditi supaya dapat membantu kepada pekebun-pekebun kecil untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik.

Jadi, berkaitan dengan soalan peratusan penggunaan getah daripada jumlah pengeluaran getah negara sebagai bahan yang digunakan dalam pembinaan jalan raya, untuk makluman Yang Berhormat pada masa kini ia adalah dalam satu peratusan yang kecil. Seperti yang saya telah terangkan dalam jawapan saya, pada tahun 2019 anggaran 400 hingga 500 tan getah digunakan untuk penurapan jalan raya menggunakan CMB. Jadi, antaranya nampaknya hanya kira-kira lebih kurang 0.8 peratus dari jumlah semasa pengeluaran negara.

Walaupun peratusan itu kecil, tetapi penggunaan getah CMB untuk jalan yang diturap 202.7 kilometer itu sangat bermanfaat kerana ia dapat memberi agensinya dapat membuat penilaian dan kajian pengkomersialan oleh AGN dengan kerjasama pihak-pihak berkaitan terutamanya JKR.

Berkaitan dengan menentukan peratusan tahap maksimum itu, pada ketika ini amat sukar tetapi bagi pandangan KPPK yang penting ialah kesannya. Kesan adalah dalam jangka masa panjang, kesan dalam jangka masa panjang yang penting kerana ia boleh memberi manfaat untuk capai tujuan ataupun penggunaan pembinaan jalan menggunakan CMB ini. Jadi, kita akan capai lebih tinggi apabila penggunaan MC ini dengan banyak dapat dikomersialkan dengan sepenuhnya terutamanya di Malaysia ataupun di negara-negara yang mengeluarkan getah asli seperti di Thailand dan juga Indonesia. Jadi, sebab itu lah di bawah kerjasama ITRC ini yang mana masing-masing telah merancang untuk menggunakan lebih banyak CMB secara besar-besaran.

Namun, bagi saya kerajaan harus serba komitmen seperti saya katakan 10 peratus cadangan awal itu untuk kegunaan menurap jalan setiap tahun di seluruh negara harus diterima pakai kerana ini penting menurut sumber setiap tahun JKR akan menurap jalan hampir 100,000 kilometer jalan. Oleh itu, kalau campuran getah digunakan untuk setiap satu kilometer katakan sejumlah 4,000 tan beku digunakan, ini bermakna jika 10,000 kilometer jalan diturap sejumlah 40,000 tan getah digunakan.

Tambahan dengan pelbagai usaha dijalankan untuk bersama dengan agensi dari kerajaan negeri dan PBT, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan saya dapat ia akan dapat membantu untuk meningkatkan penggunaan pembinaan jalan. Jadi, ini sudah pasti penggunaan CMB yang banyak akan membantu meningkatkan harga getah di peringkat ...[Tidak jelas] harga bagi *cuplump* yang akan dibayar kepada pekebun kecil. Sekian, terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi mereka yang sudah banyak penggal duduk dalam dewan ini, kita pun dengar lama sudah cerita getah ini hendak buat jalan tetapi sampai sekarang nampaknya baru cadangan demi cadangan. Jadi, isunya Tuan Yang di-Pertua selain daripada kita hendak gunakan untuk pembinaan jalan raya, adakah pihak kerajaan juga fikir selain daripada jalan raya ada tidak benda-benda lain yang kita boleh buat?

Seperti contohnya kita selalu tengok bumbung rumah kita ini, *roofing* kita, kita gunakan zink atau tile yang selalu bocor. Saya lihat ada juga orang kampung yang gunakan getah untuk jadikan sebagai alat untuk penahan bocor. Jadi, adakah kerajaan bercadang di samping fokus kepada untuk buat jalan saja, ada lain-lain yang boleh digunakan dan ditambah peruntukan untuk buat *research* secara mendalam untuk kegunaan akhirnya menguntungkan penoreh-penoreh getah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Ahli Yang Berhormat. Memang satu cadangan yang baik. Kerajaan sentiasa beri perhatian. Ini getah sebenarnya satu produk ia boleh digunakan pelbagai bukan sahaja jalan. Jalan ini adalah satu produk yang baharu kita hendak perkenalkan supaya penggunaan lebih untuk pengeluaran getah. Contoh di domestik, kalau pengeluaran getah digunakan dengan pelbagai kegunaan maka sudah pasti harga getah akan meningkat. Jadi, sebenarnya KPPK bukan sahaja untuk hendak menentukan atau tetapkan hanya satu produk untuk jalan saja. Itu adalah antara satu saja.

Jadi, selain daripada itu banyak juga produk seperti sarung tangan juga satu produk, tayar dan sebagainya. Maka bermakna KPPK akan mengambil peluang dan akan kaji suatu produk yang baharu. Apa yang penting ialah supaya dapat memperbanyakkan produk ini untuk membolehkan harga getah meningkat dan bantu kepada pekebun-pekebun kecil di Malaysia ini. Kita faham di Malaysia kita ada 1.1 juta hektar dan melibatkan lebih kurang '440' pekebun kecil, boleh katakan semua penoreh getah adalah daripada pekebun kecil. Jadi, adalah penting bagi kerajaan untuk pastikan supaya memastikan produk-produk terutama dari getah dapat dikomersialkan dengan baik dan dapat meningkatkan harga getah untuk membantu terutama kepada pekebun-pekebun kecil. Sekian, terima kasih.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain dari usaha jangka panjang meningkatkan penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya, minta Yang Berhormat Menteri jelaskan apakah usaha-usaha yang lain yang telah diambil oleh kerajaan dalam penghasilan produk-produk baharu serta bernilai tambah, apakah jua usaha kerajaan dalam kerjasama dengan negara pengeluar utama getah dalam mengukuhkan harga getah?

Dari segi jangka pendek, minta Yang Berhormat Menteri nyatakan bagaimana kerajaan dapat menjamin penetapan harga getah di ladang supaya harga getah lebih kompetitif buat pekebun kecil. Minta jua Yang Berhormat Menteri memberi keterangan lanjut mengenai dengan inisiatif pengeluaran getah atau IPG dalam membantu pekebun kecil. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, banyak soalan dikemukakan. Akan tetapi bagi saya begini, kerajaan telah memberi begitu perhatian termasuk bagi bantuan-bantuan dan insentif kepada pekebun kecil contohnya IPG. IPG pada tahun 2015 dengan tujuan untuk mengurangkan beban ekonomi pekebun kecil getah di samping menggalakkan mereka untuk terus menoreh sewaktu harga rendah di pasaran. Jadi, berdasarkan harga getah terlalu rendah pada penghujung tahun 2018.

Kerajaan telah menambah baik pelaksana insentif pengeluaran getah IPG dengan menaikkan paras harga pengaktifan PHP IPG daripada RM2.20 kepada RM2.50 sekilogram getah skrap bermula ..[*Tidak jelas*] 2019.

Selain daripada itu, kerajaan juga mengenakan Bantuan Musim Tengkujuh *one-off* yang dilaksanakan oleh RISDA di mana diperuntukkan sebanyak RM261 juta bagi memastikan kebajikan pekebun kecil dan penoreh getah terpelihara ketika musim tengkujuh.

■1110

Jadi, bantuan sebanyak RM200 sebulan diberikan kepada pekebun kecil bagi tiga bulan iaitu pada November, Disember dan Januari untuk memanfaatkan seramai 440,000 pekebun kecil.

Jadi, yang saya sudah terangkan tadi, sebenarnya jalan juga salah satu produk yang diperkenalkan untuk memperkukuhkan hasil atau pendapatan dan meningkatkan harga kepada pekebun kecil. Peringkat awal kita nampak pelaksanaan ini mungkin ia ada kekangan. Ini kerana kalau kita kata contohnya gunakan jalan pembuatan getah ini, mungkin kos lebih tinggi pada peringkat awalnya secara bandingan dengan jalan konvensional. Akan tetapi, kita mesti faham bahawa mengikut kajian bahawa jalan yang menggunakan kaedah konvensional ini, ia akan berturap, contohnya empat tahun atau lima tahun, kena berturap sekali lagi sebab masalah mendap, masalah berlubang, retak dan sebagainya. Akan tetapi, secara bandingan kalau menggunakan getah contohnya, ia boleh diturap semula mungkin boleh memberi kitaran sepanjang sampai lapan hingga sembilan tahun. Maknanya, kalau di peringkat awalnya, kita nampak kos tinggi tetapi secara jangka masa panjang, ia akan mengurangkan kos.

Dengan cara ini, termasuk kerjasama yang dikatakan ITRC, kena berbincang bagaimana untuk memperluaskan penggunaan jalan ini untuk menggunakan bahan getah ini supaya ia dapat meningkatkan lagi atau menstabilkan harga getah di Malaysia atau di seluruh dunia. Sekian, terima kasih.

6. Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta Menteri Kesihatan menyatakan '*feasibility*' untuk menyediakan pemeriksaan '*pap smear*' kepada kaum wanita yang layak PeKa B40.

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]:
Bismillahi Rahmani Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai seorang doktor, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Hulu Selangor kerana

bertanyakan soalan yang sangat penting untuk wanita kerana penyakit kanser serviks ini boleh dicegah dan dirawat kalau di peringkat awal dan dapat menyelamatkan nyawa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perancangan awal PeKA B40, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil kira pelbagai aspek. Saringan *pap smear* tidak dimasukkan sebagai sebahagian daripada manfaat saringan setelah KKM mengambil kira beberapa perkara.

Pertamanya, terdapat pelbagai agensi yang menjalankan saringan kanser serviks melalui teknik *pap smear*. Antaranya adalah semua klinik kesihatan dan hospital di bawah KKM termasuklah klinik desa sekali, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), PERKESO, hospital-hospital universiti di bawah KPT, organisasi bukan kerajaan (NGO) seperti *Federation of Reproductive Health Associations of Malaysia* (FRHAM) dan *National Cancer Society of Malaysia* (NCSM), klinik-klinik di bawah PBT seperti di negeri-negeri Pulau Pinang dan Selangor serta hospital-hospital di bawah Angkatan Tentera Malaysia.

Walaupun kanser serviks merupakan kanser kesembilan tertinggi bagi semua kanser di Malaysia, namun kadar insiden bagi kanser ini adalah rendah iaitu sebanyak 6.2 per 100,000 populasi berbanding dengan kanser payudara iaitu sebanyak 34.1 per 100,000 populasi. Oleh itu, saringan kanser payudara diberi keutamaan untuk dimasukkan sebagai sebahagian dari pakej manfaat saringan kesihatan PeKa B40.

Di samping itu, pada peringkat permulaan, dengan bajet sebanyak RM20 juta, kementerian perlu menghadkan bentuk-bentuk manfaat yang boleh diberikan melalui saringan kesihatan PeKa B40 ini mengikut keperluan dan kepentingan. Sekian, terima kasih.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberi dan juga terima kasih kepada kementerian kerana telah banyak usaha yang telah diusahakan.

Kita sedia maklum, peratusan wanita yang perlu untuk ujian masih rendah, sedangkan peratusan wanita yang mengidap kanser serviks kian meningkat. Oleh itu, apakah usaha lain daripada kementerian dapat dilaksanakan selain daripada kempen kesedaran? Adakah pihak kementerian bersedia untuk mewajibkan supaya setiap wanita yang berkahwin untuk menjalani ujian ini secara berkala sebagai satu usaha untuk mengesan ataupun mengekang wanita daripada kanser serviks ini? Sekiranya mereka yang menjalani ujian tersebut disahkan normal, apakah pula langkah

prevention awal oleh Kementerian bagi memastikan mereka terus kekal sihat tanpa kanser serviks?

Sebab, ini sangat penting sebab wanita bukan sahaja merupakan tulang belakang kepada keluarga malahan kepada negara. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kanser serviks ini yang ketiga. Kalau dalam orang perempuan, ia yang ketiga yang tertinggi sekarang ini. Sehingga setakat ini, *pap smear* merupakan saringan utama. Kalau di KKM, percuma saja daripada semua agensi yang buat tadi. Kalau KKM, percuma saja. Bayar RM1 pendaftaran tetapi percuma buat.

Akan tetapi, apa yang kita dapat daripada dapatan daripada *National Health and Morbidity Survey* tahun 2019? [*Sambil menunjukkan senaskah buku*] Sebanyak 60 peratus wanita tidak melakukan *pap smear* sejak tiga tahun yang lepas. Sebanyak 60 peratus dan sebanyak 25 peratus tidak tahu ada kaedah-kaedah lain. Jadi, kita bimbang yang mana adakah wanita tidak tahu ataupun tidak peduli dan kenapakah perkara ini berlaku? Ini kerana dapatan capaiannya hanya sebanyak 25 peratus sedangkan *target* kerajaan adalah sebanyak 40 peratus. Dan kita tahu penyakit ini penyakit yang boleh dicegah. Ada vaksinasi, ada rawatan dan sebagainya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang menjadi masalah sekarang ini adalah ujian yang dilakukan itu. Saya dapat maklumat, sebagai seorang doktor, *pap smear* ini bukanlah sesuatu yang selesa. Ia tidak selesa dan ramai wanita yang malu, ada yang takut dan mungkin ada juga yang tidak peduli.

Hari ini kerajaan telah meluluskan satu lagi cara saringan iaitu dengan melakukan ujian HPV. Ujian HPV ini telah dilakukan secara berfasa dan peringkat rintisnya telah dijalankan pada bulan September 2019 iaitu dengan memilih empat negeri. *Insyah-Allah*, dengan keputusan yang baik ini, ia akan diteruskan dengan empat negeri dan kerajaan berharap pada tahun 2023 dapat menyeluruh menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya peluang sedikit. Apa yang saya bawa hari ini ialah *flocked swab*... [*Sambil menunjukkan flocked swab*] Kerana ramai wanita mengatakan *pap smear* ini ada yang kata menyakitkan. Akan tetapi, ini adalah satu program ujian HPV yang mana mereka dapat lakukan sendiri. Dengan *guidance*, mereka dapat lakukan sendiri, tidak sakit, mudah dan tidak ada rasa takut.

Tuan Yang di-Pertua, saya bawa *flocked swab* hari ini. Ini buka... [*Sambil menunjukkan flocked swab*] Dimasukkan dan dipusing sebanyak 10 kali, ditarik, dimasukkan dalam dan diberikan kepada petugas kesihatan. Semudah itu.

Ini adalah kaedah saringan yang terkini di dunia sekarang ini terutamanya di Australia yang melaksanakan perkara ini dan ramai dapatan yang lebih. Dengan ini kita dapat, *insya-Allah*, satu hari melupuskan kanser serviks umpamanya dan nyawa akan terselamat.

Seperti Yang Berhormat Hulu Selangor tanya tadi, apakah yang kita akan melakukan kalau mereka didapati positif, maka kita akan *refer* terus kepada *oncologist* secepat mungkin untuk rawatan awal. Kalau tidak— kalau dengan ujian HPV ini, setiap lima tahun sekali. Sedangkan ujian *pap smear* itu adalah tiga tahun sekali dan kita dapati dapatannya tidak memberangsangkan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bersemangat sekali sahabat kita Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab soalan berkenaan dengan perkara ini.

Saya dengar tadi dengan teliti bahawa peratusan yang mengambil *pap smear* ini tidak tercapai ya iaitu *25 percent*, dengan izin. Jadi, apakah sasaran kementerian pada tahun 2020 ini, tahun 2021 dan tahun 2022 ditingkatkan lagi sasaran ini? Juga, bagaimana caranya usaha kementerian untuk memastikan sasaran ini dapat dicapai?

Ini supaya ramai lagi wanita kita yang ada di luar sana melalui *pap smear* ini. Bagaimana pula cara tadi iaitu satu sistem yang baharu yang diperkenalkan ini, bagaimana caranya untuk kaum wanita mendapatkannya? Adakah melalui pergi ke hospital, klinik dan sebagainya? Supaya kita dapat maklumkan lagi kepada ramai wanita di luar sana. Terima kasih.

■1120

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Bersemangat Tuan Yang di-Pertua— Ini kerana apa, kita sayangkan wanita kita. Apa yang saya hendak nyatakan di sini adalah kerajaan memang daripada dahulu lagi sudah telah melakukan saranan, nasihat, kursus dan sebagainya untuk menerangkan kepada rakyat bahawa ini adalah kanser yang membunuh. Oleh sebab itu, hari ini WHO umpamanya telah menyarankan gerakan usaha untuk menghapuskan kanser serviks. Apa yang kita dapati hari ini— kalau dapatannya cuma sejumlah 25 peratus— kalau hanya 60 peratus wanita tidak melakukan *pap smear test* pada tiga tahun yang lepas. Bermakna kita risau juga wanita-wanita yang ada dekat sini. Ini kerana, yang kita dapati

adalah kerana mereka malu dan takut dan tidak selesa. Oleh sebab itu, saya nyatakan tadi, kaedah yang terkini iaitu ujian HPV tadi.

Kerajaan akan meneruskan melalui program-program seumpamanya melalui LPPKN di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan semua agensi yang melakukan ujian *pap smear* tadi untuk meneruskan, menceritakan dan memberi kesedaran kepada wanita-wanita di negara ini. Seperti yang saya katakan tadi, keputusan daripada projek rintis pada empat negeri iaitu di Putrajaya, Kuala Lumpur, Kelantan dan Kedah sangat memberangsangkan.

Ini kerana, dapatannya mereka dapat melakukan *pap smear* sebanyak 98 peratus melakukan ujian dengan sendiri. Kedua, dapatan yang tinggi juga yang tidak ada masalah HPV. Jadi, kerajaan akan meneruskan projek rintis ini, dengan meneruskan kepada empat negeri lagi dan memang menjadi hasrat kerajaan pada tahun 2023 untuk meneruskan usaha menggantikan saringan kanser serviks ini dengan menggunakan ujian HPV iaitu ujian PCR. Jadi, mudah-mudahan dengan wujudnya soalan yang penting hari ini, saya mengharapkanlah rakyat Malaysia yang wanita dan juga suami-suami dan penjaga-penjaga yang lain menasihati wanita kita supaya sedar dan insaf perkara ini. Ini kerana, kanser ini boleh membunuh masa depan kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Kuala Selangor. Ringkas ya.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sangat bersungguh dan *passionate* sekali dalam membuat penjelasan tentang *cervical cancer* dan juga kaedah yang baharu yang merupakan kaedah HPV tadi, *on your DNA reductness testing for HPV*.

Saya beralih sedikit Tuan Yang di-Pertua, masih bercakap tentang dalam aspek PeKa B40 iaitu kalau dapat dipertingkatkan *screening* terhadap Hepatitis B yang dibuat atas *pregnant mothers* ini yang lazimnya dibuat di *private hospital*. Apakah PeKa B40 program yang telah kami mulakan dahulu, ketika kita mentadbir dapat kita lanjutkan untuk *prevent vertical transmission of Hepatitis B* untuk mengelakkan *liver cancer*, *chronic hepatitis in newborn* dan *supplement for our neonatal hepatitis in this new program*. Dapat kah kiranya KKM mengambil pertimbangan itu yang lazimnya sekarang ini dibuat di hospital swasta dan tidak di hospital kerajaan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas pertimbangan ini.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kuala Selangor. Satu soalan yang baik tentang PeKa B40 ini. Sebenarnya

PeKa B40 ini satu usaha yang sangat murni dan baik. Oleh sebab itulah Kerajaan Perikatan Nasional akan meneruskan program PeKa B40 ini dan sudah tentu akan memperbaiki lagi perkara-perkara dan manfaat terkandung di dalamnya.

Macam saya kata tadi lah, kalau berbalik sedikit kepada kanser serviks tadi— Permohonannya adalah untuk masukkan sebagai manfaat. Akan tetapi, jika berlaku — Ini kerana kita boleh cegah, di peringkat awal boleh dirawat— Akan tetapi, jika berlaku juga kanser serviks, maka mereka ini tergolong dalam mereka yang ada kanser. Mereka yang ada kanser boleh mendapat manfaat daripada program PeKa B40 melalui manfaat ketiga dan keempat kerana manfaat ketiga dan keempat adalah untuk pesakit-pesakit kanser dalam kalangan B40 dan juga untuk mendapat insentif *transportation*, untuk perbelanjaan pengangkutannya itu.

Maka, begitu juga dengan Hepatitis B umpamanya. Ia satu lagi penyakit yang boleh mendatangkan kanser juga pada akhirnya. Satu penyakit yang boleh merosakkan *liver* kita pada akhirnya. Sudah tentulah kita hari ini— pada peringkat awalnya kita melihat kepada apa yang boleh mencegah Hepatitis B. Jadi, maknanya kita kena tahu apakah yang menyebabkan Hepatitis B. Kalau kita dapat lihat dahulu umpamanya penagihan dadah iaitu dalam kalangan mereka yang menggunakan suntikan ataupun daripada seks rambang dan sebagainya. Ini melibatkan perangai-perangai manusia. Jadi, pada saya, peringkat pertama adalah kerajaan patut tingkatkan kesedaran tentang penyakit Hepatitis B ini dan masalah kanser yang akhirnya akan kena iaitu kanser hati itu, *cirrhosis* dan kanser hati itu.

Jadi, memanglah PeKa B40 sekali lagi saya hendak nyatakan Kerajaan Perikatan Nasional sangat-sangat suka dengan program ini dan akan meneruskan program ini. Seperti yang saya kata tadi, kenapa peringkat awal kita begitu berhati-hati tentang manfaat-manfaat yang hendak dimasukkan? Ini kerana, ia tentang dana yang diberikan. Kerajaan dahulu janji sebanyak RM100 juta, tetapi bagi RM20 juta. Hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberikan sejumlah RM50 juta lagi tambahan melalui Program PENJANA untuk menolong PeKa B40 ini supaya ini akan memberikan kesihatan yang lebih baik kepada golongan-golongan yang miskin yang tergolong dalam golongan B40. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta Perdana Menteri menyatakan apakah jenis sumbangan daripada agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) untuk program Musa'adah COVID-19 serta golongan-golongan sasaran yang terlibat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Pasir Mas. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa program Musa'adah COVID-19 merupakan satu inisiatif yang digerakkan oleh agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) seawal 18 Mac 2020 dan masih berterusan sehingga kini.

Matlamat utama pelaksanaan program ini adalah bagi membantu kumpulan sasaran yang terjejas susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Pelbagai bentuk bantuan telah diberikan oleh setiap agensi berdasarkan kepada kapasiti masing-masing. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, sehingga 30 Julai 2020 nilai bantuan yang dibelanjakan di bawah program Musa'adah COVID-19 telah mencecah sebanyak RM269.8 juta. Ia telah memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya seramai 500,000 individu di seluruh Malaysia merangkumi golongan asnaf fakir miskin, golongan B40, gelandangan, golongan kelainan upaya, masyarakat Orang Asli, para pelajar serta petugas hadapan termasuk komuniti bukan Muslim.

Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) melalui agensi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Majlis Agama Wilayah Persekutuan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Lembaga Tabung Haji, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Yayasan Dakwah, Yayasan Pembangunan Ekonomi Ummah Malaysia (YaPEIM), Yayasan Wakaf Malaysia dan Al-Hijrah Media Corporation telah menyalurkan bantuan yang memberikan manfaat secara langsung kepada kumpulan sasaran yang telah dinyatakan dalam bentuk bantuan wang tunai secara *one-off*, barangan keperluan asas dan juga pek makanan harian.

Dalam mendepani penularan COVID-19, aspek pendidikan turut diberikan perhatian apabila pengecualian bayaran tadika dan taska di bawah kelolaan MAIWP bernilai RM0.88 juta diberikan kepada para ibu bapa bagi bulan April hingga Jun 2020. Selain itu, bantuan *one-off* sebanyak RM21 juta turut diperuntukkan kepada tahfiz swasta, pondok, sekolah agama rakyat dan sekolah agama swasta yang berdaftar dengan pihak berwajib di seluruh negara.

Tambahan itu, seramai 240 orang penyewa premis milik MAIWP turut mendapat manfaat apabila diberikan pengecualian dan pengurangan bayaran sewa premis selama tiga bulan. Sebagai menghargai usaha Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menangani COVID-19, MAIWP telah menyumbang sebanyak RM3.3 juta kepada tujuh buah hospital manakala Yayasan Wakaf Malaysia menyumbang sebanyak RM930,000

kepada dua buah hospital bagi tujuan pembelian peralatan pernafasan serta barang keperluan hospital. Selain itu, MAIWP turut menyalurkan sejumlah RM4.8 juta kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi tujuan pembelian keperluan perubatan seperti pelitup muka, termometer dan juga pensanitasi tangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang saya kira cukup baik dengan angka dan faktanya. Cuma, soalan saya ialah selain daripada bantuan berbentuk material dan juga wang ringgit, kita dapat tahu bahawa kes-kes melibatkan rumah tangga, kes syariah dan sebagainya yang dibawa ke mahkamah juga meningkat sepanjang tempoh PKP ini.

■1130

Jadi sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk isu-isu syariah seperti ini, adakah di sana terdapatnya bantuan berbentuk mental dan kaunseling kepada mereka yang terlibat dengan isu-isu seperti ini? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Mas. Tuan Yang di-Pertua, selain sumbangan berbentuk material, JAKIM juga telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Bilik Gerakan MyCare COVID. Modus operandi Bilik Gerakan MyCare COVID ini ialah sedaya upaya untuk memeluk emosi golongan yang terjejas akibat PKP tanpa mengira kaum dan agama melalui khidmat nasihat dan bimbingan kaunseling yang diberikan kepada mereka. Inisiatif ini juga mendapat sokongan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Wilayah Persekutuan.

Selain itu, langkah proaktif yang dilakukan oleh MyCare COVID ini ialah dengan menghubungi kumpulan sasaran yang dicadangkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan juga kementerian-kementerian yang disebutkan tadi. Bilik Gerakan MyCare COVID merupakan talian khidmat nasihat bagi isu-isu kekeluargaan, kemasyarakatan dan kerohanian, termasuk khidmat kaunseling syariah, terapi psikospiritual Islam dan juga 'ilaj Syarie yang dibuka kepada masyarakat awam tanpa mengira kaum dan juga agama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bilik gerakan ini boleh dihubungi dengan talian 03-88707519 dan juga melalui e-mel mycarecovid@islam.gov.my. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan untuk hari ini. Terima kasih semua. Saya ada Usul Menteri, dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.31 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Jabatan Perdana Menteri menjawab dan diputuskan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Diraja Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 11 Ogos 2020”.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat semua, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas.” **[6 Ogos 2020]**

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum kita mulakan, izinkan saya mengumumkan senarai Menteri-menteri yang akan menggulung hari ini. Kita akan bermula dengan Yang Berhormat Alor Gajah, disusuli dengan Yang Berhormat Jeli. Selepas itu, Yang Berhormat Kota Bharu, disusuli pula dengan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri dan akhir sekali Yang Berhormat Mukah. Saya persilakan Yang Berhormat Alor Gajah untuk menggulung.

11.33 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terlebih dahulu bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya telah meneliti isu-isu yang dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan dan terdapat 15 orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan 17 isu yang menyentuh tugas dan fungsi Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama ataupun *Shared Prosperity Delivery Unit* (SEPADU), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Angkatan Pertahanan Awam (APM), Majlis Keselamatan Negara, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan (BKPP).

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Papar, Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Betong, Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Tangga Batu dan Yang Berhormat Kampar. *Insyah-Allah* saya akan menjawab satu persatu persoalan dan isu yang telah dibangkitkan mengikut fungsi agensi-agensi yang telah saya sebutkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Langkawi walaupun tiada di sini saya ingin memberi maklum balas. Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Papar, Yang Berhormat Betong telah menyatakan pandangan dan persoalan mengenai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dengan izin, WKB 2030. Antara perkara yang dibangkitkan termasuklah sama ada WKB2030 akan diteruskan sebagai agenda pembangunan negara serta kaedah dan pendekatan yang dilaksanakan oleh kerajaan supaya WKB2030 ini akan dapat melonjakkan ekonomi dan mengurangkan jurang pendapatan ataupun jurang kemiskinan di samping memberi perhatian kepada peningkatan ekonomi bumiputera tanpa menyingkirkan hak kaum-kaum yang lain.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, WKB2030 merupakan satu dasar utama kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan aktiviti ekonomi sepanjang rantai bekalan. Bagi memastikan sasaran WKB2030 dapat dicapai, sebuah agensi iaitu Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama ataupun *Shared Prosperity Delivery Unit* dengan singkatannya SEPADU telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

SEPADU telah diberi mandat untuk menetapkan hala tuju dan merangka pelan tindakan serta memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif WKB2030 dalam memastikan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai menjelang 2030. SEPADU juga berperanan sebagai pemudah cara dalam usaha mempergiat pembangunan ekonomi untuk semua rakyat Malaysia oleh pemain-pemain industri dari dalam dan luar negara untuk mencapai kemakmuran bersama dengan keutamaan diberikan kepada masyarakat B40.

Dalam memastikan WKB2030 ini supaya lebih berjaya dan meningkatkan status ekonomi rakyat, penambahbaikan perlu dilaksanakan dengan mengurangkan birokrasi dan mempercepatkan sesuatu keputusan yang tepat ke atas setiap perkara yang telah disasarkan supaya projek-projek yang khusus dapat dilaksanakan dengan segera. Namun demikian, WKB2030 ini masih memberi fokus bagi membantu golongan B40

terutamanya dalam meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Ini kerana WKB2030 merupakan wawasan yang mengambil kira kesemua isu-isu yang dihadapi oleh golongan masyarakat. Kumpulan masyarakat yang memerlukan bantuan dan sokongan telah dikenal pasti dan di antaranya warga emas, wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya dan golongan B40 yang lainnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini SEPADU sedang aktif dalam mengenal pasti inisiatif-inisiatif yang dapat membantu meningkatkan golongan B40 dan meningkatkan penyertaan perusahaan kecil dan sederhana dalam rantai bekalan dan ekosistem perniagaan. Pelaksanaan program yang dibuat oleh kementerian, jabatan dan agensi juga telah dijangka dengan objektif dan teras WKB2030 supaya ia dapat menyumbang kepada pencapaian inisiatif wawasan tersebut.

Antara aktiviti penubuhan ekonomi utama yang akan menjadi tumpuan adalah ekonomi digital, Revolusi Perindustrian Keempat, hab halal dan makanan, pengangkutan, logistik dan mobiliti lestari, pendidikan serta pertanian pintar yang bernilai tinggi. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kangar bertanyakan...

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, maaf. *Standing order.*

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: ...Berapakah jumlah sumbangan pihak swasta bagi menangani COVID-19 dan bagaimana corak perbelanjaannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sekejap.

■1140

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya akan menjelaskan hasil...

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, sekejap.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: ...kutipan dan perbelanjaan Tabung COVID-19 yang ditubuhkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri, ada Yang Berhormat Kluang ingin mencelah.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Maaf. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan Peraturan Mesyuarat 41(d) iaitu "seseorang Ahli tidak boleh merokok di

dalam Dewan Mesyuarat". Ini kerana pada minggu yang lepas, saya pun membangkitkan isu ini dalam Dewan yang mulia dan saya berharap kita boleh selesaikan isu iaitu Yang Berhormat Sembrong *vaping* dalam Dewan pada Mesyuarat hari ini. [Dewan riuh] Apa yang paling penting sekali, saya harap ini untuk supaya...

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Tidak ada. Ini perbincangan...

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: ...imej kerajaan tidak akan diburukkan. Ini kerana apa yang nampak di luar adalah kerajaan ini sudah wujudkan dua darjat. Rakyat marhaen di luar didenda dan diambil tindakan yang keras tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, khasnya yang daripada kerajaan, langsung tidak didenda atau diambil tindakan yang keras.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Antara dua darjat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, sila Yang Berhormat Sembrong.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: Boleh ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Boleh. Sila Yang Berhormat Sembrong.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: Saya dah nyatakan, apa yang salah tetap salah. Saya dah mengakui bahawa saya salah dan saya dah minta maaf. Kata fasal mengenai fasal denda, saya pun dah dikompaun dan saya pun dah bayar *fine* yang diturunkan. Jadi, kalau Yang Berhormat dari Kluang masih lagi nak mainkan politik di Dewan ini, banyak kerja lagi untuk kita bincangkan di sini. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, kenapa saya bangkitkan isu ini dalam Dewan yang mulia ini kerana saya rasa satu *apology* secara rasmi perlu dibuat dalam Dewan ini. Apa yang paling penting...

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya dah nyatakan saya minta maaf dan...

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: ...Yang Berhormat Sembrong adalah Ahli Parlimen sudah bertugas 25 tahun.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: ...saya nyatakan saya minta maaf di dalam Dewan ini. Apa lagi Yang Berhormat Kluang nak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kulai yang telah membangkitkan isu tersebut dan...

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Kluang, maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Yang Berhormat Sembrong tadi dalam kenyataannya telah memohon maaf dalam Dewan ini. Terima kasih. Saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk meneruskan.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung penggulungan ini. Setakat 28 Julai 2020, jumlah sumbangan daripada 55 organisasi korporat adalah berjumlah RM36.36 juta iaitu 82.2 peratus daripada jumlah keseluruhan sebanyak RM44.25 juta. Sehingga tarikh yang sama, sebanyak RM29.73 juta telah dibelanjakan dengan perincian seperti berikut:

- (i) penyerahan kepada Yayasan Kebajikan Negara bagi bantuan makanan untuk kawasan PKP Diperketatkan dan *lockdown* sebanyak RM25.23 juta;
- (ii) bantuan khas bagi pengurusan kematian, RM5,000 setiap waris melibatkan 110 orang sebanyak RM550,000; dan
- (iii) bantuan khas bagi rakyat yang hilang pendapatan kerana kuarantin dan masuk wad untuk rawatan positif COVID-19 sebanyak RM100 sehari untuk 2,885 orang yang berjumlah RM3.95 juta.

Total ataupun jumlah keseluruhan adalah RM29.73 juta yang disebutkan tadi. Setelah ditolak perbelanjaan, baki Tabung COVID-19 adalah sebanyak RM14.51 juta. Bakinya akan digunakan untuk bantuan khas pengurusan kematian dan kehilangan pendapatan berikutan kuarantin dan kemasukan wad bagi rawatan positif COVID-19 yang sedang diproses dan yang akan diterima selepas ini.

Yang Berhormat Kota Kinabalu pula bertanyakan jumlah kos bagi kuarantin *person under surveillance (PUS)*, dengan izin, yang pulang dari luar negara di stesen kuarantin hotel di negeri Sabah yang disalurkan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai 2 April hingga 31 Mei 2020, kerajaan menanggung sepenuhnya kos kuarantin di hotel, termasuk caj hotel RM150 seorang sehari iaitu berjumlah RM2,100 untuk 14 hari. Bermula 1 Jun hingga 10 Jun 2020 pula, *person under surveillance (PUS)* perlu menanggung 50 peratus iaitu sebanyak RM1,050 caj hotel.

Bermula 24 Julai 2020, ekoran keputusan kerajaan mewajibkan kuarantin di stesen kuarantin, semua warganegara dan bukan warganegara, termasuk rakyat Sabah perlu menanggung sepenuhnya caj hotel yang dikenakan pada kadar tidak melebihi RM150 seorang sehari. Sebarang pertimbangan lain, termasuk subsidi bayaran caj tersebut melalui peruntukan kerajaan negeri adalah tertakluk kepada pertimbangan Kerajaan Negeri Sabah. Bayaran dikecualikan kepada kanak-kanak di bawah enam tahun dan Orang Kelainan Upaya, pelajar daripada kalangan B40, boleh membuat rayuan pengecualian bayaran. Seterusnya, tertakluk kepada penilaian oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, *person under surveillance (PUS)* dikenakan fi ujian pengesahan COVID-19 mengikut jenis iaitu RM150 untuk tindak balas berantai PCR, RM60 untuk kit ujian pantas (*rapid test kit*) yang berbentuk RTK Antigen atau RM30 untuk RTK Antibodi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen Hulu Langat pula telah membangkitkan isu mengenai insentif-insentif tambahan dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan kepada anggota dan sukarelawan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Untuk makluman Dewan, kerajaan sentiasa dari semasa ke semasa memberi perhatian mengenai perkembangan dan pengukuhan APM, baik yang berbentuk insentif kewangan, mahupun insentif bukan kewangan. Ini dibuktikan melalui keputusan Jemaah Menteri pada 13 Mei 2020, yang telah meluluskan kenaikan kadar elaun kepada anggota sukarelawan APM pada kadar baharu RM9.80 sejam bagi pegawai dan RM8 sejam bagi anggota lain-lain pangkat.

Malahan, kerajaan telah perkenan untuk *backdated* keputusan ini yang berkuat kuasa bermula 1 Mac 2020. Insentif galakan ini yang melibatkan peruntukan tambahan sebanyak RM32 juta setahun merupakan komitmen dan penghargaan kerajaan atas peranan APM sebagai agensi barisan hadapan dalam memenangi kecemasan, bencana dan wabak penyakit, khususnya pandemik COVID-19 ketika ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Jemaah Menteri atas keprihatinan serta kelulusan kenaikan kadar elaun yang diberikan kepada APM.

Selain daripada itu, bagi memastikan perkhidmatan APM yang berkesan, anggota sukarelawan APM turut menikmati keistimewaan dan kemudahan lain seperti berikut:

- (i) elaun sagu hati atau bounty tahunan;
- (ii) pakaian seragam percuma;

- (iii) kadar bayaran rawatan berkurang bagi sebarang rawatan perubatan di hospital kerajaan;
- (iv) pampasan atas kecederaan atau kematian di bawah Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara; dan
- (v) kemudahan caruman dalam skim insurans berkelompok APM.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Gajah telah membangkitkan isu berkaitan keberkesanan pelantikan Kolonel Terhormat Pertahanan Awam di kalangan Ahli-ahli Parlimen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lantikan tauliah kehormat dan tauliah bersekutu adalah berdasarkan peruntukan seksyen 7G, Akta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia 1951 [Akta 221] iaitu, dengan izin, "*The Minister may grant Honorary Commission and Associate Commission of the Force to any person as he deems fit*".

Suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pada tahun 2016, seramai 139 Ahli Parlimen telah dilantik sebagai Kolonel Terhormat Pertahanan Awam. Bagaimanapun, selepas PRU-14 pada 9 Mei 2018, sebahagian Ahli Parlimen yang dilantik telah gugur pelantikannya disebabkan tidak lagi terpilih menjadi Ahli Parlimen. Mengambil kira kecemasan dan bencana boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana sahaja, amatlah penting dan signifikan bagi setiap Ahli Parlimen menggunakan platform lantikan kehormat pertahanan awam ini untuk memainkan peranan sebagai orang yang berkehadapan dalam situasi bencana selain menjadi pencetus semangat masyarakat dan menjadi contoh juga kepada rakyat yang diwakili.

■1150

Ahli Parlimen juga yang diberikan lantikan kehormat ini boleh menjadi pemudah cara dalam urusan kesiapsiagaan dan keselamatan komuniti terutamanya di kawasan parlimen masing-masing yang diselaraskan oleh APM selaku Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana.

Sebagai maklumat tambahan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat tahun 2020 APM telah meluluskan penubuhan sebanyak 1,914 pasukan *Civil Defence Emergency Response Team* atau kita panggil dengan izin CDERT di peringkat agensi kerajaan, swasta dan badan berkanun di seluruh negara. Penubuhan CDERT ini bertujuan untuk membantu mengurangkan kesan terhadap sesuatu kecemasan atau bencana di peringkat awal khususnya di tempat masing-masing dengan hasrat setiap kawasan parlimen terdapat sebuah pasukan CDERT.

Saya ingin mengambil kesempatan pada hari ini untuk menyarankan agar Ahli-ahli Yang Berhormat turut sama menubuhkan dan menaungi sekurang-kurangnya satu

pasukan CDERT di kawasan parlimen masing-masing. Yang Berhormat Ketereh contohnya merupakan penaung kepada CDERT di kawasan beliau dan beliau sendiri telah turut serta dalam pelbagai aktiviti sukarelawan dan kesiapsiagaan yang dilaksanakan di Parlimen Ketereh. Kerajaan dan APM mengalu-alukan penglibatan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membantu memperkasakan perkhidmatan APM demi keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kampar telah membangkitkan isu supaya Majlis Keselamatan Negara adalah lebih proaktif dalam memastikan pemahaman dan pematuhan SOP seperti menganjurkan taklimat-taklimat kepada operator sektor makanan, pemilik restoran dan kopitiam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SOP yang disediakan bertujuan untuk dijadikan panduan kepada semua rakyat sebagai salah satu usaha mencegah penularan wabak COVID-19. Proses penjanaan SOP ini melibatkan perbincangan teknikal oleh pelbagai kementerian dan agensi sebelum ia dikeluarkan. SOP itu berguna pakai kepada warga Malaysia dan juga kepada warga bukan negara.

Untuk tujuan tersebut, SOP ini telah dikongsi dokumennya di media sosial dan laman sesawang MKN agar ia dapat dicapai oleh segenap lapisan masyarakat. MKN, JPM bersikap proaktif di dalam memastikan pematuhan kepada SOP ini dapat dicapai di setiap sektor industri dengan mengadakan sesi penerangan melalui media massa seperti wawancara di televisyen dan juga sidang MKN bersama Menteri-menteri Besar pada 23 Julai 2020 telah memutuskan supaya NADMA bersama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia menggerakkan Kempen Kesedaran COVID-19 di peringkat negeri. Operasi pematuhan kepada SOP turut dilaksanakan oleh agensi-agensi penguat kuasa yang diterajui oleh Polis Diraja Malaysia. Sebarang pindaan terhadap SOP berkenaan sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi tujuan penambahbaikan berdasarkan situasi pandemik COVID-19 ini. Pematuhan kepada SOP akan menjadi kunci utama kepada Malaysia untuk mencegah penularan COVID-19.

Pada hari Sabtu yang lalu, untuk makluman semua Ahli Dewan yang mulia ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan Kempen Pembudayaan Norma Baharu di Kompleks Sukan Pagoh yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kawalan sendiri dalam kalangan masyarakat dan memperkasakan usaha melawan wabak...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: ...COVID-19 di negara ini.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Dengan semangat kita jaga kita...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Hendak minta penjelasan.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: ...Saya menyeru agar semua rakyat terus bekerjasama dengan kerajaan khususnya para petugas kesihatan dan penguat kuasa undang-undang untuk memastikan norma baharu diamalkan bagi memutuskan rantai wabak ini.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kampar.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Kampar hendak minta penjelasan. Memang daripada jawapan Yang Berhormat Menteri, kita menerima baik SOP-SOP yang telah pun ditetapkan. Akan tetapi masalahnya timbul adalah dari segi penguatkuasaan. Saya bagi contoh, sekarang kerajaan kata kita semua mesti guna MySejahtera. Betul, itu kita akan patuh. Akan tetapi apabila anggota polis datang ke kedai kopitiam, mereka tengok itu MySejahtera tidak ada suhu, *temperature* yang dicatat, jadi mereka akan keluar kompaun kepada kedai kopitiam.

Ada juga yang kedai kopitiam mengadu apabila polis datang mereka akan telefon nombor telefon yang terdapat dalam buku pelawat dan jika tidak dapat pelawat tersebut kedai kopitiam juga akan kena kompaun. Ini yang menimbulkan kekeliruan dan pengusaha-pengusaha kopitiam ini mereka merasa resah. Apa yang mereka buat., adakah cukup ataupun tidak mencukupi. Itu yang menjadi masalah, bukan SOP tersebut tetapi penguatkuasaan bila polis datang. Di Kampar ada sebuah kedai kopitiam, polis datang, dia mencari masalah dengan hendak kompaun RM5,000. Ini menakutkan mereka sebab mereka akan cuba ikut SOP tetapi bila tidak ada penguatkuasaan yang standard, itu yang menjadi masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kampar.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Apakah langkah untuk mengatasi masalah ini? Kami hendak tahu.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Jawapan yang spesifik untuk MySejahtera, dalam mesyuarat baru-baru ini di Majlis Keselamatan Negara, Majlis telah bersetuju untuk kita mewajibkan semua pengusaha menggunakan MySejahtera. Sekiranya tempat-tempat tumpuan masyarakat tidak ataupun tidak ada keupayaan untuk menggunakan *WiFi*, internet dan sebagainya, kita masih lagi terus menggunakan

kaedah manual, contohnya mengambil suhu-suhu dan dicatatkan maklumat itu kepada buku yang disediakan. Ini adalah peraturan yang telah ditetapkan oleh MKN. Jadi apa sahaja yang berlaku atau ada bentuk penularan, kalau situ dipanggil sebagai *epicenter* maka MySejahtera dan buku itu akan menjadi satu alat untuk kita mengenal pasti pewujudan ataupun penularan COVID-19.

Jadi, apa sahaja bentuk kelemahan yang kita ada hari ini, dengan adanya mesyuarat setiap minggu, dua kali seminggu oleh MKN, kita mendapat maklum balas daripada Yang Berhormat Kampar contohnya, untuk kita tambah baik. Oleh sebab ini adalah perkara yang *unprecedented*. Kita bukan hendak menggunakan kaedah *trial and error* tetapi berhalu tuju untuk memastikan rantaiannya itu dapat diputuskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Teruskan.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Tuan Yang di-Pertua, mohon izin untuk saya menyambung penggulungan ini. Yang Berhormat Pasir Mas telah mencadangkan supaya sistem eKasih dikaji serta dibuat penilaian semula memandangkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) telah dinaikkan bagi memastikan tiada isu keciciran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ICU JPM telah membangunkan sistem eKasih pada tahun 2016 sebagai pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia dan mengklasifikasikan mereka kepada kategori miskin tegar atau miskin berdasarkan kepada PGK yang disebutkan tadi. PGK semasa iaitu purata nasional dahulunya RM980 sebulan dan sistem eKasih ini adalah bersifat dinamik dan data adalah berubah dan dikemas kini dari semasa ke semasa.

Pada 10 Julai 2020, kerajaan telah mengumumkan hasil dapatan kajian PGK baharu bagi tahun 2019 di mana PGK nasional telah meningkat kepada RM2208. Sebaik sahaja kerajaan memuktamadkan PGK baru ini dan mula diguna pakai dalam Rancangan Malaysia Ke-12, cakupan golongan sasaran iaitu kategori miskin adalah lebih meluas dan isu keciciran dapat diminimumkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pontian telah membangkitkan isu status projek-projek yang telah diluluskan di bawah Kerajaan Barisan Nasional tetapi dibatalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek yang telah dikeluarkan surat setuju terima (SST) sebelum 29 Jun 2018 diteruskan pelaksanaannya manakala projek-projek yang belum dikeluarkan SST pula telah dibatalkan pelaksanaannya. Keputusan ini juga adalah berdasarkan arahan

daripada Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 29 Jun 2018 berkaitan Penambahbaikan Tadbir Urus dan Pelaksanaan Perolehan Kerajaan.

Yang Berhormat Pekan pula, walaupun tiada di sini, ada menyarankan supaya dipercepatkan projek-projek infrastruktur rakyat sedia ada termasuk projek-projek skala kecil dan sederhana seperti jambatan, masjid dan jalan-jalan yang telah dihentikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan dahulu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seperti mana projek pembangunan lain, projek-projek berskala kecil dan sederhana telah dikeluarkan SST sebelum 29 Jun 2018 diteruskan pelaksanaannya, manakala projek-projek yang belum dikeluarkan SST dibatalkan.

■1200

Ini juga adalah berdasarkan arahan daripada Kementerian Kewangan seperti yang saya sebutkan tadi. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan mendesak yang melibatkan kesejahteraan dan keselamatan rakyat, rayuan boleh dikemukakan kepada agensi yang berkenaan untuk dipertimbangkan semula dengan mengambil kira kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tangga Batu membangkitkan isu peruntukan yang diberikan kepada Ahli Parlimen pembangkang sebanyak RM100,000 sama ada diteruskan seperti mana yang dilaksanakan oleh kerajaan sebelum ini atau ditarik balik. Untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan kepada Ahli Parlimen bukan kerajaan sebanyak RM100,000 masih diteruskan buat masa ini. Peruntukan ini hanyalah sebagai penambah dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia lima tahun.

Penyediaan dan penyaluran peruntukan ini adalah mengikut dasar sedia ada dan tertakluk kepada kemampuan semasa kerajaan masa ketika ini. Ahli-ahli Parlimen yang bertanya dan semua Ahli Parlimen perlu mengemukakan permohonan pelaksanaan program dan projek ke pejabat pembangunan negeri, ICU JPM untuk tujuan penyelesaian pelaksanaan.

Mengenai MAMPU Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Segambut telah meminta kerajaan akan memperkasakan peranan MAMPU. JPM sebagai pengumpul data dan informasi yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, Yang Berhormat juga telah menyarankan kerajaan supaya memberikan lebih banyak kuasa kepada MAMPU untuk mengumpul data, mempunyai bajet yang lebih besar untuk membangunkan sistem yang *seamless*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MAMPU JPM selaku agensi pusat kerajaan berperanan sebagai agensi perancang, peneraju, pemudah cara dan

perunding pelaksanaan pendigitalan sektor awam termasuk tabir urus data kerajaan. Pada tahun 2014, MAMPU turut diberi mandat oleh Jemaah Menteri untuk menerajui pelaksanaan inisiatif analitis data raya dan data terbuka (*open data dan big data analytic*).

Pada tahun ini, MAMPU telah membangunkan dasar perkongsian data sektor awam yang akan menjelaskan tanggungjawab dan peranan agensi sektor awam sebagai pembekal data dalam aspek pendakwaan, penyedia, pemproses, penganalisa dan pengurusan data.

Saya yakin bahawa hasil perkongsian data sebegini akan berupaya membantu kerajaan dalam membuat perancangan dan keputusan yang lebih tepat dan berkesan di pelbagai peringkat pengurusan kerajaan termasuk kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada celahan. Sila Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Ya, terima kasih bos – eh bos pula. Terima kasih Yang Berhormat Alor Gajah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada membangkitkan tentang peranan MAMPU kalau boleh dalam tempoh kita melaksanakan norma-norma baru terutama dalam pengurusan kerajaan, mesyuarat dari rumah, kerja dari rumah, masa anjal dan sebagainya. Adakah MAMPU juga turut membuat kajian dalam tempoh empat atau lima bulan yang lalu ini sama ada, ada kekesanan, ada perkara yang positif daripada langkah-langkah tersebut yang boleh kita terjemahkan dalam perilaku baharu kerajaan dan pentadbiran pada masa akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Terima kasih Yang Berhormat dari Lumut. Kita bukan sahaja di peringkat kajian. Kita telah memulakan inisiatif-inisiatif tertentu untuk mencapai maksud yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Lumut. Jadi usaha kita sekarang sedang membangunkan contohnya *the master digital platform* untuk semua orang kata ekosistem itu dapat dilengkapi dengan mengambil kira daripada swasta dan juga individu untuk menggunakan platform itu.

Untuk memastikan contoh kalau ada yang membangunkan satu sistem untuk kita guna pakai. Contohnya norma baharu kita bekerja dari rumah. Ini melibatkan pelbagai ciri-ciri tertentu umpamanya *security*, umpamanya disiplin kita sendiri. Ciri-ciri itu kita akan lihat segala bentuk cadangan dan usul untuk digunakan kita kena lalui *the master*

digital platform itu supaya kerajaan ambil maklum segala bentuk yang hendak dilakukan melalui platform itu sendiri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: MAMPU juga berperanan sebagai penyedia perkhidmatan platform saya sebutkan tadi seperti platform hab perkongsian data kerajaan, *Malaysian Government Central Data Exchange (MyGDX)*. Platform data terbuka atau *data.government.my* dan analitis data raya, *big data analytic* platform digital data tersebut telah menyokong kepada kesediaan perkhidmatan kerajaan berpacuan data pintar serta perkhidmatan digital merentas agensi. Kerajaan sedang dalam usaha meningkatkan usaha tabir urus data melalui kawalan keselamatan tanpa menjejaskan kerahsiaan maklumat merentas agensi dalam perkhidmatan digital.

Sebagai maklumat tambahan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, MAMPU juga berperanan menerajui pembangunan perkhidmatan digital kepada rakyat berteraskan peristiwa kehidupan rakyat secara menyeluruh *end-to-end* melalui portal MyGovernment yang sudah dicapai daripada satu gerbang tunggal iaitu www.malaysia.gov.my. Perkhidmatan menyeluruh yang saya maksudkan ini adalah merangkumi daripada proses mula-mula permohonan dibuat sehingga selesai bayaran bagi satu-satu perkhidmatan yang ditawarkan.

Kita juga sedang mempergiatkan usaha mewujudkan komuniti digital tanpa tunai *cashless society* (komuniti digital) yang diaspirasikan kerajaan pula akan dapat mempersiapkan rakyat untuk membuat pilihan berteraskan informasi yang tepat serta analitis data yang boleh dipercayai. Justeru pengukuhan perundangan dari aspek perkongsian data merentas agensi akan merubah persekitaran digital untuk berkembang lebih maju. Penggunaan analitis data raya (*big data analytic*) dan data terbuka dengan lebih strategik dapat memenuhi hasrat kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan digital yang berkualiti, inklusif dan mesra rakyat selari dengan hasrat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kalabakan membangkitkan isu mengenai bidang tugas duta khas Perdana Menteri ke Timur Tengah dan China lebih-lebih lagi dalam situasi di mana penerbangan global masih lagi disekat. Selain itu, Yang Berhormat juga mencadangkan supaya Akta Ahli Parlimen Saraan 1980 [Akta 237] digubal supaya semua elaun Menteri, Timbalan Menteri dan duta-duta khas bertaraf Menteri dinyatakan di dalam akta ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat antara tugas utama duta khas kepada Perdana Menteri ke Timur Tengah adalah menasihati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai rakan strategik negara-negara Timur Tengah dalam bidang agama Islam, pendidikan, perdagangan dan pelaburan. Manakala Duta Khas Perdana Menteri ke Republik China adalah bertanggungjawab untuk menasihati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai semua perkara dalam memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai rakan perdagangan strategik Republik China di wilayah-wilayah yang telah dinyatakan terutamanya dengan meningkatkan lagi jalinan kerjasama dalam bidang perdagangan dan juga pelaburan.

Tugas dan tanggungjawab duta-duta khas ini boleh diteruskan melalui pelbagai medium perhubungan dengan teknologi yang terkini meskipun penerbangan global masih lagi disekat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana termaklum gaji Menteri, Timbalan Menteri Persekutuan telah dinyatakan dalam seksyen 6(1) Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [Akta 237] manakala elaun pula ditentukan oleh Jemaah Menteri berdasarkan seksyen 6(5) akta yang sama. Saraan duta-duta khas bertaraf Menteri pula adalah selaras dengan tugas dan tanggungjawab mereka serta dinyatakan dalam kontrak perkhidmatan masing-masing.

Cadangan Yang Berhormat Kalabakan untuk meminda Akta 237 agar semua gaji dan elaun anggota pentadbiran dinyatakan di dalam akta ini boleh diberi pertimbangan sekiranya terdapat keperluan daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua boleh? Boleh Yang Berhormat Menteri? Sepang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Pencelahan Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh ya, sikit sahaja. Terima kasih kepada Yang Berhormat speaker dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan Yang Berhormat mengatakan tentang tadi duta khas khususnya duta khas daripada Timur Tengahlah Perdana Menteri ini. Hendak tanyalah kepada Yang Berhormat adakah satu siasatan telah dibuat tentang wujudnya sebuah surat yang tersebar di luar, surat daripada Yang Berhormat duta khas kepada pemimpin dalam bahasa Arab yang jelas mengandungi banyak fitnah dan penipuan. Ada satu siasatan dibuat? Apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

■1210

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sepang, saya mengambil maklum soalan yang dibangkitkan. Jadi saya belum pasti sama ada surat itu dalam siasatan ataupun tengah disiasat dan saya akan jawab dalam bentuk tulisan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Ya.

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: *[Bangun]*

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Tuan Yang di-Pertua, sebabnya tidak banyak yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, hanya lapan minit saja lagi.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Ada lima minit. Jadi,....

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Saya rasa eloklah sebab sudah menjawab kesemua yang dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat yang saya sebutkan tadi.

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Menteri, izin mencelah.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Sebelum mengakhiri penggulungan ini, izinkan...

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Menteri, izin mencelah sedikit.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Silakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya juga ingin bertanya selepas Yang Berhormat bercakap.

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Simpang Renggam dulu.

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Berhubung dengan soalan daripada Yang Berhormat Sepang tadi, saya juga teringat kepada soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Luar iaitu yang juga ada kaitan dengan Duta Khas kita ke Timur Tengah, Yang Berhormat Marang. Iaitu antara pendirian Yang Berhormat Marang ialah beliau menolak *two states solution* tetapi itu berhubung isu Palestin ataupun konflik di Palestin. Bagi pendirian Kementerian Dalam Negeri kita menyokong solusi kepada isu Palestin ialah melalui *two states solution* dengan ibu negaranya di Baitulmaqdis.

Dalam kes ini apakah Duta Khas kita ke Timur Tengah mengambil pendirian negara ataupun masih dengan pendiriannya menolak *two states solution* dan saya kira ini juga pendirian daripada Parti Islam Se-Malaysia menolak solusi *two states solution* tetapi inginkan sebuah Palestin merdeka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Terima kasih Yang Berhormat daripada Simpang Renggam. Tuan Yang di-Pertua, apa saja bentuk keputusan dari sudut pendirian kerajaan mengenai Palestin. Kita berbincang dengan mendapat maklum balas daripada Yang Berhormat Marang, Duta-duta Khas ke negeri Islam. Jadinya setakat ini, pada hari ini kita punya pendirian masih lagi konsisten iaitu Palestin mesti diwujudkan dan menolak *the two states solution* yang telah di – Itu bukan kita berbincang, bukan ada keputusan tetapi kita sedang berbincang, ini adalah keputusan kerajaan dan kita kena bawa untuk diputuskan mungkin di Dewan yang mulia ini. Sebab ini pendirian negeri Malaysia sebagai *sovereign country* untuk memastikan kita adalah rakan baik...

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Saya kira pendirian yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Luar ialah *two states solution* dengan Baitulmaqdis sebagai ibu negara tetapi ini bertentangan dengan pendapat peribadi ataupun pendapat rasmi daripada Duta Khas kita ke Timur Tengah iaitu dia menolak *two states solution*. Yang Berhormat Menteri kerajaan katakan Malaysia menolak *two states solution*. Saya agak keliru di sini.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Tidak, dia.....

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Menteri Luar pun ada di sini mungkin boleh bantu.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Dengar betul-betul dulu Yang Berhormat Simpang Renggam. Kita sebut, kita belum putuskan itu. Kita masih dalam

peringkat mendapat maklum balas daripada Yang Berhormat Marang Duta-duta Khas tadi saya sebutkan tadi dan kita ada pandangan daripada Kementerian Luar Negeri dan juga kita sedang membuat satu keputusan yang lebih konsisten selari dengan apa yang kita telah ada pendirian sebelum ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri, sekiranya Yang Berhormat Menteri Luar ingin mencelah.

Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein [Menteri Luar Negeri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Biar saya beri penjelasan. Pendirian kita dalam kerajaan jelas, *two states solution* dan dalam konteks OIC pun itu merupakan pendirian OIC. Pendirian....

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua ini tidak betul ini. Ini sekarang tengah kita ini, mana boleh Yang Berhormat Menteri lain jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak, saya, saya....

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak boleh, tidak boleh, tidak boleh, *this one* dalam ikut peraturan mesti Yang Berhormat Menteri jawab. Yang Berhormat Menteri lain tidak boleh jawab.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Saya sudah menjawab.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini bukan, sekarang bukan *floor* dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dia yang beri kebenaran.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Saya sudah menjawab Yang Berhormat Sepang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dia beri kebenaran.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *This is not your floor*, tidak boleh jawab. Bagilah Yang Berhormat Menteri yang jawab, bukan Yang Berhormat Menteri lain.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Yang Berhormat Sepang saya sudah menjawab tadi tapi Dewan telah mengizinkan Kementerian Luar.....

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak boleh, tidak boleh begitu. Tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein [Menteri Luar Negeri]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Peraturan Mesyuarat kena hormatlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, ini keputusan Tuan Yang di-Pertua. Baik. Yang Berhormat Sepang sila duduk. Sila teruskan.

Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein [Menteri Luar Negeri]: Sekiranya soalan yang mencelah tidak ada kaitan dengan Yang Berhormat Menteri yang menjawab, tidak ada salah kalau saya

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Can you quote under* Peraturan Mesyuarat mana...

Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein [Menteri Luar Negeri]: Isunya datang daripada siapa yang mencelah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Mana, mana, Peraturan Mesyuarat mana, terangkan. *Come on* lah, tidak orang pengalaman tidak tahu ini.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Yang Berhormat Sepang, yang mencelah adalah Yang Berhormat Simpang Renggam, saya sudah bagi jawapan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Betul, mesti Yang Berhormat Menteri yang jawab. Bukan yang itu.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Akan tetapi kalau dia hendak maklumat tambahan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri itu sudah dengar.....

Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Sepang hendak bangkit apa Yang Berhormat Sepang. Duduklah sajalah Yang Berhormat Sepang. Bagilah Yang Berhormat Menteri jawab. Yang awak marah naik minyak pasal apa.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Dan ini adalah keputusan daripada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ini adalah *floor, floor* berikan kepada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein [Menteri Luar Negeri]: Ini pendirian penasihat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pendirian Parti PAS merupakan pendirian sebelum beliau dilantik. Saya pun telah bincang dengan Tuan Guru Hadi bahawa perkara ini dibangkitkan semasa PAS berada di luar kerajaan. Maka perkara ini akan dibangkitkan semula dan dibincangkan di peringkat Parti PAS. Mudah saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sila Yang Berhormat di Jabatan Perdana Menteri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: [*Bangun*]

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, terima kasih kepada jawapan tadi. Adakah ini bermaksud...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Soalan lain.

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: ...PAS telah mengubah pandangannya menerima *two states solution*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Kalau saya rasa seperti itu, dia sesuatu yang besar yang Parti PAS belum jawablah. Terima kasih.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Yang Berhormat, Yang Berhormat Simpang Renggam, tadi telah diperjelaskan. Ini kita bawa kepada pimpinan PAS dan akan dibawa ke peringkat kerajaan untuk kita meneliti sama ada perubahan pendirian.

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Saya rasa kekeliruan di situ kerana Yang Berhormat Menteri Luar cakap telah berbincang dengan PAS dan PAS telah merubah pandangannya sebelum kerajaan.....

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Menteri Luar tidak berkata begitu.

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: ...dan sekarang kata Yang Berhormat Menteri belum diputuskan lagi. Terima kasih.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Kementerian Luar tidak menyatakan begitu. Diserahkan untuk dibawa kepada peringkat kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Simpang Renggam jawapan telah diberikan. Sekarang ini *floor* Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Dia kena faham. Kalau tidak faham Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Hanya dua minit saja lagi Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: ...kalau tidak faham boleh pergi sekolah lagi. Boleh ambil ijazah lagi. Terima kasih.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ingin menimbulkan...

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Kita terima dulu—
baru.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pontian.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Yang Berhormat Alor Gajah, silap tadi itu akan keluar dalam *hansard* esok. Yang Berhormat Alor Gajah yang silap tadi akan keluar dalam *Hansard* esok. Tidak boleh lari. Yang kesilapan awal Yang Berhormat Alor Gajah tadi itu.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Apa kesilapan?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Telah mengatakan bahawa kerajaan memegang tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, saya minta supaya...

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:...Kata tadi dibincang.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Menteri harus tarik balik, memohon maaf kerana telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri tadi. Itu saja yang diperlukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: *Be humble enough.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya hendak bertanya perkara lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Pontian, sila Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Untuk Yang Berhormat, saya mohon maaf sekiranya ada kenyataan yang kurang tepat, yang berbeza tetapi saya hendak nyatakan di sini, dia perkataannya dibawa untuk berbincang. Itu saja terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pontian mencelah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya menimbulkan....

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: *Ruling order.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...dua perkara penting.

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: *Ruling order. Ruling order* Tuan Yang di-Pertua. *Standing order.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *Standing Order?*

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Ya. 36 (12) kerana Yang Berhormat Menteri mengelirukan Dewan. Kenyataan awalnya beliau mengatakan kerajaan menolak *two states solution* dan kemudian beliau mengatakan bahawa kerajaan masih mempertimbangkan dan beliau tidak menarik balik kenyataan awalnya yang bertentangan dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri Luar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Sila Yang Berhormat Menteri untuk bagi penjelasan.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Okey, sebab kita dalam perbincangan, mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Marang tadi dan saya sebutkan tadi kalau saya tersilap nyatakan kita telah bersetuju dengan *two states solution*, saya tarik balik.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Tarik baliklah. Bukan dalam perbincangan. Sudah ada polisi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Sila Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, saya menimbulkan dua perkara dalam ucapan saya tetapi belum dijawab iaitu mengenai Biro Tatanegara dan Program Latihan Khidmat Negara. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri terhadap program latihan jati diri, patriotisme yang kita telah mulakan lama sejak tahun 80-an, PLKN sejak tahun 2004. Semuanya itu mendatangkan kebaikan kepada rakyat tetapi telah diberhentikan oleh pihak PH, DAP.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri jawab dan terus gulung.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Ya, terima kasih Yang Berhormat Pontian. Saya hendak nyatakan di sini dan saya sudah pun menjawab sebelum ini yang kerajaan sedang dalam peringkat akhir untuk memuktamadkan keputusan yang akan dibawa kepada Jemaah Menteri untuk mewujudkan satu akademi yang lebih kurang sama tetapi disatukan dengan BTN yang terdahulu dengan juga PLKN dan ini akan diangkat kepada Jemaah Menteri dalam masa terdekat kerana kita akan umumkan dalam tahun ini juga. Terima kasih. Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya menepati masa....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: ...dan saya juga telah menjawab kesemuanya, saya hendak ucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat sebagaimana ucapan yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan juga menanyakan soalan-soalan yang tidak melibatkan di bawah kementerian saya. Jadi, saya ini mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

■1220

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: *Point of order.* Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, sila.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: P.M. 36(6). Saya mendengar kenyataan daripada Yang Berhormat Pontian tadi. Dia kata, "*Keputusan-keputusan yang dibuat oleh Kerajaan PH-DAP*", yang mana sebenarnya kita semua sedia maklum, waktu itu menteri-menteri di sana pun bersama juga termasuk Yang Berhormat Pagoh sendiri.

Jadi, saya minta Yang Berhormat Pontian tarik balik kenyataan 'PH-DAP' itu sebab kerajaan itu tidak pun wujud. Yang ada hanya Kerajaan PH campur WARISAN.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih. Sila duduk.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Yang menjadi persoalannya, adakah wujud Kerajaan Perikatan Nasional?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Sila Yang Berhormat Pontian bagi komen.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *[Ketawa]* Saya ketawa sahajalah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Jeli.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Itu bukan satu...

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Itu bukan jawapan.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kalau *point of order*, biasanya Tuan Yang di-Pertua yang perlu berikan *ruling* kan? Bukannya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya. Saya telah pohon kepada Yang Berhormat Pontian untuk memberi penjelasan dan saya...

[Dewan riuh]

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Penjelasan. Bukan— saya mohon tadi supaya ditarik balik. Saya minta tadi supaya ditarik balik, bukannya untuk diketawakan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Pontian beri se jelasnya penjelasan daripada apa...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, Kerajaan PH-DAP-PKR-WARISAN. Terima kasih. Saya tertinggal dua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya terima penjelasan itu dan saya teruskan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa ini? Tuan Yang di-Pertua, tidak betul ini, Tuan Yang di-Pertua.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya sekarang jemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Jeli untuk memberi jawapan kepada semua perbahasan. Sila. Masa 45 minit.

12.22 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Seramai 30 Ahli-ahli Yang Berhormat berucap menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan tugas saya dalam kerajaan dan saya ucap terima kasih kepada mereka. Isu-isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut:-

- (i) kedudukan ekonomi negara;
- (ii) pembangunan wilayah;
- (iii) projek-projek pembangunan;
- (iv) ekonomi bumiputera;
- (v) peningkatan penempatan dan kesaksamaan ekonomi;
- (vi) kemiskinan;
- (vii) FELDA; dan
- (viii) PETRONAS.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, kedudukan ekonomi negara. Rakan saya Yang Berhormat Menteri Kewangan sudah pun memberi banyak penjelasan. Saya cuma ingin menambah sahaja. Antara yang membangkitkan hal ini ialah Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Subang. Antara lain menyentuh tentang jangkaan pertumbuhan ekonomi yang berbentuk V ataupun *V-shaped recovery* dan mereka minta asas andaian tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 1970, kita telah mengalami lima krisis ekonomi utama. Tahun 1973, disebabkan kenaikan harga minyak dunia. Tahun 1985-1986, harga komoditi jatuh. Krisis kewangan Asia 1997-1998. Tahun 2001, kejatuhan permintaan produk elektrik/elektronik. Dan krisis kewangan 2008-2009. *Alhamdulillah*, dalam lima krisis tersebut, ekonomi negara kita telah bangkit dengan gagahnya.

Sebagai contoh, apabila ekonomi menguncup sebanyak 7.4 peratus pada tahun 1998 masa krisis ekonomi kewangan Asia, pada tahun selepasnya iaitu tahun 1999, ekonomi berkembang 6.1 peratus. Tahun 2009, ekonomi menguncup 1.5 peratus dan berkembang pada tahun 2010 sebanyak 7.5 peratus. Ini adalah kerana langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan yang berkesan dan pantas.

Tuan Yang di-Pertua, pandemik COVID-19 merupakan krisis kesihatan dan ekonomi. Ia telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Pada suku pertama, kita sedia maklum, ekonomi bertumbuh 0.7 peratus. Ramai yang berpendapat pada suku kedua, kita akan mengalami kadar pertumbuhan negatif. Untuk makluman Yang Berhormat, angka-angka untuk suku kedua akan dikeluarkan pada 14 Ogos akan datang. Tiga empat hari lagilah. Hari ini 10 hari bulan.

Namun demikian, berdasarkan beberapa *indicator* prestasi ekonomi negara, kita dapat lihat bahawa ekonomi negara Malaysia semakin pulih. Terkini ialah kadar pengangguran turun sebanyak 0.4 peratus daripada 5.5 peratus sebelum ini, tahun ini, kepada 4.9 peratus pada bulan Jun. Sekarang ini bilangan penganggur ialah seramai 773,000 orang.

Kita jangka bahawa pertumbuhan ekonomi bertambah baik. Umpamanya, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan ekonomi Malaysia akan bertambah ataupun akan mengalami pertumbuhan sebanyak 6.3 peratus tahun depan. Manakala pihak Bank Dunia menganggarkan sebanyak 6.9. Bermakna tahun ini, kita menghadapi banyak cabaran, tahun depan ekonomi negara kita dijangka pulih. Ini yang dimaksudkan dengan *for a sharp recovery*, dengan izin. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan termasuklah pakej PRIHATIN dan PENJANA.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Subang berkaitan dengan *indicator consumption* ataupun penggunaan, saya ingin sentuh tiga empat *indicator*. Sebagai contoh, prestasi perdagangan borong dan runcit pada Jun umpamanya menunjukkan tanda pemulihan. Bulan Jun jatuh 8.9 peratus berbanding kejatuhan yang teruk pada Mei iaitu 24.1 peratus. Ini menunjukkan sedikit peningkatan. Jualan kenderaan, seperti sedia maklum, bulan Jun 40,944 unit berbanding dengan 20,456 unit bulan Mei. Lain-lain *indicator* termasuklah berkaitan dengan kadar penginapan hotel sekitar 30.7 peratus pada bulan Jun berbanding 10 peratus sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, itu antara angka-angka. Satu lagi yang saya hendak kongsi ialah prestasi indeks pengeluaran sektor pembuatan. Bulan Mei 2020 menunjukkan trendnya baik iaitu meningkat sebanyak 25.9 peratus berbanding dengan penguncupan 35.8 peratus pada bulan April.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan dengan isu seterusnya iaitu berkaitan dengan Yang Berhormat Kimanis yang...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kerana memberi jawapan sebentar tadi.

Kerisauan kita ialah jika ada gelombang kedua COVID-19. Kalaupun gelombang kedua COVID-19 itu tidak melanda Malaysia tetapi jika gelombang kedua COVID-19 itu melanda beberapa negara yang melibatkan perdagangan besar dengan Malaysia, apakah langkah-langkah yang wajar untuk kita secara proaktif mengambil untuk menghadapi gelombang kedua COVID-19 antarabangsa? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pontian. Angka-angka yang saya sebut, unjuran dibuat oleh IMF dan juga Bank Dunia itu adalah angka-angka ataupun unjuran yang dibuat bulan Jun yang lalu yang sudah pastinya dinamik. Pada masa ini, kerajaan sedang menjalankan langkah-langkah untuk memastikan bahawa pandemik ini terkawal. Kita jaga diri sendiri. Itu fokus yang norma baharu seperti yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru ini.

Langkah-langkah proaktif yang sedang kita ambil antaranya ialah belanjawan. Seperti sedia maklum, ia akan dibentangkan pada bulan November akan datang. Selepas itu kita ada Rancangan Malaysia Ke-12 dan juga kita ada pelan jangka panjang. Jadi, ada tiga dokumen besar yang akan dibentangkan pada rakyat dan saya cukup yakin dokumen ini akan mengandungi langkah-langkah untuk *pre-empt*, dengan izin, kemungkinan berlakunya *second wave*. Setakat ini, *alhamdulillah*, kita terkecuali daripada malapetaka tersebut.

Yang Berhormat Kimanis, Tuan Yang di-Pertua, mencadangkan supaya peruntukan di Sabah dibuat dalam bentuk tunai. Ini satu cadangan yang luar biasa sedikit. Kerajaan umumnya bila kita laksanakan projek sekolah ataupun hospital, biasanya kita dalam bentuk projek. Ini adalah untuk memastikan bahawa perancangan di pusat kebangsaan, peringkat nasional, perancangan dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi dan jabatan-jabatan lain dalam kerajaan. Jadi, kita lihat kepada kepentingan nasional dan itu sebabnya kita hendak pastikan bahawa projek-projek fizikal ini dilaksanakan dengan baik. Oleh itu, kita tidak boleh timbang cadangan daripada Yang Berhormat Kimanis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kangar...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Tuan Yang di-Pertua. Boleh sedikit, Yang Berhormat Menteri? Kimanis.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Yang Berhormat Kimanis?

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Ya, belakang sini. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya bermaksud itu bahawa kita perlu berfikir dan melaksanakan di luar kebiasaan tetapi ia sangat praktikal dalam kita membina sebuah negara Malaysia baharu ini.

Kita tahu bahawa di negeri Sabah ini kita punya kemampuan yang cukup besar. Kita ada kabinet yang lengkap, kita ada staf, kakitangan kerajaan yang cukup

pengalaman yang kompeten. Jadi, apa kiranya barangkali cadangan itu diambil kira, difikirkan. Tidak ada mustahil untuk kita laksanakan bahawa ini satu pendekatan baharu Kerajaan Pusat untuk negeri Sabah dan juga di Sarawak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kimanis.

■1230

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memanglah saya mengambil interpretasi yang literal terhadap pandangan disuarakan oleh Yang Berhormat Kimanis. Saya sedia maklum beliau bukan maksudkan begitu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada kes-kes yang mana kerajaan negeri mohon dan dibenarkan Kerajaan Pusat untuk menjalankan projek. Akan tetapi, umumnya peruntukan disediakan untuk projek dalam kes-kes tertentu adalah tertakluk kepada kemampuan kerajaan negeri dan juga tertakluk kepada kepentingan Kerajaan Pusat. Jadi, bukan kosong ataupun tidak ada ruang langsung. Ada ruang, tetapi umumnya peruntukan disediakan dalam bentuk projek-projek. Terima kasih Yang Berhormat Kimanis.

Yang Berhormat Kangar— tujuh Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan hal berkaitan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Sudah disentuh rakan saya Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas tadi, tetapi izinkan saya memberi sedikit lagi pencerahan. Yang Berhormat Kangar bangkit, Yang Berhormat Pontian bangkit, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kemaman dan Yang Berhormat Pasir Puteh. Ini antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan pembangunan tidak seimbang dalam konteks Wawasan Kemakmuran Bersama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, konsep ini telah pun diterima pakai oleh kerajaan, dilancarkan pada 5 Oktober tahun lepas oleh Yang Amat Berhormat Mantan Perdana Menteri dan kerajaan membuat keputusan untuk meneruskan pendekatan ini kerana ialah adalah untuk menangani jurang kekayaan dan pendapatan dengan memberi fokus pada usaha menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rangkaian bekalan untuk membela meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan dengan izin, *no one is left behind*.

Selaras dengan matlamat WKB 2030 untuk menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat— fokus kita tertumpu kepada usaha menangani jurang kekayaan pendapatan merentasi wilayah termasuk negeri serta penduduk luar bandar dan bandar. Ini penting supaya negeri-negeri kurang membangun dan golongan penduduk yang

ketinggalan dapat bersama dalam arus kemajuan negara, nasib mereka terbelah dan ekonomi mereka diperkasakan.

Ini adalah penting untuk kita merapatkan jurang, umpamanya jurang antara Wilayah Tengah dengan Wilayah Timur. Timur Semenanjung Malaysia umpamanya ialah sebanyak 2.7, maknanya bagi setiap ringgit, pendapatan rakyat di dalam Wilayah Tengah ataupun kita perlukan usaha yang gigih untuk memastikan jurang dirapatkan kerana jurangnya sebanyak 2.7.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menekankan bahawa di bawah WKB 2030 ini yang mana antara perkara yang ditekankan ialah untuk membangunkan ekonomi wilayah dengan lebih inklusif, aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama atau disebut sebagai *Key Economic Growth Activities* yang dikenal pasti bagi setiap negeri bagi memberi fokus kepada aktiviti ekonomi berdasarkan kekuatan dan penyelidikan negeri tersebut. Contoh fokus tersebut termasuklah umpamanya pertanian dan penternakan moden di Kedah, ekonomi sempadan logistik di Perlis, pembuatan desa di Kelantan, persisiran perikanan di Terengganu, ekopelancongan di Sabah dan tenaga boleh diperbaharui di Sarawak. Ini antara contoh-contoh.

Yang Berhormat Kemaman— untuk menjawab Yang Berhormat Kemaman. Kerajaan telah memberi dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang seperti Yang Ahli Berhormat sedia maklum, memberi penekanan kepada enam negeri yang kurang membangun iaitu Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Bagi tahun 2020, enam negeri tersebut diperuntukkan sebanyak RM13.5 bilion iaitu kira-kira satu per empat daripada jumlah peruntukan pembangunan bagi melaksanakan sebanyak 31 projek baharu dan 2023 projek sambungan.

Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh— Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Puteh kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1.5 bilion bagi melaksanakan 35 projek baharu dan 235 projek sambungan di Kelantan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Kinabatangan, bagi tahun 2020 di Sabah telah pun diperuntukkan sejumlah RM5 bilion bagi melaksanakan sebanyak 148 projek baharu dan 106 projek sambungan dan Sarawak pula diperuntukkan sejumlah RM4.5 bilion. Ini contoh bagi menunjukkan bahawa kerajaan cuba sedaya upaya untuk mengimbangi pembangunan di seluruh negara kita.

Secara amnya Tuan Yang di-Pertua, kita akan terus berusaha dengan gigih untuk memastikan pembangunan wilayah lebih seimbang merentasi semua negeri dan

yang akan menyumbang ke arah mencapai pertumbuhan yang inklusif serta memastikan kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

Yang Berhormat Pasir Salak menyeru supaya kerajaan meneruskan pembangunan kawasan luar bandar dan pembangunan koridor-koridor wilayah. Untuk makluman Yang Berhormat, usaha pembangunan wilayah yang seimbang melalui inisiatif koridor ekonomi wilayah— ada lima semua koridor wilayah akan diteruskan dalam tempoh RMKe-11. Lima koridor diberikan peruntukan sejumlah RM5.9 bilion untuk melaksanakan pelbagai program pembangunan sosial ekonomi bagi menarik pelaburan dan mewujudkan peluang pekerjaan. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM786 juta diperuntukkan kepada NCIA atau Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Julau meminta kerajaan agar mengambil peluang daripada keadaan ekonomi sekarang untuk membuat *economic reset*, pasca pandemik COVID-19 ini untuk merapatkan jurang antara kawasan bandar dengan luar bandar. *Insyallah* Yang Berhormat Julau ini adalah antara perkara yang akan dibentangkan di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang menumpukan perhatian kepada pembangunan untuk semua, menangani jurang kekayaan dan pendapatan dan mewujudkan negara yang bersatu, makmur dan bermaruah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, Majlis Tindakan Ekonomi sedang merangka pelan ekonomi jangka sederhana dan jangka panjang. Kerja-kerja untuk menyiapkan pelan ini sedang rancak dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan dengan isu yang ketiga iaitu pembangunan. Yang Berhormat Kota Samarahan membangkitkan isu Sekolah Kebangsaan Tamil Samarahan dan saya ingin memaklumkan bahawa ini akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

Yang Berhormat Labuan membangkitkan antara lain ialah Jambatan Labuan-Menumbok dan ini sudah pun disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan. Jadi, saya tidak mahu mengulangi perkara tersebut.

Yang Berhormat Batu pula membangkitkan isu tiada pemantauan dilaksanakan dengan berkesan oleh Bahagian Pembangunan Ekuiti Unit Perancangan Ekonomi dalam program yang dikendalikan oleh Yayasan Gerakan Tindakan Afirmatif Baharu (NAAM). Saya ingin menekankan di sini bahawa tindakan sedang diambil untuk mengenai perkara ini untuk melantik Jawatankuasa Induk Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus dan juga mengkaji untuk menambah baik garis panduan Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus (PPKK) sedia ada

supaya lebih kemas, teratur dan mengikut peraturan kewangan yang berkuatkuasa dan skop yang telah dipersetujui.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu keempat iaitu berkaitan dengan ekonomi bumiputera. Yang Berhormat Pontian mencadangkan supaya kerajaan melaksanakan lonjakan berganda ataupun *quantum leap* untuk memastikan bahawa bumiputera dengan satu revolusi besar menjadikannya sebagai bangsa usahawan dan meramaikan yang bergaji tinggi. *Insyah-Allah* kerajaan peka dengan masalah bumiputera dan juga rakyat Malaysia yang miskin berdasarkan kepada Jabatan Perangkaan. Bumiputera mewakili lebih kira-kira 70 peratus daripada negara kita dan sejumlah 71 peratus daripada Kumpulan B40 adalah daripada bumiputera, 19.5 peratus adalah Cina dan 1.3 peratus daripada kumpulan India.

Kerajaan telah membuat keputusan untuk mewujudkan Majlis Kemakmuran Bumiputera yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini akan menjadi platform tertinggi untuk memperkasakan pembangunan sosioekonomi Bumiputera pada tahun-tahun mendatang. Kewujudan MKB ini adalah sebahagian daripada kerangka intervensi strategik untuk membangunkan dan mempercepatkan pemerikasaan ekonomi bumiputera yang merentasi pelbagai program selaras Wawasan Kemakmuran Bersama.

Di samping itu, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) sebagai agensi penyelaras tunggal permohonan bumiputera akan diperkukuhkan sebagai sebuah badan koordinasi di peringkat tertinggi bagi memantau pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan semua bumiputera serta mempertingkatkan kualiti, perancangan dasar dan strategi-strategi..

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *[Bangun]* Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada celahan. Sila Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kita selalu di Malaysia ini mengelaskan masyarakat daripada T20, M40 dan B40. Bila agaknya kita boleh mencapai misalnya T30, M60, B10 supaya yang B ini dikecilkan, M itu dibesarkan dan yang tertinggi itu juga dibesarkan. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: B merupakan fenomena di seluruh dunia dan di Malaysia juga bagi T30 pendapatan mereka lebih 50 peratus jumlah pendapatan

negara. Oleh itu, di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 telah menjadi hasrat kerajaan untuk melonjakkan pencapaian rakyat kita dalam Kumpulan B40 dan M40.

■1240

Umpamanya dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas. Adalah menjadi harapan kita untuk memastikan kumpulan B40 khususnya dalam kumpulan B1, kumpulan B1 ini pendapatan mereka kurang RM2,500 pendapatan isi rumah, kurang RM2,500 akan diberikan perhatian yang khusus oleh kerajaan, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kita juga seperti diterangkan rakan saya tadi Menteri Tugas-tugas Khas, penyertaan bumiputera dalam industri strategik dan berimpak tinggi dan berpotensi mempunyai nilai tambah tinggi juga akan dipertingkatkan. Secara keseluruhannya, penekanan utama kerajaan dalam pemerkasaan bumiputera akan diterjemahkan melalui penggubalan dasar strategi dan inisiatif yang akan digarap secara terperinci melalui penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas dan juga rancangan selepas itu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu kemiskinan. Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Kuala Langat ialah antara Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap tentang perkara ini.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: *[Bangun]*

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Adalah benar bahawa Pekali Gini telah meningkat...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelebu, sebelah kanan belakang.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang belakang sekali, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Okey.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jelebu, dekat pintu keluar. Yang Berhormat Menteri, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum pergi ke tajuk yang lebih lain, saya ada timbulkan Yang Berhormat Menteri tentang pemilikan hartanah bagi golongan bumiputera khususnya di kawasan bandar untuk golongan M40.

Saya timbulkan hari itu, adakah pihak kerajaan mempunyai *data bank* tentang pemilihan hartanah golongan M40 bumiputera di kawasan-kawasan bandar dan apakah perancangan kerajaan tentang pertambahan pemilikan hartanah bagi golongan M40 ini? Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Daripada Jelebu.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Switch on, microphone. Switch on.*

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Jelebu, Pengerusi UDA. Memanglah angka-angka ini satu angka yang kita dapati dalam merangka dasar, kadang-kadang kurang tepat. Umpamanya, bagi melihat kepada pemilikan harta komersial di bandar kita menggunakan proksi nya pindah milik antara rakyat Malaysia dan kita dapati bahawa di kalangan bumiputera cuma 56 peratus sahaja. Ini proksi kepada pemilikan hartanah bumiputera di bandar-bandar.

Ini perkara penting saya tahu Yang Berhormat Jelebu ada ke Pulau Pinang dua-tiga hari lepas bersama dengan Menteri berkenaan dan itu sebabnya kerajaan mendapati bahawa adalah perlu diperkemas sistem pengumpulan data dan TERAJU telah ditugaskan, TERAJU akan diperkasakan, TERAJU telah pun ditugaskan untuk mengumpul data tersebut dan kita berharap akan mendapat data yang lebih tepat. Kita sedia maklum data yang tepat adalah amat penting bagi membolehkan kerajaan merancang dengan lebih tepat.

Kembali saya kepada Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Pekan dan Yang Berhormat Kuala Langat. Kita sedia maklum bila diumumkan bulan Julai lalu, penemuan *survey* pendapatan dan juga perbelanjaan, Pekali Gini National meningkat kepada 0.407 daripada 0.389 pada tahun 2019. Ini adalah berlaku kerana pertumbuhan ekonomi yang sederhana dan perbezaan pertumbuhan pendapatan dan pelbagai sektor ekonomi.

Inilah juga yang menyebabkan kadar kenaikan pendapatan isi rumah B40 sederhana berbanding dengan 2016, ini sebagai contoh. Jadi, untuk menangani ini semua kita sedia maklum ini isu yang penting, yang besar dalam negara kita, kita telah bergelumang dengan isu ini sejak 50 tahun lalu itu sebabnya diperkenalkan Dasar Ekonomi Baru tahun 1971. Maka betullah, kita perlu program dan dasar yang lebih

berkesan untuk memastikan kumpulan B40 dan M40 dapat dipertingkatkan supaya mereka dapat meningkatkan pendapatan ke tahap yang lebih tinggi.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *[Bangun]*

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Sebenarnya, melihat kepada angka-angka *survey* Jabatan Perangkaan.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Rompin.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Ya, Pekali Gini bagi bumiputera juga meningkat, Cina pun meningkat, India pun meningkat. Ini bermakna bahawa perbezaan ataupun taraf kesamarataan di kalangan kaum, *within races* juga sudah bertambah sedikit berbanding tahun 2016.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Rompin sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Celahan, Yang Berhormat Rompin.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Yang Berhormat Rompin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Rompin.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Di antara faktor yang mengekang kepada lonjakan pendapatan B40 ialah struktur ekonomi ataupun pendapatan dalam negara kita. Daripada kajian Bank Negara menunjukkan bahawa kalau kita melihat pendapatan dari segi satu-satu perniagaan itu iaitu *upper management* dan *shareholder* memiliki pendapatan yang sangat tinggi 30 hingga 40 *percent*, *middle management* mendapat 30 *percent*.

Jadi pekerja-pekerja bawahan ini mendapat pendapatan yang sangat rendah iaitu di bawah 30 *percent* berbanding dengan negara-negara maju dan negara itu yang mana pendapatan bagi pekerja-pekerja bawahan ini adalah di sekitar 38 hingga 40 *percent*. Ini mungkin disebabkan oleh akta buruh tidak begitu kuat, kesatuan pekerja tidak begitu dinamik menyebabkan ada kekangan untuk mengubah struktur pendapatan dalam perniagaan dalam negara kita ini.

Adakah kerajaan bercadang untuk mengambil langkah-langkah untuk mengubah supaya pendapatan bagi pekerja bawahan ini di sekitar 30 hingga 40 *percent* daripada seluruh pendapatan dari sesuatu perniagaan itu? Apa pandangan, Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Rompin.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Tuan Yang di-Pertua, tepat sekali pandangan Yang Berhormat Rompin. Ini isu yang kita

hadapi, umpamanya pampasan pekerja berbanding dengan KDNK dalam negara kita ialah kira-kira 36 peratus. Bermakna jumlah keluaran negara cuma lebih satu pertiga, sedikit sahaja, 36 peratus sahaja yang pergi kepada pekerja, yang lainnya pergi kepada *owners of capital* dengan izin, pemilik-pemilik modal.

Di negara maju yang berjaya kita dapati angkanya mungkin sampai 50 peratus maknanya pampasan untuk pekerja sampai 50 peratus daripada *total output*, dengan izin. Jadi antara salah satu perkara yang kita akan buat dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas ialah untuk merangka strategi meningkatkan peratusan pampasan pekerja daripada KDNK, mungkin sekitar 40 peratus, kita akan tentukan angka tepat dalam sebulan, dua ini.

Antara langkah yang perlu diambil termasuklah seperti kata Yang Berhormat tadi kita lihat semula kepada Akta Kerja, kita perlu lihat kepada produktiviti, kita perlu lihat kepada automasi, cara-cara bagaimana hendak meningkatkan pendapatan rakyat Malaysia yang jurang terlalu luas antara pengurusan tertinggi dan bawahan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Rompin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Petaling Jaya membangkitkan isu yang sama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rompin tadi. Saya tidak mahu ulang, ya. Angka tepat tahun lalu, sumbangan pampasan pekerja kepada KDNK ialah 35.9 peratus, ia naik sedikit berbanding dengan 2018. Tahun 2018 ialah 35.8 peratus, tahun lepas 35.9 peratus. Jadi ini suatu perkara yang perlu kita lakukan.

Antara langkah yang perlu diambil ialah untuk melihat kepada sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti ataupun *Productivity-Linked Wage System*, dengan izin. Pada masa ini, saya dimaklumkan bahawa kira-kira 90,000 syarikat dalam negara telah pun mengamalkan kaedah ini. Maknanya pekerja dibayar berdasarkan produktiviti, dengan itu mereka mungkin mendapat gaji yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya, antara yang paling popular ialah isu kemiskinan dibangkitkan sekali oleh Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Batang Lepar, Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Bangi, Yang Berhormat Petaling Jaya, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Setiawangsa dan Yang Berhormat Kinabatangan, 15 orang Yang Berhormat semuanya.

Saya telah pun mengumumkan dalam Dewan ini tentang kaedah baru yang kita akan gunakan untuk mengira PGK yang baru. Saya tidak mahu jelaskan, tidak perlu saya pergi dengan lebih mendalam. Jadi sebagai maklumat seperti semua sedia

maklum, dahulu mengikut asas lama kadar *poverty* ialah 0.4 peratus tetapi mengikut kadar baru ini ataupun mengikut kaedah baru ini 2016 ialah 7.6 peratus dan terkini tahun lepas 5.6 peratus, penurunan sebanyak 2 peratus berbanding dengan 0.4 peratus tahun lepas jika digunakan kaedah-kaedah lama.

Jadi, kita buat keputusan untuk menggunakan kaedah baru ini yang berasaskan kepada makanan, berdasarkan optimum minimum dan juga komponen bukan makanan, 148 komponen semua sekali dan inilah yang akan kita gunakan bermula tahun depan.

■1250

Kita ada 5 bulan untuk kita mengkaji kaedah-kaedah bagaimana hendak laksanakan kaedah baharu ini ataupun definisi baharu ini bagi merangka dasar yang lebih berkesan bagi menangani isu kemiskinan. Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Jelebu dan Yang Berhormat Pasir Mas membangkitkan tentang bantuan dan bentuk khusus yang disediakan oleh kerajaan untuk golongan miskin dengan pengumuman kadar PGK.

Seperti saya sebutkan tadi, kita telah berikan penjelasan kepada jabatan dan kementerian berkenaan dan mereka ada 5, 6 bulan untuk melihat semula keadaan di kementerian dan juga negeri masing-masing untuk membolehkan mereka merangka dasar yang lebih berkesan.

Tadi rakan saya daripada Menteri Tugas Khas telah pun menyebut tentang eKasih. Saya tidak mahu ulang apa yang disebut oleh beliau. Yang Berhormat Setiawangsa mengesyorkan PGK dibuat mengikut wilayah, bukan sahaja antara negeri di wilayah tetapi juga antara bandar dan luar bandar agar perbezaan kos sara hidup ini lebih tepat.

Nasional ialah RM2,208 bagi saiz isi rumah 3.9 orang. Penentuan sama ada isi rumah dikategorikan sebagai miskin dan tidak adalah bergantung kepada jumlah pendapatan keseluruhan ahli isi rumah yang menerima pendapatan dalam sesuatu tempoh rujukan. Sebagai ringkasnya, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Setiawangsa, memang kita ada kadar kemiskinan untuk bandar dan luar bandar, wilayah pun kita ada. Umpamanya bagi Malaysia, PGK ialah RM2,208 pendapatan purata. Bagi negeri Johor umpamanya ialah RM2,505 dan bagi Wilayah Persekutuan ialah RM2,200.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Ini ialah angka-angka yang terbit daripada hasil kajian Jabatan Perangkaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, antara perkara yang harus diberikan perhatian oleh kerajaan ialah selain daripada bantuan khusus kepada golongan-golongan rakyat yang termiskin, Yang Berhormat Menteri ialah ada mempunyai kaitan terus dengan bantuan yang disampaikan melalui bantuan di peringkat negeri. Adakah pihak kementerian merangka ataupun mempunyai kolaborasi dengan semua kerajaan, terutamanya kerajaan negeri di bawah Pakatan Harapan, Yang Berhormat Menteri.

Untuk memastikan bahawa semua masyarakat dan golongan yang termasuk, terutamanya bagi golongan yang baharu ini, Yang Berhormat Menteri. Termasuk di dalam golongan ataupun kumpulan sasaran yang boleh dibantu oleh kerajaan negeri berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri, Lembah Pantai.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, semua yang perlu dibantu, yang miskin perlu dibantu tidak kira di mana, tidak kira bangsa, tidak kira lokasi. COVID-19 ini telah mendedahkan beberapa kelemahan dalam kita menangani isu bantuan. Kadang-kadang ada pertindihan. Itu punya *database*, Kerajaan Pusat ada, kerajaan negeri ada, NGO ada, syarikat-syarikat korporat ada, Majlis Agama Islam banyak membantu. Jadi, ini menunjukkan kita perlu satu penyelarasan. Penyelarasan telah dibuat oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, secara umumnya telah dilakukan. Akan tetapi kita akui bahawa ia tidak...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, sedikit lagi Yang Berhormat Menteri. Adakah ini menunjukkan bahawa penerima bantuan Kebajikan Masyarakat itu akan bertambah daripada apa yang ada sekarang?

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Saya selesai soalan tadi. Jadi maknanya, saya akui bahawa perlu diadakan penyelarasan lebih baik antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri. Bukan sahaja kerajaan pembangkang. Semua lah. Semua kerajaan negeri. Jadi, mengenai bantuan saya sudah sebut tadi, kaedah ini akan digunakan bermula tahun hadapan. Kalau mengikut angka terkini, jumlah keluarga miskin ini lebih 400 ribu isi rumah. Satu angka yang tinggi dan sudah pasti kita kena mengambil kira perkara ini. Dasar-dasar sewajarnya kita akan lakukan kerana membasmi kemiskinan masih lagi merupakan agenda utama kerajaan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Menteri, Lembah Pantai.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Sila.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berminat dalam isu data. Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiawangsa tentang, dengan izin, *granularity* ataupun secara terperinci mengikut kawasan. Saya rasa Yang Berhormat Menteri sedia pada hari ini dengan data yang boleh kita rangkul.

Bila kita lihat sistem *e-wallet* sebagai contoh, kita dapat lihat trend perbelanjaan dengan banyak data lain kita boleh kumpul dan kita boleh cerakinkan untuk lebih melihat secara terperinci masalah kemiskinan itu sendiri. Soalannya, adakah pada pandangan Yang Berhormat Menteri, boleh diusahakan dalam masa terdekat satu penyelarasan dasar untuk memungkinkan, saya tidak pasti perkataan dalam bahasa Melayu nya tetapi *granularity of the data*. Contoh, yang miskin di Lembah Pantai mungkin berbeza dari yang miskin di Puchong. Walaupun berdekatan. Jadi, adakah itu satu kemungkinan? Selain daripada peringkat mukim. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Sila.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Angka-angka yang *granular* ini memang ada. Akan tetapi untuk tujuan membuat dasar, adalah sukar untuk kerajaan melaksanakan dasar sampai ke peringkat mikro. Umpamanya, sempadan Lembah Pantai dengan Wangsa Maju umpamanya. Ini antara isu-isu. Jadi, Jabatan Perangkaan memang ada itu. Akan tetapi kita tidak cenderung untuk mendedahkan data tersebut. Akan tetapi kalau Yang Berhormat *in private*, dengan izin, ingin kita boleh usahakan.

Oleh kerana kalau kita tengok Selangor ataupun wilayah ada sebelas Parlimen umpamanya. Jadi, memang ada perbezaan antara satu sama lain. Labuan umpamanya. Mungkin Labuan tinggi sedikit oleh sebab kos hidupnya tinggi dan sesetengah tempat itu, negeri mungkin tinggi, bukan kerana apa, kerana bilangan isi rumah tinggi. Puratanya 3.9, jadi satu keluarga 3.9. Jadi, isteri dan suami ada 2.9 anak lebih kurang. Sorry, 1.9 anak, tidak sampai.

Akan tetapi sesetengah kawasan mungkin 5 orang satu keluarga. Jadi, sudah pasti pendapatan lebih tinggi. Bukan kerana tinggi pendapatan. Akan tetapi kerana lebih ramai yang bekerja dalam keluarga berkenaan. Apa pun, kita tidak— untuk tujuan buat dasar adalah sukar untuk kita menggunakan yang mikro data tadi sampai ke peringkat Parlimen. Ini akan menimbulkan banyak masalah. JKM umpamanya, hendak bagi berapa Setiawangsa, nak bagi berapa Lembah Pantai, hendak bagi berapa Jeli. Ini satu masalah pelaksanaan yang harus kita ambil kira.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, 10 minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Terima kasih. Saya teruskan lah Yang Berhormat Bangi. Ada di sini? Tidak ada, tak payah sebut lah ya. Yang Berhormat Bangi, banyak. 3 cadangan untuk kita membaiki lagi data-data berkaitan kemiskinan, termasuklah data peringkat daerah dan juga membolehkan data set secara umum, membolehkan pensyarah membuat kajian. Ada dua lagi Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas. Pertama ialah FELDA. Oleh sebab masa tidak mengizinkan. Hendak sambung balik lepas ini ataupun...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Akan sambung selepas pukul satu, *break*. Akan sambung lagi. Akan tetapi ada 3 minit lagi untuk Yang Berhormat teruskan.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Saya sambung sedikit lah selepas ini. Jadi, kerajaan bukan sahaja melihat kepada satu data yang berasaskan kepada Jabatan Perangkaan. Kita lihat juga kepada *multidimensional poverty index*. Ini satu indeks yang telah dibuat oleh pakar-pakar lebih 10 tahun yang lalu. Ini melihat kepada 4 perkara, kesihatan, pendidikan, taraf hidup dan melihat pada pendapatan skop yang luas. Jadi maknanya, apabila kita lihat kepada kemiskinan ini, data yang kita gunakan bukan semata-mata berdasarkan kepada RM2,208 yang saya sebutkan tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya langkau sedikit kerana ramai tidak ada.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Mohon isu FELDA dijawab dahulu sebab masa yang agak terhad ini. Oleh sebab isu FELDA ini banyak. Mohon Menteri kalau boleh. Oleh sebab selepas itu tinggal 3 minit, mungkin tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Oleh sebab masa tidak ada, saya akan jawab FELDA, Yang Berhormat Jempol. Kalau boleh, 10 minit selepas rehat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sekarang ini ada 2 minit lagi.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: 2 minit ini tidak cukup Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan menggesa kerajaan menggunakan kaedah *blue ocean strategy* dalam mengkaji dan membuat banciaan terhadap penduduk, banciaan kemiskinan. Inilah sebenarnya yang diamalkan oleh kerajaan, khususnya Jabatan Perangkaan. Kerjasama antara pelbagai pihak, termasuklah swasta. FELDA ini ramai membangkitkan. Termasuklah Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Jelevu.

Jadi, saya ingin menekankan bahawa perkara ini diberi perhatian kerajaan dan kita telah menubuhkan satu pasukan petugas dipengerusikan oleh Tan Sri Wahid Omar. Pasukannya sudah hampir selesai menyediakan laporannya. Kita jangka sebulan lagi akan dibentangkan oleh kerajaan melalui Kabinet dan mungkin 2 bulan lagi kita akan ada beberapa perakuan untuk menyelesaikan masalah FELDA. 2 masalah utama. Pertama ialah masalah *cash flow*. Kedua ialah masalah kelestarian model FELDA dalam membangunkan kedudukan sosioekonomi peneroka-peneroka FELDA. Jadi, yang lain-lain Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa sudah suntuk. Saya berhenti setakat itu dan kalau izin, saya sambung jam 2.30. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam telah menunjukkan pukul 1. Dewan berhenti rehat dan disambung semula 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat Menteri.

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk bercakap lebih panjang sedikitlah. Mungkin *another five minutes*. Enam campur lima, 12 minit, *hopefully*. Ini kerana isu ini penting.

Pertama, FELDA. Kedua, Petronas. Ahli Yang Berhormat Pasir Mas telah menggesa kerajaan supaya beri perhatian kepada masalah yang dihadapi oleh peneroka terutamanya hutang peneroka tidak munasabah, tidak jelas. Untuk makluman, secara purata, seorang peneroka berhutang kira-kira RM150,000 untuk tanam semula dan juga pinjaman sosioekonomi. Berkaitan hal ini, Kertas Putih telah memperuntukkan RM2 bilion bagi menghapuskan faedah pinjaman tanaman semula. Selain itu, pihak pengurusan telah buat keputusan untuk memuktamadkan senarai penyata hutang

menjelang bulan September 2020 bagi 30,000 penyata hutang yang belum selesai. Ini akan diselesaikan.

Kedua, berkaitan dengan pewarisan. FELDA telah mengambil langkah untuk mematuhi hukum-hukum faraid dalam pembahagian harta peneroka. Saya ingin memberi jaminan bahawa FELDA sedang menyemak dan mengkaji secara keseluruhan untuk membuat pindaan ke atas Akta GSA supaya mematuhi hukum syariah. Di samping itu, tindakan telah diambil, menyediakan dasar pewarisan tanah FELDA dengan menyediakan SOP dan pekeliling supaya memastikan bahawa syariah dan undang-undang dapat dipatuhi.

Seterusnya, akhir sekali mengenai FELDA, dibangkitkan tentang rumah yang belum selesai. Yang Berhormat Pasir Mas dan Yang Berhormat Jempol membangkitkan tentang Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF). Semuanya berjumlah 8,314 unit, yang siap setakat ini cuma 2,358. Mengenai baki rumah yang belum siap, beberapa langkah dan kaedah sedang diterokai oleh pihak pengurusan FELDA, termasuklah menyediakan lot rumah kepada generasi kedua dan rumah yang dibina sendiri oleh mereka.

Oleh kerana FELDA ini isu yang penting, termasuklah kawasan Tuan Yang di-Pertua juga banyak orang FELDA, maka, kita buat keputusan supaya satu *focus group* Ahli-ahli Parlimen ditubuhkan untuk membicarakan hal-hal FELDA dengan lebih terperinci. Mungkin boleh diketuai oleh Yang Berhormat Jelevu ataupun Yang Berhormat Jempol yang banyak membangkitkan hal ini. Saya akan berbincang dengan Pengerusi FELDA berkaitan perkara ini supaya ditubuhkan satu *focus group* supaya hal-hal yang tidak dapat kita jawab dalam Dewan ini, dapat kita selesaikan.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, cuma projek perumahan itu tadi saya harap ia dapat diselesaikan kerana keadaan rumah daripada 70 peratus oleh kerana ia terbengkalai, maka banyak kecurian berlaku dan ia terletak dalam 40 peratus pada hari ini. Maksudnya semakin lambat kita laksanakan untuk baik pulih projek terbengkalai ini, semakin banyaklah bajet akan diperuntukkan.

Keduanya, tadi tidak terjawab, Projek Sentuhan Kasih yang mana kawasan saya Paloh 16 telah pun siap sebanyak 90 peratus. Jadi dalam Projek Sentuhan Kasih ini ada projek ekonomi yang dijalankan. Ini saya hendak tanya, adakah kedudukan projek ini diteruskan dengan keadaan prasarana sudah siap?

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: [Bangun]

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Cuma 10 peratus sahaja tidak siap. Mohon Menteri untuk menjawab.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Menteri, Pasir Mas sedikit hendak sambung soalan tadi. Sedikit sahaja. Pasir Mas.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Mikrofon.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tidak dengar, tidak dengar. Mikrofon. Tidak dengar.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Pertama, rumah. Betul kata Yang Berhormat Jempol tadi iaitu lagi lama kita tidak duduki, sudah pasti kos pembaikannya tinggi dan kita ambil perhatian. Pengerusi pun dengar tentang perkara ini. Berkaitan dengan Projek Sentuhan Kasih tadi, kita telah siapkan dua iaitu di Chini Timur 2, ada juga di Tenggaroh. Dua lagi telah dibuat keputusan Lembaga untuk tidak diteruskan dan perkara ini akan dikaji semula oleh pihak Lembaga Pengarah. Terima kasih.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Pasir Mas. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya berkenaan dengan isu pewarisan tadi Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan apa yang saya timbulkan soal faraid, pewarisan tadi. Adakah Yang Berhormat Menteri ada meletakkan *timeline*, bilakah isu-isu seperti ini akan dapat diselesaikan? Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Ini melibatkan dua perkara. Pertama, berkaitan dengan GSA. Kedua ialah berkaitan dengan peraturan. Peraturan tidak ada masalah. Ini akan diberi perhatian oleh pengurusan FELDA. Pindaan undang-undang ini mungkin memerlukan masa sedikit. Jadi sukar untuk diberikan *timeline* tetapi peraturan, pihak FELDA sedang merangka SOP untuk memastikan perkara ini dilaksanakan. Apa yang pentingnya, perkara ini sudah diterima secara prinsip oleh pihak FELDA. Terima kasih. Jadi kita akan tubuhkan satu *focus group*. Saya akan berunding dengan Pengerusi FELDA untuk membicarakan hal-hal kerana FELDA banyak isu. Kita harap dalam masa dua bulan, beberapa perakuan akan dapat dimuktamadkan oleh kerajaan.

Berkaitan dengan Petronas, Yang Berhormat Igan dan Yang Berhormat Kota Samarahan telah pun dijawab oleh Timbalan Menteri pagi tadi dalam Dewan yang mulia ini.

Saya pergi terus kepada Yang Berhormat Kuala Krai, menggesa kerajaan dalam melaksanakan pemerintahan saksama, perlu mengakui hak Kelantan terhadap hasil minyak yang dikeluarkan di pesisir pantai Kelantan. Kerajaan sentiasa peka dan cuba sedaya upaya memastikan hasil dan sumber petroleum negara dapat dinikmati secara

adil dan saksama antara negeri-negeri yang berkenaan. Sehubungan dengan ini saya difahamkan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan telah pun berjumpa dengan pengurusan tertinggi Petronas pada 10 Julai lalu. Pihak Petronas terbuka untuk terus berbincang dengan Kerajaan Negeri Kelantan mengenai perkara ini.

Mengenai Yang Berhormat Semporna dan Yang Berhormat Sepanggar, telah membangkitkan tentang 20 peratus royalti kepada Kerajaan Negeri Sabah. Seperti sedia maklum, janji ini merupakan Janji 3 dan Janji 41, Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan dan bukannya bagi Kerajaan Perikatan Nasional sekarang ini. Seperti yang diterangkan dalam Dewan sebelum ini, sebahagian besar kos pengeluaran minyak dan gas melibatkan kos pembiayaan pengeluaran ataupun *cost recovery* yang tinggi hingga 70 peratus. Oleh itu, tanggapan bahawa kerajaan negeri hanya mendapat lima peratus, manakala Kerajaan Persekutuan mendapat 95 peratus bayaran tunai adalah tidak benar sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut keadaan semasa daripada nilai satu tong yang dikeluarkan, satu tong minyak dikeluarkan, 70 peratus daripada hasil pengeluaran kasar minyak dan gas adalah kos pembiayaan pengeluaran ataupun *cost recovery*, kos eksplorasi, kos pembangunan pelantar dan kos operasi perlu dibiayai. Kos tersebut telah mengalami peningkatan yang signifikan dari tahun ke tahun disebabkan oleh kerumitan (*complexity*) ataupun dan risiko yang semakin tinggi dalam proses mencari gali minyak dan gas di lautan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja penjelasan saya. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membincangkan hal-hal berkaitan dengan jabatan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1440

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Bharu.

2.40 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih terutama kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri khususnya di bawah portfolio saya iaitu Parlimen dan juga undang-undang dan juga

agensi-agensi lain yang di bawah pengawasan saya. Antaranya Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), SPRM, Pusat Governans Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) dan beberapa lagi. Saya sesungguhnya bagi pihak jabatan saya menghargai segala pandangan dan teguran-teguran serta cadangan yang telah disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya memulakan penggulungan saya untuk menyentuh isu berhubung dengan isu pendaftaran automatik bagi pengundi berusia 18 tahun yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Muar serta Yang Berhormat Pasir Gudang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, SPR sedang dalam persiapan untuk melaksanakan perihal umur kelayakan mengundi umur 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik. Dua, satu pakej iaitu umur 18 tahun mengundi dan juga pemilih automatik. Ini berdasarkan kepada pindaan yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada 16 Julai 2019 iaitu pindaan kepada Perkara 119 Fasal (4) Perlembagaan Persekutuan dalam persidangan penggal yang lepas.

Persiapan yang sedang dilaksanakan oleh SPR adalah meliputi penyediaan untuk membuat pindaan kepada peraturan-peraturan pilihan raya pendaftaran pemilih dan juga undang-undang lain yang berkaitan serta menyediakan SOP dan penyediaan sistem serta infrastruktur ke arah pelaksanaan ini. Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, SPR telah mengadakan pelbagai program melibatkan sesi libat urus atau *engagement* dengan jabatan-jabatan agensi serta kementerian-kementerian tertentu antaranya MAMPU, KDN, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Penjara, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Kementerian Kesihatan, Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia.

Selain daripada itu, SPR juga mengadakan libat urus melibatkan parti-parti politik sama ada di pihak kerajaan mahupun pembangkang pada bulan Oktober 2019. Libat urus dengan pertubuhan NGO dan juga parti-parti politik negeri Sarawak pada bulan November 2019 dan pertubuhan NGO dan juga parti-parti politik di Sabah pada bulan Disember 2019. Ini menunjukkan bahawa perkara ini telah diambil tindakan segera ke arah *target* ataupun sasaran untuk melaksanakan kedua-dua perkara ini selewat-lewatnya pada Julai 2021 iaitu dua tahun selepas pindaan Perkara 119(4) ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Atas dasar itu, SPR sedang mengusahakan perkara ini supaya dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Perkara yang kedua berhubung dengan SPR ialah mengenai jumlah pengundi di Semenanjung dengan jumlah pengundi di Sabah Sarawak di mana *malapportionment* yang perlu dikaji semula oleh kerajaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah

Pantai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prinsip yang berikut hendaklah seboleh-bolehnya diambil kira dalam membahagikan mana-mana kajian semula kepada bahagian pilihan raya berdasarkan Perkara 116 dan Perkara 117 Perlembagaan. Pertama, kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih pengundi semasa pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri.

Kedua, mengambil kira kemudahan pentadbiran untuk mengadakan jentera serta pendaftaran pengundian dan ketiga, jumlah pemilik yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dan juga memelihara hubungan tempatan. Itu antara faktor-faktor yang diambil kira oleh kerajaan untuk melaksanakan proses supaya jumlah pengundi di Semenanjung dan juga Sabah Sarawak akan dapat diseimbangkan seboleh mungkin.

Perkara ketiga mengenai pilihan raya dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang iaitu mengenai pecah sempadan bahagian pilihan raya yang terakhirnya diadakan pada 2004 yang dicadangkan supaya dikaji. Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Gudang, Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kajian semula persempadanan boleh dibuat dengan dua cara.

Pertama ialah pindaan undang-undang mengenai komposisi bilangan anggota Dewan Rakyat yang melibatkan pindaan Perlembagaan. Kedua, yang disebut sebagai kaedah tamat lat tempoh iaitu sekurang-kurangnya lapan tahun daripada tarikh kajian yang sebelum ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lat tempoh lapan tahun bagi negeri Sarawak akan berakhir pada tahun 2023. Bagi negeri Sabah pada tahun 2025. Manakala, bagi Semenanjung Tanah Melayu hanya akan tamat pada tahun 2026. Oleh sebab itu, soal berkaitan dengan pecah sempadan pilihan raya bagi Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak masih belum lagi berbangkit dan tidak timbul kelewatan.

Perkara yang seterusnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Rengas berhubung dengan cadangan supaya dalam pilihan raya negara kita akan datang, ia tidak lagi berdasarkan kepada calon. Ini mungkin untuk mengelakkan lompat parti dan sebagainya. Dicapadangkan pertandingan diadakan antara parti. SPR sentiasa terbuka dengan cadangan yang seumpama ini. Namun demikian, pandangan Yang Berhormat Padang Rengas ini akan bermakna negara kita terpaksa menukar sistem pilihan raya sebagaimana yang diadakan sekarang ini iaitu berdasarkan calon-calon mewakili parti kepada parti-parti dan ini pada pandangan SPR memerlukan kepada *exercise*, dengan izin untuk meminda Perlembagaan Perkara 47, 48, 49, 50, 51, 54 dan juga Akta Kesalahan Pilihan Raya dan beberapa perundangan-perundangan yang lain.

Akhirnya, mengenai SPR daripada Yang Berhormat Lembah Pantai mengenai Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya. Untuk

makluman Yang Berhormat, *Electoral Reform Committee* (ERC) adalah merupakan jawatankuasa khas ditubuhkan pada 2018 untuk menambah baik sistem undang-undang pilihan raya. Saya hendak maklumkan bahawa kerajaan masih lagi menunggu laporan hasil kajian yang dijangka akan dibenteng, dikemukakan kepada kerajaan pada akhir bulan Ogos tahun ini iaitu pada bulan ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: ...Saya masuk kepada isu yang kedua dalam penggulungan saya.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri, Lembah Pantai.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Iaitu isu yang banyak juga dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu mengenai isu lompat parti. Isu lompat parti ini nampaknya menjadi topik yang agak popular dalam persidangan pada kali ini. Beberapa Ahli Parlimen iaitu Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Batu Sapi dan juga Yang Berhormat Tawau telah membangkitkan perlunya akta lompat parti. Saya hendak sebutkan di sini pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa jawapan yang saya akan berikan ini adalah jawapan yang bentuknya sama kalau sekiranya sebelah pembangkang ini jadi kerajaan. Sebab ia merupakan satu perkara perundangan.

Berdasarkan kepada Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan semua warganegara berhak untuk membentuk persatuan termasuk parti-parti politik. Atas dasar inilah apabila pada tahun 1992, apabila kerajaan negeri Kelantan meminda Perlembagaan Negeri Kelantan memasukkan mana-mana wakil rakyat ataupun ADUN Negeri Kelantan yang melompat parti, maka dia akan perlu mengosongkan kerusinya. Apabila diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan, pindaan tersebut menyebabkan dua orang ADUN yang melompat parti iaitu daripada Parti Melayu Semangat 46 pada masa itu telah dilucutkan jawatan mereka. Mereka telah membawa kes ini apabila dilucutkan kedudukan mereka membawa kes ini ke mahkamah sehingga ke Mahkamah Agong. Pada masa itu, tidak ada Mahkamah Persekutuan atau *Supreme Court*, Tuan Yang di-Pertua. Iaitu kes Dewan Undangan Negeri Kelantan melawan Nordin bin Salleh [1992] 1CLJ 343 yang didengar oleh lima orang hakim. Hakim-hakim senior iaitu Abdul Hamid Omar, *Lord President*; Harun Hashim, *Supreme*

Court Judge; Mohamed Yusoff, Supreme Court Judge; Gunn Chit Tuan, Supreme Court Judge; dan Edgar Joseph Jr. Supreme Court Judge.

■1450

Saya hendak sebutkan bahawa oleh sebab dalam negara kita ini mahkamah yang tertinggi di Malaysia iaitu Mahkamah Agong (*Supreme Court*) yang sama dengan Mahkamah Persekutuan sekarang ini memutuskan bahawa lompat parti bukan menjadi satu kesalahan. Malahan kalau ada undang-undang yang dibuat sedemikian rupa, maka undang-undang itu diisytiharkan sebagai bercanggah dengan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan yang dianggap sebagai tidak berperlembagaan ataupun *constitutional*.

Namun demikian, oleh sebab rakan-rakan saya daripada pembangkang yang membangkitkan isu ini, walaupun masa duduk dalam kerajaan mereka tidak bangkitkan. Saya hendak cadangkan bahawa oleh sebab sekarang ini, daripada 14 buah negeri seluruh Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua, hanya satu negeri sahaja yang telah membuat pindaan kepada Perlembagaan mereka di mana, mana-mana ADUN yang melompat, terpaksa mengosongkan kerusi mereka iaitu negeri Pulau Pinang yang diperintah oleh pembangkang.

Jadi sekiranya, di sebelah pihak pembangkang benar-benar inginkan satu akta lompat parti diwujudkan, saya hendak mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil tindakan untuk mengosongkan tiga kerusi DUN di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang melompat iaitu Dewan Undangan Negeri daripada parti PH dahulu iaitu ADUN Bertam, ADUN Teluk Bahang dan ADUN Seberang Jaya. Sekiranya pembangkang ingin negara kita mempunyai satu undang-undang anti lompat parti, saya cadangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pecat dahulu tiga orang ini, biar mereka bawa ke mahkamah, biar mahkamah menentukan sama ada kes Yang Berhormat Nordin Salleh ini boleh diubah keputusannya dan kita barulah boleh membuat undang-undang anti lompat parti.

Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]: Mahkamah rakyat nanti akan buat keputusan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Menteri pembetulan, seramai empat orang termasuk Yang Berhormat Sungai Acheh.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Seramai empat orang ya.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Termasuk Sungai Acheh.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Bukan tiga orang, empat orang.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Empat orang akan berbuat demikian pada persidangan DUN pada Oktober.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Okey. Oleh sebab itu kita menunggu Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengosongkan empat kerusi DUN ini yang saya pasti perkara ini akan dibawa ke mahkamah, biar mahkamah menentukan sama ada kes DUN Kelantan vs Nordin Salleh ini masih lagi dikekalkan ataupun diubah. Selepas itu barulah kerajaan akan mengkaji, mungkin akan membuat satu undang-undang anti lompat parti.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Minta penjelasan.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, minta celah.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Sekejap. Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya, apa pendirian Kerajaan Persekutuan sekarang? Tadi Yang Berhormat Menteri sebut tentang Perlembagaan kita, tetapi Perlembagaan itu bukan satu perkara yang kita tidak boleh ubah. Macam kita pinda umur untuk mengundi, kita mampu pada zaman Pakatan Harapan kita mampu meminda umur minimum untuk undi daripada 21 tahun kepada 18 tahun.

Jadi saya hendak tanya, apa pendirian Kerajaan PN sekarang kerana seorang salah, seorang Yang Berhormat Menteri...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Baik, saya faham...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat Menteri KKMM juga sebut bahawa...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih Yang Berhormat Kulai. Saya antara...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Beliau sokong dan cadangkan untuk kita pinda.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: ...Antara Yang Berhormat yang membangkitkan isu ini adalah Yang Berhormat Batu Sapi, bekas Yang Berhormat Menteri Undang-undang. Saya hendak beritahu semasa menjadi Yang Berhormat Menteri Undang-undang, beliau membuat satu kenyataan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk menggubal akta lompat parti. Dengan kata lain tidak hendak berubahlah. Jadi apabila duduk di sebelah sana, dia pun melompat juga dahulu, kemudian dia buat undang-undang anti lompat parti. Saya kira itu sahaja jawapan saya.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Menteri terhadap Menteri KKMM sekarang.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tidak mengapa, saya sudah jawab Yang Berhormat Kulai ya, terima kasih. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Yang Berhormat Menteri, Ledang, boleh?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Saya— ya.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Yang Berhormat Menteri, sedikit.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Sila, sila.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih. Sebenarnya saya lihat perkara ini dari segi konteks kaca mata keabsahan dan juga dari segi demokrasi. Oleh sebab itu saya juga bangkitkan dalam perbahasan saya bahawa kita mahu ini supaya tidak ada hilang kepercayaan rakyat terhadap sistem demokrasi pilihan raya. Justeru, saya hanya mencadangkan supaya ada kajian dilakukan dan tidak hanya bergantung kepada apa yang berlaku di peringkat negeri ataupun mungkin di peringkat yang lain. Akan tetapi ada satu kajian yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk melihat berkenaan dengan isu-isu yang berkait dengan lompat parti, tentang *party list* ataupun *recall election* dengan izin sebagaimana juga ada disarankan oleh pihak Bersih dan lain-lain.

Jadi kajian itu saya harap dapat diberi— dilakukan oleh pihak kerajaan tanpa menunggu kepada...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Terima kasih. Saya hendak tegaskan sekali lagi Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua bahawa mana-mana pun kerajaan sama ada Perikatan Nasional ataupun Pakatan Harapan, kita mengendalikan pemerintahan dan juga pentadbiran negara berdasarkan undang-undang, berdasarkan kepada perlembagaan. Perlembagaan jelas Perkara 10(1)(c) menyatakan *freedom of association* dengan izin, kebebasan untuk berpersatuan.

Maknanya, kita kena pinda ini dahulu menyatakan bahawa tidak boleh bebas untuk berpersatuan, barulah ia dianggap tidak bercanggah dengan Perlembagaan. Barulah kita boleh membuat satu undang-undang, siapa yang bertanding atas satu parti, kemudian apabila dia melompat ke parti lain semasa tempoh selepas pilihan raya itu, beliau gugur daripada jawatannya. Itu bercanggah dengan Perlembagaan dan tidak boleh dibuat sama sekali Yang Berhormat Ledang.

Jadi, kita cubalah cari cara lain untuk lebih adil, kita tunggu kes daripada Pulau Pinang, *insya-Allah*. Terima kasih.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Yang Berhormat Menteri, minta maaf. Saya mencelah boleh?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Saya rasa— saya kesuntukan masa. Ada 28 minit sahaja lagi, terima kasih.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Oleh sebab saya rasa, kita ada cara untuk menghalang itu daripada berlaku, melalui undang-undang juga.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya menggunakan *Standing Order 37*, saya tidak mahu diganggu. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah mengenai isu kes yang melibatkan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram iaitu kes Riza Aziz. Saya terpaksa menjawab perkara ini kerana ia menjadi satu tumpuan dalam masyarakat dan juga sering kali ditimbulkan perkara-perkara yang bercanggah dengan keadaan sebenarnya.

Yang Berhormat Puchong. Walaupun tidak ada di sini saya ingin menjawab soalan beliau. Beliau membangkitkan satu kes iaitu yang melibatkan seorang yang bernama Riza Shahriz bin Abdul Aziz ataupun Riza Aziz dituduh di Mahkamah Seksyen Kuala Lumpur pada 5 Julai 2009 dengan lima pertuduhan di bawah Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFPUAA). Riza Aziz telah dituduh melibatkan diri dengan pengubahan wang haram. Menerima hasil aktiviti haram berjumlah USD248 juta ataupun lebih kurang USD250 juta kata Yang Berhormat Puchong di antara April 2011 sehingga November 2012.

Mengikut peruntukan ini, jika didapati bersalah dan disabitkan, beliau boleh dihukum denda tidak melebihi RM5 juta, penjara tidak melebihi lima tahun dan kedua-duanya sekali. Saya hendak sebutkan ini kerana takut dibangkitkan kenapa hukuman ataupun keputusannya tidaklah begitu besar, sebagaimana wang yang terlibat.

Mengikut akta ini, dia hanya boleh dihukum denda tidak melebihi RM5 juta sahaja, ini adalah akta sebelum pindaan tahun 2014. Apabila dituduh di mahkamah, sebagaimana biasa yang disebut juga oleh Yang Berhormat Puchong adalah peranan peguam yang mewakili seseorang tertuduh membuat surat yang dipanggil surat representasi kepada pihak pendakwa raya untuk pendakwa raya di bawah Perkara 145 fasal 3 Perlembagaan, '*Pendakwa raya mempunyai kuasa untuk sama ada memulakan kes, menjalankan kes ataupun untuk memberhentikan apa-apa prosiding*'. Ini adalah kuasa mutlak ataupun kuasa budi bicara yang amat luas kepada Peguam Negara, satu orang sahaja.

Jadi, dalam kes Riza Aziz, ini jelas. Dalam kes Riza Aziz, apabila beliau dituduh pada 18 November 2019, peguam kepada Riza Aziz telah membuat satu surat

representasi kepada Jabatan Peguam Negara, memohon supaya lima pertuduhan kepadanya ditarik balik atau dikaji semula. Syarat di dalam surat representasi Riza ini, dia kata dia bersetuju untuk serahkan hak dia kepada tiga harta dia yang berada di Amerika Syarikat yang disita oleh DOJ iaitu satu banglow di Beverly Hill, California, satu pangsapuri di New York, satu rumah bandar di London United Kingdom, itu yang pertama dia *surrender his rights* kepada tiga *property* ini.

Kedua, Riza Aziz juga bersetuju supaya wang yang telah dirampas oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan disita dilucut hak RM537 ribu, LKR2.87 juta dan 2,700 pound sterling. Riza Aziz juga menyatakan beliau bersedia untuk membayar kompaun.

■1500

Kompaun ini juga merupakan satu perkara yang ada di dalam Akta AMLA ini iaitu di bawah seksyen 92 mengatakan jika sesuatu kesalahan telah dikompaun, maknanya di bawah AMLA ini, seseorang yang dituduh atau belum dituduh boleh minta dibayar kompaun. Jadi, apabila seksyen 92(4) AMLA mengatakan sesuatu kesalahan jika telah dikompaun, maka tindakan pendakwaan tidak boleh dibuat ke atas seorang itu dan kalau pendakwaan telah dibuat, maka ia telah ditarik balik. Itu 18 November 2019.

Ini penting, Tuan Yang di-Pertua. Satu hari selepas peguam Riza Aziz ini membuat representasi kepada AG, pada 19 November 2019, Peguam Negara pada masa itu iaitu Tan Sri Tommy Thomas telah meneliti surat representasi ini. Setelah dia meneliti surat ini, Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Tommy Thomas sebagai Peguam Negara telah membuat satu nota tulisan tangan dakwat berwarna merah di atas surat tersebut. Saya baca. Ini adalah copy sebenar ya. *[Sambil menunjukkan sehelai kertas]*

Surat ini ditujukan kepada seorang yang bernama Ram. Semua orang kenal. *“Ram, in the light...”*— dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua. *“Ram, in the light of the statements in paragraph 5.10, 5.14, 5.15, 5.18 and 5.19...”*— ini penting ya— *“...I am prepared to consider this representation.”* Ini Tommy Thomas. *[Tepuk]* Ya, nanti dulu. *“Paragraph 5.20 contains the terms of the proposed settlement. I await your advice.”* Ditandatangani, tt 19/11 *Attorney General with the rubber stamp here.* Ini ada di dalam surat representasi yang telah dihantar oleh peguam kepada Riza Aziz kepada Peguam Negara.

Dengan kata lain maknanya apa, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian? Ialah Peguam Negara pada asasnya telah bersetuju kes Riza Aziz ini dibenarkan dikompaun dan diselesaikan tanpa melalui pendakwaan. Itu yang penting.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: ...Apabila kita melihat perkara ini...

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: ...Maka rekod Peguam Negara menunjukkan bahawa Datuk Seri Gopal Sri Ram iaitu Pendakwa Raya Kanan yang dilantik oleh kerajaan mengendalikan kes ini telah berbincang dengan Ketua Pesuruhjaya SPRM pada masa itu, Puan Latheefa Koya, dan Gopal Sri Ram dan Latheefa Koya telah mencadangkan supaya cadangan-cadangan dalam representasi ini diterima oleh SPRM. Ini jelas.

Oleh sebab itu, pada 11 hari bulan— itu 19 November 2019. Kemudian, rentetan selepas itu, pada 11 Mac, satu lagi surat representasi dimasukkan oleh peguam kepada Riza Aziz kepada AGC pada masa itu. Beliau memberi aku janji bahawa Riza Aziz akan mematuhi segala terma dan syarat yang dikenakan oleh SPRM ke atas kelima-lima tuduhan ini.

Atas dasar itulah, selepas Kerajaan Perikatan Nasional menjadi kerajaan, sudah berlaku pertukaran AG, pertukaran Peguam Negara, oleh sebab Peguam Negara yang lalu meletakkan jawatan, maka Peguam Negara yang baharu telah diberi taklimat oleh timbalan-timbalan pendakwa raya yang mengendalikan kes ini dan mereka telah memberitahu kepada Peguam Negara yang baharu pendirian ataupun ketetapan yang telah dibuat oleh Peguam Negara yang lama.

Maka, atas dasar sebagai satu jabatan yang sama, maka Peguam Negara yang ada sekarang ini telah bersetuju untuk menerima tawaran Riza Aziz untuk beliau dikompaunkan berdasarkan seksyen 92 Akta AMLA tertakluk kepada pematuhan yang ketat kepada semua terma dan syarat. Oleh sebab itulah, pada 16 April 2020, SPRM telah beritahu kepada peguam Riza Aziz bahawa pendakwa raya bersedia untuk memohon supaya kes Riza Aziz ini diberikan perintah pelepasan tanpa pembebasan ataupun *discharge not amounting to acquittal* sebagaimana yang diketahui oleh semua pihak yang kita semua tahu. Jadi, atas dasar itulah ia berlaku. Riza Aziz telah dilepas tetapi tidak dibebaskan daripada kelima-lima tuduhan ini sementara untuk menunggu beliau memenuhi segala syarat-syarat dan juga ketetapan yang telah disebutkan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat, boleh?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Yang Berhormat Sepang hendak tanya?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Yang Berhormat Sepang tidak cakap dulu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak. Saya ada...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tidak apalah, tidak apalah. Bolehlah, bolehlah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, terima kasih. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kelantan—eh, Yang Berhormat Kelantan pula. Yang Berhormat Kota Bharu yang juga Yang Berhormat Menteri. Relaks la. Okey.

Yang Berhormat, saya hendak bertanyalah. Tadi Yang Berhormat telah bacakan catatan daripada Tommy Thomas ataupun Peguam Negara. Saya bila Yang Berhormat baca itu, bagi sayalah, tidak boleh Yang Berhormat terus buat *conclusion* bahawa dia telah bersetuju. Surat itu bagi saya *qualified* lagi. Sebab dia kata, "*I am prepared*". Itu yang saya faham ya. Kemudiannya dia kata, "*Saya menunggu your advice*" daripada Gopal Sri Ram.

Jadi, bagi sayalah, berdasarkan surat itu, Gopal Sri Ram kena bagi *advice*, selepas itu saksi kena ikut. Jadi, Yang Berhormat mengatakan dia telah setuju, bagi saya itu *is misleading*, dengan izin. Jadi, saya rasa, Yang Berhormat, *you are misleading*. *You are misleading this Parliament*.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak *misleading*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya minta diambil tindakan di bawah P.M. 36(12).

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Sri Ram telah bincang dengan Latheefa Koya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *You are misleading*. *You are misleading*.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Sri Ram telah bincang dengan Latheefa Koya untuk SPRM menerima perkara ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *You are misleading*. *You are misleading*. P.M. 36(12). Boleh diambil tindakan ini.

[Pembesar suara dimatikan]

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat boleh dikena P.M. 36(12) ini.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Berdasarkan kepada perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kes Riza Aziz ini adalah satu kes yang diputuskan oleh mahkamah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang. Yang Berhormat Sepang kah siapa pun tidak akan hendak *challenge*. Ini undang-undang yang telah diluluskan pada tahun 2001

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *No*. *You are misleading*.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Siapa Perdana Menteri pada masa itu? Yang Berhormat Langkawi pada masa itu menjadi Perdana Menteri meluluskan Akta AMLA ini.

Keduanya, Yang Berhormat Puchong dalam perbahasannya telah membangkitkan kononnya penyelesaian yang dibuat antara Riza Aziz dengan Peguam Negara ini satu perkara yang melanggar Akta Kontrak iaitu seksyen 24.

Saya hendak jelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya dan sesungguhnya penyelesaian sesuatu kes bukan sahaja kes Riza Aziz, sesuatu kes yang melibatkan kesalahan di bawah AMLA tidak boleh terjumlah kepada satu perkara yang dipanggil sebagai satu kontrak khususnya yang disebut oleh Yang Berhormat Puchong di bawah seksyen 24 Akta Kontrak. Ini bukan kontrak. Ini adalah perundingan di mana di dalam Kanun Tatacara Jenayah (CPC), Yang Berhormat Sepang, ada satu seksyen yang jelas iaitu seksyen 172C yang mengatakan bahawa...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh bagi ruang? Sudah sebut nama saya tadi.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Seksyen 172C ini ada perundingan sebelum perbicaraan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *You are mentioning my name.* Boleh bagi ruang?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *Plea bargaining.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat, baca betul-betullah seksyen 24 itu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *Plea bargaining* ada di dalam undang-undang yang terletak dalam undang-undang ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kenapa *illustrations* seksyen 24(d) sebut yang Yang Berhormat Puchong kata? Yang Berhormat baca tidak betul ini seksyen ini. Yang Berhormat kena baca betul.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tidak apa, Yang Berhormat. Datang sini baru boleh betul.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat terkenal dengan banyak buat kenyataan undang-undang yang bercanggah ini.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Jadi, oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, penyelesaian dalam kes Riza Aziz dengan Peguam Negara adalah satu penyelesaian berdasarkan kepada undang-undang yang ada. Ia bukan satu kontrak sebagaimana di bawah Akta Kontrak dan ia satu perkara yang selaras dengan seksyen 172 Kanun

Tatacara Jenayah yang benarkan konsep tawar-menawar iaitu *plea bargaining*. Akan tetapi, jika sesuatu rundingan tertakluk kepada seksyen 24, ia tidak sahlah kepada perkara ini. Ini adalah suatu perkara yang tidak tertakluk kepada ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat, kalau bukan kontrak, kenapa ilustrasinya macam yang seperti Yang Berhormat Puchong kata? Yang Berhormat *misleading* lagi ini.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Saya hendak sebut satu kes. Oleh sebab Yang Berhormat Sepang melenting sangat sebut Riza Aziz ini, ada satu lagi kes.

■1510

Kes yang melibatkan seorang peniaga yang bernama Tan Sri Lim Soon Peng, SP Lim. Tan Sri Lim Soon Peng ini telah terlibat dalam pengubahan wang haram daripada 1MDB sebanyak RM4 juta. Akan tetapi, apabila dia dihadapkan oleh SPRM dengan tuduhan ini, beliau telah meminta peguamnya juga untuk membuat satu *letter of representation* kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM pada 20 Oktober 2018 semasa pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan. Ia dihantar kepada Dato' Sri Mohamad Shukri bin Abdull iaitu Ketua Pesuruhjaya SPRM pada masa itu.

Apa yang berlaku Ahli-ahli Yang Berhormat? Surat daripada peguam ini telah diminta untuk diminitkan, untuk ditulis minit. Ini lagi berat, ditulis minit oleh siapa? Oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketujuh pada masa itu, yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ketujuh telah menyatakan dalam surat representasi—Yang Berhormat, saya percaya surat representasi Yang Berhormat Sepang dalam *client* dia pun tidak ada orang minit. Ini ada minit. Minit dia berbunyi, “*Saya berpendapat penyelewengan wang...*”

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Menyampuk]* Bagi saya ruang pula...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *...oleh mantan Perdana Menteri tidak boleh disalahkan Tan Sri Lim*”, ini minit dia ini. “*Oleh itu, pembekuan akaun peribadinya atau syarikatnya tidak boleh dikekalkan*”, signed on 5 Disember 2018, Perdana Menteri Malaysia. Cap Perdana Menteri Malaysia...

[Dewan riuh]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Menyampuk]* Yang Berhormat Kota Bharu, alang-alang cakap AMLA, cakap bahawa Yang Berhormat Pekan didapati bersalah dalam kes AMLA. Cakap lah juga. Kena adillah.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Saya tidak bagi laluan. Kemudiannya, apa-apa berlaku kepada surat ini juga. Apa berlaku kepada surat ini Tuan Yang di-Pertua? Surat

daripada peguam kepada Tan Sri Lim Soon Peng yang dialamatkan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah yang diminitkan oleh Perdana Menteri, diminitkan sekali lagi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada masa itu. *[Tepuk]*

Minitnya berbunyi begini, “*Yang Berhormat AG, please lift the freeze on account as requested by Yang Amat Berhormat PM— attached*”.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II [Tuan Willie anak Mongin]: Ini campur tangan politik, jangan campur tangan politik. Dahsyat!

Dato’ Takiyuddin bin Hassan: YB AG saya *repeat*, “...*please lift the freeze on account...*”

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Soalan siapa ini? Soalan Yang Berhormat yang mana tanya soalan ini?

Dato’ Takiyuddin bin Hassan: ...*as requested by YAB PM*’. Bertarikh 19 Februari 2009. Ini adalah satu minit yang telah dibuat di atas surat daripada seorang peguam kepada seorang yang dituduh melakukan perkara ini.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada perkara ataupun minit di atas surat representasi kepada Peguam Negara, maka Peguam Negara– Peguam Negara ini telah membalas surat. Peguam Negara tulis surat kepada siapa? Bukan kepada peguam yang membuat *rep. letter*, kepada Yang Berhormat Lim Guan Eng, *Minister of Finance*. Apa tanggungjawab Peguam Negara terhadap Menteri Kewangan? Apa dia kata di sini? “*YB Minister, I refer to YB Senator*” – maknanya *Minister of Finance* menulis surat kepada AG, “*I refer to YB Senator, dated 31 May 2019 pertaining to the release of monies in bank account belonging to Tan Sri Lim Soon Peng – referred.*”

Kemudian seterusnya, saya hendak baca yang relevan sahaja – yang ini dia beritahu secara ini – “*It is further noted that Tan Sri Lim, had on 26 October 2018 agreed to return a sum of RM330,000 been the sum equivalent to illicit profits received from the former Prime Minister Najib Razak in relation to SRC scandal. This was pursuant to an agreement reached between MACC and Tan Sri Lim which must be respected. The said sum RM330,000 has been paid to MACC. Accordingly, I have instructed MACC to lift all the freezing orders on Tan Sri Lim bank account. MACC hopefully take the necessary stated as soon as possible.*”

Arahan daripada Peguam Negara kepada MACC supaya tarik balik...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kota Bharu boleh?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sudahlah Yang Berhormat Sepang, duduk sahajalah Yang Berhormat Sepang.

[Dewan riuh]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dua minit boleh?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: ...ambil duit RM4 juta bayar balik RM330,000.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kota Bharu tahu tidak...

[Dewan riuh]

Dato' Takiyuddin bin Hassan: ...apa sahaja kaitan dengan MACC...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Sepang, duduklah.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Duduk sahajalah Yang Berhormat Sepang, jangan memekak.

Dato' Takiyuddin bin Hassan ...Riza Aziz membayar...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Tidak jelas]*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: *[Menyampuk]* ...pakai kertas sahaja. Siapa pun boleh tulis.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: ...65 peratus dibayar balik...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, ini tolong sikit. Dalam kertas siasatan SPRM...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: ...dalam kes Riza Aziz, apa lagi...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...ia akan menjejaskan nanti peluang untuk YB Pekan dalam kes mahkamah...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: ...*Documents speak louder than...*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jangan main-main, bahaya ini. Kena saman baru tahu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Dokumen ini bercakap lebih kuat daripada semua orang termasuklah Yang Berhormat Sepang sendiri. *Documents speak louder than words.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Come on* lah. *Your actions are louder* – tengok dengan khianat...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Eh! Yang Berhormat Sepang, malulah Yang Berhormat Sepang. Timbalan Yang Berhormat Menteri adalah Yang Berhormat Sepang, malulah Yang Berhormat Sepang.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri, minta sedikit Yang Berhormat Menteri.

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat...
[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kerajaan hendak menjelaskan di Dewan yang mulia ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada lapan minit lagi. Lapan minit lebih. Kalau Yang Berhormat tidak hendak menjawab secara lisan, Yang Berhormat boleh menjawab secara bertulis kepada soalan-soalan yang lain.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri, Kangar minta sedikit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Jadi, saya hendak simpulkan dalam kes Riza Aziz Tuan Yang di-Pertua, bahawa apa yang dibuat oleh mahkamah adalah berdasarkan undang-undang tanpa campur tangan daripada kerajaan sama ada *Prime Minister* ataupun Yang Berhormat Menteri Kewangan sebagaimana pada zaman sebelum daripada itu.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri, Kangar minta sedikit. Boleh?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar minta sedikit.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tidak apa, saya sudah selesai tajuk ini Yang Berhormat Kangar. Minta maaf.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sedikit sahaja.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut satu lagi...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tak berani lah itu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: ...sebut lagi kes yang menjadi buah mulut dan juga menjadi persoalan dalam kalangan masyarakat kita. Ini termasuklah Yang Berhormat Sepang. Selepas ini Yang Berhormat Sepang boleh bertanya ya. Yang Berhormat Sepang mengatakan kenapa bekas Ketua Menteri Sabah dilepaskan? Sebenarnya bukan lepas tetapi dilepaskan dan dibebaskan. Kes ditarik balik, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Musa Aman mantan Ketua Menteri Sabah telah didakwa melakukan kesalahan di bawah dua akta iaitu satu, Akta Rasuah 1997 dan di bawah Akta AMLA 2001. Apabila ada aduan berhubung dengan bahawa beliau melakukan kesalahan ini, pihak SPRM telah mula membuka kertas siasatan mengikut Akta Pencegahan Rasuah 1997 pada tahun 2009, bulan Mei. Kes di bawah AMLA 2001 telah dibuka kertas siasatan pada bulan November tahun yang sama, 2009.

Oleh sebab kerajaan pada masa itu menganggap kes ini merupakan kes yang besar dan melibatkan kewangan yang besar dan juga melibatkan institusi perbankan di luar negara, maka kerajaan pada masa itu telah menubuhkan suatu *joint-operation* untuk siasatan yang dijalankan bersama oleh SPRM Malaysia dan juga satu badan yang dinamakan *Independent Commission Against Corruption* (ICAC) iaitu sama dengan SPRM Hong Kong.

Pada tahun 2010, setelah hasil siasatan diteliti oleh Jabatan Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara telah menemui satu kesimpulan bahawa wang yang dibekukan di Hong Kong iaitu sebanyak USD47.6 juta yang dikaitkan dengan Tan Sri Musa Aman sebenarnya pada pandangan AG pada masa itu, Tan Sri Abdul Gani Patail adalah satu dana politik ataupun *political fund* milik UMNO Sabah. Itu dapatan daripada Peguam Negara pada masa itu, bukan kerajaan.

■1520

Oleh sebab itu, pada tahun 2010 itu juga, Peguam Negara telah berhubung dengan ICAC di Hong Kong iaitu SPRM Hong Kong bertanyakan apakah dapatan ataupun *finding* ICAC terhadap siasatan duit yang disimpan di beberapa bank Hong Kong. Pada 14 Oktober 2011, ini tarikhnya, ICAC Hong Kong mengesahkan dengan SPRM Malaysia bahawa mereka dapati tidak ada kes di dalam kes Tan Sri Musa Aman, ICAC memutuskan untuk melepaskan pembekuan akaun Tan Sri Musa Aman di Hong Kong.

Pada 12 Julai 2012, Tan Sri Gani Patail selaku Peguam Negara telah berbincang dengan Peguam Cara Negara pada masa itu yang bernama Dato' Sri Tun Majid dan bersetuju mengklasifikasikan kes ini sebagai kes *no further action* (NFA). Tidak ada apa-apa tindakan yang diambil. Habis pada tahun 2012.

Tiba-tiba, pada bulan Jun 2018 apabila Pakatan Harapan menjadi kerajaan, mungkin atas desakan politik dan sebagainya, SPRM telah diarahkan untuk membuka semula kertas siasatan ini untuk siasatan lanjut. Akhirnya atas arahan juga, pada 5 November 2018 Tan Sri Musa Aman telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dengan 35 tuduhan rasuah melibatkan wang berjumlah USD63.3 juta dan ia disimpan di

lapan bank dan institusi kewangan di Hong Kong, China dan Singapura. Itu bulan November 2018.

Pada bulan Mac 2019, sebanyak 16 lagi tuduhan tambahan di bawah Akta AMLA telah dikenakan kepada tertuduh ini, menjadikan kesemuanya 51 kes, 16 di bawah rasuah, 35 di bawah AMLA menjadi 51 kes tetapi pada 8 Oktober tahun 2019 pihak pendakwa raya di bawah Tan Sri Tommy Thomas telah mengarahkan supaya lima daripada 35 kes rasuah ditarik balik. Ini zaman pemerintahan PH. *Charged* 35 kes, akhirnya pada bulan Oktober ditarik balik sebanyak lima tuduhan meninggalkan 46 iaitu 30 campur 16.

Pada 13 Februari 2020, pihak pembelaan telah memasukkan permohonan untuk membatalkan semua tuduhan, *to set aside and quash the charges* dengan izin, atas alasan kes ini tidak ada asas atau *groundless*. Ini ada dalam undang-undang.

Pada 13 Mei 2020, satu *rep* lagi dimasukkan oleh Tan Sri Musa Aman kepada AGC supaya kes terhadapnya ditarik balik. Di sinilah bermula pada 5 Jun 2020, Tan Sri Gani Patail mantan AG pada masa itu, antara tahun 2002 sehingga 2012 telah memasukkan satu afidavit di dalam mahkamah sebagai menyokong permohonan representasi daripada Tan Sri Musa Aman berdasarkan kepada alasan yang dinyatakan oleh Musa Aman adalah benar dan ia mempunyai asas. Maka Tan Sri Gani Patail telah membuat satu afidavit yang secara *conclusionnya* menyatakan bahawa siasatan dalam kes ini menunjukkan tidak ada salah laku rasuah oleh tertuduh dan ia adalah selaras juga dengan keputusan yang dibuat oleh ICAC.

Selepas daripada itu, Peguam Negara yang ada pada masa itu Tan Sri Gani Patail menyatakan dalam afidavitnya, beliau bukan membuat keputusan secara berseorangan sebaliknya beliau telah membuat perbincangan dengan beberapa pegawai-pegawai tinggi yang berkenaan. Antaranya Dato' Sri Tun Abd Majid bin Dato' Haji Tun Hamzah, Ketua Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara, Tan Sri Abu Kassim Mohamed, mantan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Mustafar Ali, mantan Ketua Siasatan SPRM. Kesemua mereka telah membuat kesimpulan tidak ada salah laku rasuah dan pengubahan wang haram oleh Tan Sri Musa Aman.

Oleh sebab itulah, beliau memasukan afidavit ini untuk menyatakan atau menegakkan suatu keadilan yang sepatutnya ditegakkan oleh yang seorang profesional di dalam perundangan. Maka, atas dasar itulah...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Belum. Maka, atas dasar itulah AG yang ada pada hari ini, setelah juga berbincang dengan panel penilai kepada SPRM telah

membuat satu kesimpulan bahawa kes Tan Sri Musa Aman ini adalah satu kes yang tidak boleh *sustain*, tidak boleh menang jika sekiranya diteruskan perbicaraan di mahkamah. Inilah bagi saya satu konsep keadilan yang ditegakkan oleh Perikatan Nasional yang ada pada hari ini termasuklah oleh Peguam Negara yang ada pada hari ini.

Walaupun ia merupakan satu kes yang sepatutnya diteruskan tetapi oleh kerana kes ini tidak kuat, penyiasatan menunjukkan ia tidak berasas atau *groundless*, saksi-saksi utama telah meninggal dunia, saksi-saksi juga mengalami masalah kesihatan yang serius dan segala rekod-rekod yang sepatutnya boleh dijadikan dokumen rujukan di Hong Kong sudah tidak ada kerana perundangan Hong Kong selepas tiga tahun, segala perkara-perkara dokumen yang ada perlu dihapuskan.

Semua jawapan yang lain saya akan buat secara bertulis. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, tadi dia minta saya – boleh ya? *[Disampuk]* Come on lah, Yang Berhormat Kota Bharu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Menteri sudah tak nak.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak patutlah, tadi saya hendak tanya sebab jawapan dia ini *misleading*. Saya kena bagi penjelasan juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak apalah Yang Berhormat, minum teh tarik sekejap lagi.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Sepang buang masa. Bagi Menteri lain.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, ini pembohong banyak ini masalahnya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Sepang, pembohong besar.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tarik balik perkataan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ini *floor* Menteri Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, saya tarik balik pembohong. Saya hendak bagi tahu Yang Berhormat Kota Bharu, sepatutnya bagilah peluang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Okey, sudah. Yang Berhormat...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Duduklah Yang Berhormat Sepang. Cukup, cukup.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bagilah peluang, barulah ada debat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekarang ini saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Takut ini sebab itu tidak berani. Bagi panjang-panjang, selepas itu tidak bagi kita bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa ini? Ini kah *style* Kerajaan Perikatan Nasional? Penakut ini, kerajaan penakut ini. Kerajaan yang tidak mahu berhadapan dengan rakyat. *[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Sepang jadi Timbalan Menteri cap ayam, tidak tahu langsung apa berlaku dalam undang-undang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Come on* lah. Kalau hendak, kita berdebatlah. Jomlah. Tak apa dua orang... *[Pembesar suara dimatikan]*

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kita berdebat dalam TV dua orang, boleh? Berani tak... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Sepang. Bekas mufti ini. Silakan Yang Berhormat.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sudahlah Yang Berhormat Sepang, *lawyer* tidak standard, Timbalan Menteri lagi... *[Perkataan kurang jelas]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jomlah. Kalau berani, kita lawanlah. *[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Minta maaf, Yang Berhormat Menteri. Silakan.

3.28 ptg

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca sepotong doa dan berselawat]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan penggulungan saya dengan firman Allah SWT dalam Surah Al-Ahzab. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “*Sesungguhnya kami telah kemukakan tanggungjawab amanah kami kepada langit dan bumi serta gunung-gunung untuk memikulnya, maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya dan pada ketika itu manusia dengan persediaan yang ada padanya sanggup memikulnya. Ingatlah sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakannya.*

■1530

Berdasarkan firman Allah SWT ini, saya amat sedar dan insaf bahawa berada di portfolio hal ehwal agama adalah suatu yang amat berat untuk dipikul. Namun, atas dasar tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada saya, dengan dibantu oleh Timbalan saya, Yang Berhormat Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary, kami akan berusaha sehabis baik sambil memohon hidayah dan taufik Allah SWT agar sentiasa diberi petunjuk oleh Nya.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih, terutamanya kepada 15 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pelbagai isu yang berkaitan dengan hal ehwal Islam di bawah kementerian saya semasa perbahasan Titah Diraja yang lalu. Bagi saya, ini merupakan isyarat bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat, sama ada kerajaan mahupun pembangkang amat prihatin terhadap perkembangan hal ehwal Islam di negara kita.

Rasulullah SAW pernah menyebut dalam sabdanya, *[Membaca sepotong hadis]*, riwayat al-Tabarani. “*Sesiapa yang tidak mengambil kecaknaan dan keprihatinan terhadap urusan umat Islam, maka ia bukan daripada golongan mereka*”. Bagi memudahkan penggulungan, saya akan memberikan penjelasan ke atas isu-isu yang disoal, dicadangkan dan dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada secara umum atau khusus, secara langsung atau tidak langsung berdasarkan enam isu utama.

Pertamanya, peranan zakat, wakaf dan baitulmal. Suka dinyatakan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Kuantan dan Yang Berhormat Tampin telah membangkitkan persoalan berkenaan sejauh mana badan-badan zakat di negara ini dapat diselaraskan bagi membanteras kemiskinan dalam kalangan umat Islam di negara ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Butiran 1, Senarai II iaitu Senarai Negeri, dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, hal ehwal agama Islam, termasuklah urusan zakat adalah di bawah bidang kuasa negeri.

Sehubungan itu, pengurusan zakat sama ada kutipan mahupun agihannya adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan agensi Persekutuan. Sebaliknya, dikendalikan sepenuhnya oleh kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing.

Di Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) merupakan agensi yang bertanggungjawab menguruskan zakat. Dalam mengagihkan zakat pula, agenda mengeluarkan penerima zakat daripada kemiskinan adalah menjadi tumpuan utama kita. Hasrat kita untuk mengubah asnaf daripada seorang penerima zakat kepada pembayar zakat, dengan slogan - *[Memetik ungkapan dalam bahasa Arab]* Maknanya, “*Daripada sifat yang berhak terima zakat, kepada pemberi zakat*”.

Justeru, dalam merealisasikan agenda ini, kerajaan melalui MAIWP telah merangka pelbagai inisiatif. Antaranya...

Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan, Yang Berhormat Menteri?

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Boleh, boleh.

Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, isu zakat ini memang menarik perhatian ramai masyarakat dan pemimpin sebab masing-masing negeri dengan strategi dan caranya tersendiri. Zakat ini kebiasaannya diagih-agihkan kepada asnaf dan berbagainya apabila mungkin bulan Ramadan dan bulan-bulan tertentu. Sedangkan masyarakat rakyat miskin ini, mereka sentiasa mengharapkan bantuan daripada pihak zakat.

Jadi, apakah kementerian Yang Berhormat Menteri sendiri mempunyai satu hala tuju perancangan yang lebih holistik iaitu mungkin wang zakat ini dijadikan sebagai satu badan yang benar-benar komprehensif dan kompetitif yang membantu selain daripada kerajaan, ia membantu masyarakat tumpuan untuk mempertingkatkan sara hidup mereka dan mereka tidaklah miskin berterusan? Mereka akan ada mungkin cara untuk dimartabatkan maruah mereka. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Jawapan itu saya akan baca dan sudah ada dalam jawapan saya sekarang. Pertama, dengan menjalin kerjasama strategik dengan SME Corp menerusi Program Tunas Usahawan Baitulmal atau *Asnafpreneur*. Menerusi program ini, mereka akan diwajibkan untuk mengikuti kursus dan latihan perniagaan dan keusahawanan, termasuk strategi pemasaran produk yang lebih berkesan seiring perkembangan ekonomi digital.

Setelah mengikuti kursus dan latihan, mereka akan diberikan bantuan modal serta bantuan geran maksimum sebanyak RM15,000 setiap seorang secara

berperingkat mengikut prestasi perniagaan masing-masing. Program ini melibatkan peruntukan keseluruhan daripada MAIWP sebanyak RM2.2 juta. Bagi fasa pertama yang bermula pada tahun 2019, seramai 85 usahawan baitulmal di Wilayah Persekutuan telah mengikut program ini, termasuk dua orang usahawan orang kelainan upaya (OKU). Program ini akan diteruskan lagi pada tahun ini.

Tambahan yang kedua, program yang dilaksanakan adalah Program Pembiayaan Mikro iTEKAD. Dengan kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad, program ini bagi membantu usahawan-usahawan dari kalangan B40 dengan penyediaan dana *micro financing* maksima sebanyak RM50,000 bagi setiap usahawan melalui Bank Islam. Seterusnya, agihan bantuan berbentuk modal dan peralatan melalui dana wakalah MAIWP berjumlah RM300,000.

Seramai 64 orang usahawan baitulmal MAIWP telah layak menyertai latihan keusahawanan bagi Siri 1 bermula 29 Jun 2020 yang lalu. Program ini merupakan satu inisiatif kerajaan dalam mewujudkan, dengan izin, *social finance* di kalangan masyarakat melalui pemerkaasan asnaf. Ia juga berkaitan dengan apa yang diselia oleh Bank Negara yang kami telah bincangkan dengan panjang lebar pada minggu lepas.

Selain itu, MAIWP juga telah mewujudkan Skim Bantuan Latihan Kemahiran Industri. Menerusi skim bantuan ini, MAIWP bekerjasama dengan institusi-institusi kemahiran yang menawarkan latihan kemahiran kepada anak-anak asnaf, seterusnya menjamin peluang pekerjaan setelah tamat pengajian.

Pusat Pungutan Zakat MAIWP (PPZ-MAIWP) juga telah memperkenalkan Projek Bangkit Khaira PPZ-MAIWP dengan memberi sumbangan tambahan kepada peniaga kecil yang terjejas pendapatan agar bangkit semula dalam meneruskan perniagaan mereka yang terkesan ekoran Perintah Kawalan Pergerakan dan COVID-19. Dana bagi program ini adalah dari wang wakalah perniagaan zakat, perniagaan syarikat pembayar zakat.

Antara yang sedang dijalankan di bawah Program Bangkit Khaira adalah bersama Ramly Food Processing Sdn. Bhd. untuk 10 peniaga burger dalam tempoh dua bulan. Pelaksanaan program zakat untuk menaik taraf hidup asnaf adalah berbeza bagi setiap negeri mengikut dasar dan pertimbangan pihak berkuasa agama Islam negeri masing-masing. Buat masa ini, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bertindak sebagai penyelaras dan pemudah cara kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan agensi mengurus zakat dalam isu-isu berkaitan zakat di peringkat Persekutuan.

Saya juga berterima kasih...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah?

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Ya.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya beberapa perkara. Pertama, tadi berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri. Kategori penerima zakat, bertukar kepada kategori pembayar zakat. Ini merupakan satu istilah yang memang kita pada zaman Kerajaan Pakatan Harapan meletakkan KPI supaya kita ukur keberkesanan program-program. Ya, kita dengar program-program yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak tanya berkenaan dengan program kerjasama dengan SME Corp iaitu Program *Asnafpreneur*, di mana sebanyak RM2.2 juta telah dibelanjakan dan seramai 85 usahawan terlibat dalam program tersebut. Saya bahas di dalam perbahasan saya berkenaan dengan relung pemikiran sempit orang-orang yang miskin, di mana mereka susah mengatasi masalah di hadapan mereka kerana pemikiran mereka ini, ia punya *band* pemikiran mereka itu tidak mampu untuk mengatasi masalah yang mereka hadapi.

Saya ingin tahu, berapa peratus daripada 85 usahawan yang mengikut Program *Asnafpreneur* ini, berjaya kita keluarkan daripada kategori penerima zakat, kepada pembayar zakat? Itu soalan yang pertama.

■1540

Kedua, berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa hal ehwal zakat itu ialah di bawah pentadbiran negeri. Memang betul, cuma saya hendak bertanya, apakah peranan JAWHAR dan apakah peranan kementerian di bawah Yang Berhormat Menteri untuk menyelaraskan SOP sebab kita tahu bahawa kita mempunyai SOP yang berbeza-beza, negeri berbeza-beza.

Jadi, yang bermasalah ialah orang miskin. Saya bagi contoh, ada negeri orang miskin di hujung minggu tak dapat bantuan, putus bekalan makanan, anak putus susu tapi tak dapat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, soalnya.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Ya, tapi tak dapat hendak memohon bantuan kerana mereka tidak bekerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Soalan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Apa peranan Yang Berhormat Menteri, JAWHAR dan sebagainya untuk selaraskan SOP ini di negeri-negeri? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat Senator.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Okey terima kasih banyak. Berkenaan dengan peratus sebenarnya ia sedang berjalan, program ini sedang berjalan. Berkenaan dengan isu jumlah ataupun cara menyelaraskan SOP berbeza-beza, kita mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa melalui Exco Agama Negeri, Pengarah-pengarah Agama Islam Negeri dan juga Majlis Agama Islam Negeri dan *insya-Allah* hal ini diselaraskan. Pihak zakat sendiri sentiasa mengadakan perbincangan atau simposium tahunan dari semasa ke semasa untuk menyelaraskan beberapa isu yang lain.

Untuk jawapan berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuantan ini, saya juga akan sebut di sini iaitu dalam kita memperkasakan—ini saya masuk yang seterusnya lah. Berhubung gesaan Yang Berhormat Kuantan agar kerajaan memperkasakan sistem wakaf, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sejak RMKe-9 sehingga kini telah melaksanakan 18 projek. Maklumat boleh didapati selepas ini, berskala besar berimpak tinggi hartanah wakaf dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang memberi impak kepada peningkatan ekonomi orang Islam. Pelaksanaan projek-projek tersebut dikategorikan kepada lima kategori iaitu:

- (i) kebajikan;
- (ii) kesihatan;
- (iii) ekonomi;
- (iv) perumahan; dan
- (v) pendidikan.

Pelaksanaan program memperkasakan wakaf *insya-Allah* akan diteruskan dalam RMKe-12.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Dalam konteks wakaf pendidikan, Yayasan Wakaf Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah bersetuju dengan penubuhan Tabung Wakaf Pendidikan. Tujuannya adalah untuk mewujudkan dana wakaf pendidikan yang boleh digunakan untuk membantu kerajaan membiayai sebahagian daripada kos pendidikan negara.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Ini merangkumi membangun dan menambah baik kemudahan dan fasiliti pendidikan, membiayai operasi premis pendidikan serta membiayai keperluan pelajar. Kini kedua-dua pihak dalam proses memuktamadkan dokumen memorandum persefahaman dan garis panduan Tabung Wakaf Pendidikan. Inisiatif ini dijangka akan siap pada akhir tahun ini.

Selain itu, Yayasan Wakaf Malaysia juga telah mengadakan perbincangan bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk penubuhan Tabung Wakaf Kesihatan Negara, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) untuk bekerjasama dalam pembangunan sektor alam sekitar dan air termasuk inisiatif mewujudkan wakaf air serta beberapa GLC atau GLIC untuk meneroka peluang kerjasama pelaksanaan wakaf dalam sektor korporat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri. Boleh minta sedikit? Yang Berhormat Menteri sudah masuk wakaf, jadi sebenarnya saya ada soalan tentang zakat. Terlebih dahulu saya hendak ucapkan tahniah kerana semasa Yang Berhormat Menteri menjadi Mufti di Wilayah Persekutuan, setakat berita terakhir yang kita baca pada Disember kutipan zakat meningkat lebih kurang dalam tiga peratus. Jadi, itu mungkin juga satu petunjuk bahawa dalam ekonomi pada masa itu cukup baik walaupun pentadbiran lama.

Soalan saya sebenarnya ialah tentang salah satu kategori penerima zakat iaitu golongan yang berhutang. Ini yang jarang disebut, jadi saya nampak tidak ada struktur khas sama ada di peringkat negeri atau di peringkat Persekutuan tentang ciri-ciri orang yang layak. Soalan ini saya tanya kerana bila kita kira ramai orang miskin, kita tahu ramai orang yang akhirnya *resort to* pinjam *to* along dan sebagainya kerana dia tidak ada ciri-ciri khas untuk kelayakan bagi mereka meminjam. Jadi, saya meminta sedikit ulasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Dalam isu ini, yang pertama sekali kita tidak nafikan dalam *Al-Quran ul Karim* ada menyebut khas yang disebut sebagai *al-gharimin*. Akan tetapi kebanyakan – kalau saya bercakap dalam konteks di Wilayah Persekutuan, Majlis Fatwa atau Perundangan Hukum Syarak melihat tentang kategori berkenaan dengan orang yang berhutang dibahagikan kepada beberapa jenis.

Satu yang kita titik beratkan, orang yang berhutang kerana hendak hidup. Dalam erti kata lain bab makan, bab sakit, bab kesihatan maka ini yang diutamakan. Adapun jika sekiranya keberhutangan bab yang lain, maka kita melihat teramat banyak isu-isu

ini yang boleh untuk diberi satu cara, garis panduan untuk penyelesaian melalui AKPK dan seumpamanya.

Yang kedua, suka juga saya nyatakan bahawa walaupun begitu *al-gharimin* juga digerakkan. Contohnya apabila berlaku banjir ataupun bah besar di Kelantan pada beberapa tahun dahulu. Maka kita di Wilayah Persekutuan telah mengeluarkan satu jumlah duit yang besar untuk membantu mereka dan kita kategorikan dalam asnaf *al-gharimin* atau mereka yang berhutang. Ini selaras dengan fatwa yang dikemukakan oleh peringkat antarabangsa.

Jadi, kita juga telah laksanakan isu seperti ini tetapi dalam bentuk terpilih supaya kita boleh agihkan seramai mungkin *insya-Allah*.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sedikit soalan tambahan, boleh ya?

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ada tambahan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tentang golongan berhutang ini, saya pernah terlibat membantu semasa saya berkhidmat di Selangor dahulu. Kebanyakan mereka yang berhutang dengan misalnya along ini ialah kerana mereka tidak layak untuk berhutang dengan institusi-institusi perbankan yang ada sebab ada yang kerja sendiri, tidak ada dokumen dan sebagainya.

Soalan saya ialah *possible*— sama ada mungkin boleh kita lakukan yang mana peruntukan dalam konteks zakat kepada golongan *al-gharimin* ini kita boleh buat dalam satu bentuk institusi supaya kita boleh memberi pinjaman tanpa faedah kepada golongan-golongan yang sebegini. Ini saya tak tahulah mungkin jangka masa panjang—saya cuma hendak lontarkan cadangan.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, boleh Parit Buntar menyambung soalan daripada Yang Berhormat Kangar?

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Okey, silakan.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kita tahu JAWHAR berperanan untuk menyelaraskan semua isu-isu zakat di peringkat negeri di mana kuasa zakat dan wakaf berada di kuasa negeri. Itu jelas dia punya premis.

Soalan saya ialah dalam konteks perundangan, kita pernah berusaha untuk mewujudkan Akta Wakaf dan kemudian kita ada satu perancangan untuk memastikan negeri-negeri melalui enakmen negeri akan membawa juga— sesetengah negeri tidak ada enakmen wakaf sehingga kita dapat memastikan polisi dan perundangan wakaf itu berlaku secara kita kata ada undang-undang dan penguatkuasaan.

Soalan saya ialah sejauh mana usaha melalui JAWHAR termasuklah zakat— ada saya difahamkan maklumat daripada negeri— ada satu negeri yang kita tidak ada maklumat hingga hari ini dari segi kutipannya dan caranya bagaimana sebab ini penting. Kalau kita hendak bercakap tentang ketelusan, maka zakat dan wakaf itu asas dan terasnya ialah kepercayaan. Kalau tidak ada ketelusan dalam konteks undang-undang, saya rasa ini mungkin akan mencacatkan usaha-usaha baik yang telah kita buat. Saya doakan semoga disambung oleh kerajaan pada hari ini.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Okey, terima kasih...

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Sedikit Yang Berhormat Menteri, Alor Setar.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Banyak pula ini, saya tak sempat hendak baca apa-apa dah lah. *[Ketawa]* Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Senator.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Saya sambung sedikit dari...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Senator, kalau Yang Berhormat tak nak jawab, tidak apa. *This is* lantai Yang Berhormat ya. Jawapan bertulis pun boleh. Jadi Yang Berhormat jangan rasa terdesak ya Yang Berhormat Senator.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Ini boleh jawab dalam tulisan. Cuma ada sedikit isu tentang zakat ini. Kita sedia maklum, zakat ini di bawah negeri. Akan tetapi oleh sebab negeri ini ada kuasa untuk letakkan di bawah konsep ta'awun, peratus yang dikembalikan kepada pembayar zakat ini – untuk rakyat kepada asnaf yang dia boleh *decide* sendiri. Maka wujudnya setiap negeri pembayar balik itu berbeza.

Contohnya di Wilayah Persekutuan 30 peratus, di Perlis 50 peratus. Maka akhirnya ada pembayar zakat yang lebih cenderung kepada untuk membayar zakat di negeri lain. Saya rasa akan mungkin jadi masalah dari segi persaingan antara negeri ini— adakah pihak kementerian ada rancangan untuk cuba selaraskan supaya duit zakat tersebut tidak dikumpulkan kepada mana-mana negeri hanya kerana di sana dia dapat pulangan yang lebih daripada negeri lain.

■1550

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Okey, saya faham. Berkenaan dengan isu ini, ia bergantung pada negeri masing-masing, nak beri berapa peratus. Kalau di Wilayah, kita akan masukkan dalam Majlis Fatwa yang dipanggil sebagai perundingan hukum syarak. Selepas diluluskan, barulah diberi 50 kah, 20 peratus, 25 peratus sebagai wakalah. Ini yang biasanya. JAWHAR telah terbitkan manual

pengurusan agihan zakat yang mana bentuk-bentuk serta skim bantuan dan agihan yang boleh dilaksanakan di setiap negeri telah diselaraskan dan dibincangkan bersama pihak MAINS dan juga ahli zakat negeri. Buat masa ini, manual sedang dikemas kini dan diteliti bentuk-bentuk bantuan yang lebih bersifat semasa bagi memenuhi keperluan asnaf.

Berkenaan dengan Akta Wakaf, *insya-Allah* akan dibentangkan pada Disember 2020 ini, *insya-Allah*. Soalan yang terakhir yang awal-awal tadi berkenaan zakat, saya syorkan dan saya seru kepada semua mereka agar bayarlah zakat supaya bila banyak harta zakat, boleh kita bagi pada golongan *gharimin* atau yang berhutang mengikut apa yang telah disyarat-syaratkan, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Kuantan juga membangkitkan berkenaan idea— berhubung dengan pembangunan hospital wakaf seperti yang turut disentuh oleh Yang Berhormat Kuantan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah meneliti sewajarnya pelaksanaan hospital berkonsepkan wakaf demi mencapai kesejahteraan hidup golongan asnaf dan B40. kerajaan melalui MAIWP akan melaksanakan hospital berkonsepkan wakaf bermula dengan pelaksanaan di Hospital PUSRAWI. Pelaksanaan hospital wakaf dibahagikan kepada dua fasa seperti berikut:

- (i) jangka pendek dilancarkan pada tahun 2020. Hospital PUSRAWI sebagai *pilot project*, dan
- (ii) dimulakan dengan mewakafkan komponen kecil seperti peralatan kesihatan, kenderaan ambulans, tenaga kepakaran, katil serta perkhidmatan. Fasa kedua yakni jangka panjang dilaksanakan dalam tempoh lima tahun. Fokus kepada wakaf berskala besar seperti wakaf bangunan serta perancangan untuk membuka cawangan Hospital PUSRAWI berkonsepkan wakaf di lokasi-lokasi strategik.

Berkaitan persoalan Yang Berhormat Kuantan berkenaan usaha-usaha kerajaan dalam meneruskan penggubalan dan pembentangan Rang Undang-undang Wakaf, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, RUU Wakaf pada ketika ini berada dalam proses akhir penggubalan. Seiring dengan perkembangan semasa dalam industri wakaf sama ada di Malaysia atau di luar negara khususnya di negara-negara Islam, kerajaan sedang meneliti dan menambah baik RUU Wakaf yang sedang digubal agar RUU ini berupaya mendepani perkembangan demi perkembangan yang sedang dan dijangka akan terus rancak berlaku dalam industri wakaf.

Dengan penambahbaikan tersebut, saya yakin ia berupaya menjadi satu daya tarikan kepada negeri-negeri untuk menjadikannya sebagai undang-undang model yang boleh dijadikan sebagai panduan dan ikutan oleh negeri-negeri dalam menggubal undang-undang wakaf yang seragam di seluruh negara. Saya ingin tegaskan dan memberi jaminan bahawa usaha-usaha yang baik yang telah dilaksanakan sebelum ini akan diteruskan demi manfaat dan kebaikan bersama khususnya penggubalan RUU Wakaf yang sudah pasti akan memberikan impak yang sangat signifikan dalam pembangunan wakaf.

Wakaf yang ditadbir urus dengan baik berlandaskan lunas undang-undang yang mantap akan memberi manfaat bukan sahaja kepada masyarakat Muslim, bahkan tempias manfaatnya akan turut dirasakan oleh masyarakat bukan Islam. Justeru, tidak ada sebab bagi kerajaan hari ini untuk tidak meneruskan penggubalan dan pembentangan RUU Wakaf ini. Saya beri jaminan bahawa ia akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini setelah selesai diteliti semula dan ditambah baik. Justeru, saya menyeru dan amat berharap agar usaha murni untuk melengkapkan penggubalan RUU Wakaf ini dapat direalisasikan dan mendapat sokongan padu daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat apabila ia dibentangkan kelak. *Jazakumullahu khairan jaza.*

Seterusnya, pemeraksanaan undang-undang dan Mahkamah Syariah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sik telah mencadangkan agar Wilayah Persekutuan mengikuti langkah Mahkamah Syariah Negeri Perak menubuhkan Mahkamah Syariah Utama. Untuk makluman Yang Berhormat, usaha-usaha untuk mempertingkatkan hierarki Mahkamah Syariah telah pun dimulakan semenjak tahun 2009 lagi apabila Jemaah Menteri pada 23 Disember 2009 telah bersetuju dengan Memorandum Jemaah Menteri bagi mewujudkan Mahkamah Rayuan Khas Syariah di negeri-negeri.

Pelaksanaan bagi cadangan ini adalah tertakluk kepada hasil rumusan perbincangan antara Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dengan Jabatan Peguam Negara (JPN), begitu juga Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Usaha-usaha ini masih lagi diteruskan terutamanya bagi mendapatkan pandangan dan persetujuan daripada pihak berkuasa negeri-negeri kerana Mahkamah Syariah adalah terletak di bawah bidang kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong serta Duli Yang Maha Mulia Sultan, Raja dan Yang di-Pertuan Besar setiap negeri berdasarkan Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Di peringkat Wilayah Persekutuan, kerajaan telah bersetuju untuk mempertingkatkan hierarki Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan bagi menambah

peluang kepada pihak-pihak untuk menyemak dan merayu kes-kes yang telah diputuskan di peringkat Mahkamah Rayuan Syariah seperti di Perak. Walau bagaimanapun, cadangan ini perlu mengambil kira unjuran kewangan kerajaan dan dasar-dasar perjawatan perkhidmatan awam yang sedia ada kerana ia melibatkan pewujudan pertambahan perjawatan yang sudah tentunya melibatkan kos kewangan.

Bagi tujuan tersebut juga, semakan dan pindaan undang-undang sedia ada perlu dibuat seperti Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] serta akta-akta lain yang berkaitan atau dengan mewujudkan suatu Akta Mahkamah Syariah yang baharu dan tersendiri seperti Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018.

Berkenaan cadangan Yang Berhormat Sik...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri, ada sedikit...

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: ...Supaya pelantikan Hakim Mahkamah Syariah dibuat sama seperti Hakim Mahkamah Sivil, kerajaan bersedia untuk meneliti perkara ini. Seiring dengan cadangan meningkatkan hierarki Mahkamah Syariah seperti yang disebutkan sebentar tadi. Namun, ia juga bergantung kepada rundingan dan persetujuan pihak berkuasa melantik Hakim-hakim Mahkamah Syariah iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Duli Yang Maha Mulia Sultan, Raja dan Yang di-Pertuan Besar setiap negeri.

Selain itu, Yang Berhormat Parit telah membangkitkan syor agar Mahkamah Syariah menerima pakai pentadbiran dan prosedur yang sama dengan Mahkamah Sivil...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri, sedikit penjelasan daripada Sik.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: ...Undang-undang prosedur dan keterangan Mahkamah Syariah adalah tidak jauh beza dengan apa yang dipakai oleh Mahkamah Sivil.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri, ada sedikit penjelasan. Minta penjelasan daripada Sik. Belakang Yang Berhormat Menteri, tak nampak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Belakang Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Okey.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkaitan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri untuk melihat kedudukan Mahkamah Syariah dipertingkatkan dari segi hierarki dan juga pelantikan hakim itu di satu sudut dilihat pelantikan hakim syariah hari ini dalam kongkongan sebagai penjawat awam sahaja. Jadi adakah Yang Berhormat Menteri melihat bahawa penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Hakim Syarie itu adalah satu keperluan untuk kita mengukuhkan kedudukan Mahkamah Syariah? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Saya setuju dengan apa yang dinyatakan tadi. Dalam perbahasan usul juga Yang Berhormat Sik ada mempersoalkan berkenaan isu ketiadaan undang-undang kawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam di kalangan orang Islam di peringkat Wilayah Persekutuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat kerajaan pada hari ini untuk menggubal dan membentangkan undang-undang bagi mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang-orang yang menganuti agama Islam selaras dengan Perkara 11, fasal (4) Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, draf Undang-undang Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) telah selesai digubal di peringkat Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil atau dikenali sebagai Jawatankuasa Teknikal. Draf RUU ini digubal bagi pemakaian di Wilayah-wilayah Persekutuan memandangkan Wilayah-wilayah Persekutuan adalah antara empat buah negeri yang masih belum mempunyai undang-undang seumpama ini.

■1600

Kerajaan melalui Jawatankuasa Teknikal akan meneliti dan memantapkan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam draf rang undang-undang ini agar undang-undang yang terhasil kelak berupaya menjadi satu undang-undang yang mantap, komprehensif dan bersifat menyantuni semua pihak. Ini adalah penting kerana undang-undang ini kelak bakal mempunyai bidang kuasa terhadap orang-orang Islam dan bukan Islam yang melakukan kesalahan di bawahnya. Aspek pelaksanaan undang-undang ini juga perlu dilihat semula dan diberi keutamaan kerana undang-undang yang baik adalah undang-undang yang dapat dilaksanakan setelah dikuatkuasakan.

Kita tidak mahu undang-undang yang bakal digubah ini hanya gah di atas kertas tetapi sukar dan tak praktikal untuk dilaksanakan. Bagi tujuan tersebut, pihak-pihak seperti Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan pihak-pihak lain yang berkenaan perlu dirunding dari semasa ke semasa untuk mendapatkan pandangan, maklum balas dan kerjasama mereka khususnya dari aspek pelaksanaan undang-undang ini kelak.

Kerajaan amat optimis sekiranya rundingan-rundingan tersebut dilaksanakan akta yang bakal lahir dari rundingan ini akan menjadi lebih komprehensif, sistematik dan menyeluruh serta mencapai objektif yang dikehendaki. Selain daripada penggubalan undang-undang kawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam, penyeragaman undang-undang kawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam di negeri-negeri seluruh Malaysia juga merupakan antara agenda utama kerajaan. Ianya akan dilaksanakan selepas kerajaan berunding dengan pihak berkuasa agama negeri-negeri untuk mendapatkan pandangan dan buah fikiran mereka.

Setelah segala proses dan tertib penggubalan dan penyeragaman undang-undang tersebut selesai dilaksanakan, kerajaan akan membentangkan rang undang-undang tersebut di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu ada membangkitkan persoalan berkenaan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau Akta 355 di Parlimen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan amat memahami dan menghargai keprihatinan Ahli-ahli Dewan serta seluruh rakyat Malaysia dalam memperkasa dan menaik taraf institusi Mahkamah Syariah yang menjadi nadi kepada sistem perundangan Islam di negara kita.

Kerajaan akan terus mengkaji dan turut memberi keutamaan terhadap cadangan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan). Sungguhpun demikian sebelum ianya dibentangkan di Dewan yang mulia ini, beberapa proses penting perlu diteliti dan dilaksanakan terlebih dahulu agar ia dapat digubal dan dibentangkan mengikut tertib dan teratur berdasarkan kerangka Perlembagaan Persekutuan. Bagi meminda akta ini, ianya perlu dibincangkan di dalam Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil. Jawatankuasa ini ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) bagi menilai dan menyeragamkan segala pindaan dan penggubalan undang-undang melibatkan hal ehwal Islam.

Oleh itu, kerajaan perlu memberi ruang dan masa yang wajar dan munasabah kepada Jawatankuasa Teknikal untuk meneliti cadangan pindaan menggubal dan seterusnya berunding dengan negeri-negeri. Selepas itu adalah amat wajar dan teratur sekiranya cadangan untuk meminda akta ini dirunding dengan negeri-negeri terlebih dahulu agar ianya kelak menjadi suatu undang-undang yang mantap, komprehensif dan mewakili aspirasi semua negeri di Malaysia.

Pihak-pihak berkuasa negeri seperti Majlis Agama Islam Negeri, Mahkamah Syariah Negeri, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri, Pejabat Mufti Negeri dan Pejabat Penasihat Undang-undang, Pejabat Peguam Besar Negeri perlu dirunding dan disantuni terlebih dahulu dalam proses penggubalan akta ini.

Ini kerana, pihak-pihak inilah yang akan terkesan secara langsung dengan penggubalan akta tersebut.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Boleh pencilahan Yang Berhormat Menteri?

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Silakan.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Kulim-Bandar Baharu. Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya ucapkan terima kasih, saya juga bersyukur saya dapat mendengar bagaimana hikmahnya jawapan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan idea melaksanakan Rang Undang-undang 355 iaitu realistik, berpijak di bumi nyata dengan mengambil kira halangan dan kekangan, proses rundingan dengan semua *stakeholders*.

Saya tidak ada khilaf sama sekali dari sudut menerima. Masalah berlaku apabila kalau ada kalangan yang merasakan bahawa aku sahaja yang betul, kamu sanggah, kamu terkeluar akidah, ini masalah. Jadi, bila saya dengar, saya ucap terima kasih banyak. Memang itu saya hargai sangat. Cuma Yang Berhormat Menteri, agak-agak itu bila boleh buat? Tadi sudah sebutlah mekaniknya, prosesnya, perundingan. Alangkah cantiknya kalau perancangan itu diikat oleh satu tempoh masa. Saya hendak bagi tahu orang Kulim ini, bila? Satu.

Kedua, oleh kerana masa pun tinggal lapan minit. Adakah Yang Berhormat akan jawab juga isu Tabung Haji, akan menyentuh isu Tabung Haji? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Apa yang ditanya ini saya jawab depan ini sikit sudah ada dalam ini. *[Ketawa]* Okey, pindaan ini juga perlu dibentangkan kepada MKI yang dianggotai oleh anggota-anggota yang mewakili sebahagian besar negeri-negeri di Malaysia. Jadi, proses yang macam

ini saya akan sebut sikit. Cuma sebelum saya terlupa yang Tabung Haji itu saya akan jawablah, bila Speaker kata berhenti, saya akan jawab *insya-Allah*.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tinggal tujuh minit lagi Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Sempat, sempat, *insya-Allah*. Ini adalah penting bagi mendapatkan pandangan dan kelulusan MKI memandangkan pindaan ini akan memberi kesan secara langsung kepada Mahkamah Syariah yang terletak di bawah bidang kuasa negeri. Pindaan ini juga perlu disembah maklum kepada Majlis Raja-Raja bagi mendapatkan pandangan dan perkenan Majlis Raja-Raja.

Hal ini kerana segala hal ehwal berkaitan dengan agama Islam termasuklah Mahkamah Syariah dan undang-undang kesalahan jenayah syariah adalah di bawah bidang kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau Duli Yang Maha Mulia Sultan, Raja dan Yang di-Pertuan Besar Negeri yang merupakan ketua agama di negeri-negeri jajahan takluk baginda.

Serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi negeri-negeri yang tidak beraja untuk mendapatkan pandangan dan perkenan baginda-baginda. Sebaik sahaja semua proses dan tertib tersebut selesai, dilaksanakan mengikut lunas undang-undang dan Perlembagaan barulah pindaan tersebut boleh dibentangkan di Dewan yang mulia ini apabila tiba masa yang sesuai. Saya berharap *insya-Allah* ia akan direalisasikan sebelum daripada saya mati, *insya-Allah*. [Tepuk]

Berkenaan dengan gesaan Yang Berhormat Pulai, supaya Akta Penyalahgunaan Agama dirangka bagi mengekang mana-mana agamawan menggunakan ayat Al-Quran dan hadis dengan sewenang-wenangnya perlu saya tekankan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa umat Islam di negara ini sememangnya digalakkan untuk merujuk kepada ayat Al-Quran dan hadis selagi mana penggunaannya tidak bercanggah dengan hukum syarak dan selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan undang-undang sedia ada sudah memadai bagi mengekang masalah ini.

Seksyen 8 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1997 memperuntukkan mana-mana orang yang dengan kata-katanya atau perbuatannya mempersendakan menghina, mencemuh atau menyebabkan dipandang hina ayat-ayat Al-Quran atau hadis adalah melakukan suatu kesalahan. Apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga

tahun atau kedua-duanya. Peruntukan undang-undang yang seumpama ini juga diperuntukkan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di negeri-negeri yang lain.

Oleh yang demikian, mana-mana orang Islam yang menggunakan ayat Al-Quran sewenang-wenangnya bertentangan dengan hukum syarak boleh dikenakan tindakan undang-undang seperti yang dinyatakan. Selain itu, orang-orang Islam yang ingin mengajar di Wilayah-wilayah Persekutuan, sama ada melalui ceramah, kuliah, tazkirah dan sebagainya perlu mendapatkan tauliah atau kebenaran mengajar daripada Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama yang dikelolakan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan terlebih dahulu.

Subseksyen 96(3) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1963 memperuntukkan bahawa jawatankuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk memberikan tauliah bagi maksud mengajar mengenai apa-apa aspek agama Islam dan untuk menarik balik tauliah demikian.

Proses pentauliahan mengajar tersebut bertujuan untuk menilai penguasaan, ilmu pengetahuan dan sahsiah bakal pengajar. Ia juga untuk memantau ajaran agama Islam yang disampaikan supaya tidak berlaku penyalahgunaan agama dan penyalahgunaan ayat-ayat al-Quran dan hadis dengan sewenang-wenangnya tanpa berpandukan hukum syarak, undang-undang serta fatwa yang diwartakan.

Sekiranya terbukti berlaku penyalahgunaan ayat al-Quran dan hadis dalam pengajaran, maka tauliah yang diberikan akan ditarik balik oleh pihak berkuasa agama.

■1610

Ketiga, pendidikan tahfiz dan pengajian agama bagi Orang Asli. Tuan Yang di-Pertua, dalam isu pendidikan Islam bagi melahirkan generasi umat Islam yang hebat, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Pontian atas keprihatinan beliau yang mencadangkan supaya kerajaan memantapkan Dasar Tahfiz Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara yang diperkenalkan oleh kerajaan sejak tahun 2017 masih diteruskan sehingga kini. Pelaksanaannya sentiasa dilaporkan dalam MKI dan Persidangan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) dari semasa ke semasa.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya celah sikit? Satu, masa tinggal dua minit sahaja ini. Tabung Haji belum ada jawapan.

Kedua, fasal Majlis Tahfiz Negara, Dasar Pendidikan Tahfiz itu sudah jelas dah, kita sudah setuju. Cuma, pada masa kita dulu, pada masa kami dulu, kami cuba tingkatkan kepada Majlis Tahfiz dan saya rasa masa itu Menteri juga ada di dalam *Post*

Cabinet kita. Jadi, itu isunya sekarang tahap mana sudah sampai Majlis Tahfiz? Dasar Pendidikan Tahfiz kita sudah tahu. Sekarang ini satu *level* lagi iaitu Majlis itu, apa akan jadi?

Kedua, masa tinggal dua minit sahaja, Yang Berhormat Menteri, untuk kami hendak bertanya fasal Tabung Haji.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri, Pontian yang menimbulkan mengenai tahfiz ini. Saya juga ada mencadangkan supaya diwujudkan Universiti al-Quran. Pernah dicadangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Kita ada Darul Quran, JAKIM di Kuala Kubu Bharu misalnya. Kita juga ada cadangan untuk mewujudkan 125,000 hufaz dan hufaz yang profesional. Dia bukan hanya menghafaz al-Quran tetapi boleh menjadi *engineer*, arkitek, peguam dan lain-lain yang profesional tetapi mereka adalah hafiz. Oleh itu, apa pandangan Yang Berhormat Menteri terhadap cadangan Universiti al-Quran?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, kita mohon Menteri diberi masa lebih untuk menjawab Tabung Haji. Saya ada menimbulkan tujuh lapan perkara tentang Tabung Haji. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Menteri, teruskan memberi jawapan.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Okey, terima kasih. Saya baca dululah jawapan yang ada ini. Saya ringkaskan, depan lagi sikit.

Bagi perkembangan terkini pelaksanaan Dasar Tahfiz Negara, pihak JAKIM bersama Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara kini dalam proses pemurnian draf kaedah sekolah agama Islam Wilayah Persekutuan. Kaedah ini akan dijadikan model kepada negeri-negeri, selain daripada pihak berkuasa agama negeri sedang menyediakan garis panduan penubuhan dan pendaftaran institusi tahfiz berpandukan model garis panduan penubuhan dan pendaftaran institusi tahfiz yang telah dikeluarkan oleh JAKIM.

Melalui pembentangan Belanjawan 2020, kerajaan telah memperuntukkan RM50 juta kepada institusi tahfiz seperti yang telah dijelaskan dalam jawapan sebelum ini. Kerajaan akan memastikan bahawa peruntukan institusi tahfiz akan terus diutamakan dalam Belanjawan 2021. Kerajaan tidak akan sekali-kali mengabaikan

institusi tahfiz yang menjadi harapan dalam melahirkan generasi al-Quran yang akan menjadi pelapis serta peneraju negara di masa hadapan. Dalam hasrat mewujudkan institusi tahfiz negara, kerajaan sedang giat membangunkan prosedur pengendalian standard (SOP) bagi menggerakkan fungsi Majlis Tahfiz Negara.

Berkenaan dengan Darul Quran di bawah JAKIM yang merupakan sebuah institusi pendidikan tinggi tahfiz yang ditubuhkan sejak tahun 1966 dan sentiasa diperkasakan dengan program-program baharu di peringkat sijil, diploma dan ijazah dari semasa ke semasa supaya kelak dapat dinaiktarafkan sebagai sebuah universiti, *insya-Allah*, akan diusahakan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tidak sempat sangat untuk saya ulas—sebenarnya di depan saya ini ada dua tiga isu lagi untuk saya jelaskan.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Hari Jawi, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Antaranya termasuk masalah dakwah...

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: ...Tabung Haji adalah antara isu besar yang dibahas oleh hampir...

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Ya, ya saya akan jawab, *insya-Allah*.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: ...Semua pihak.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Okey. Dari segi dakwah dan menangani masalah sosial, begitu juga isu berkenaan dengan JAWI termasuklah Tabung Haji. Untuk Tabung Haji ini, panjang jawapannya. Saya 'kulasahkan' dengan jawapan begini.

Pertama sekali, kita amat memahami bagaimana pandangan-pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semuanya. Kami kumpul dan kami tengok. Bukan sekadar bercakap, bukan sekadar berbahas, bukan sekadar berhujah bahkan termasuk juga bertekak dengan begitu semangat sekali.

Oleh sebab itu, saya nyatakan begini. Bahawa isu Tabung Haji adalah isu yang amat-amat penting untuk kita lihat dan kita fahami dengan sebaik-baiknya. Saya mulakan, saya kata semua Ahli Yang Berhormat dalam ini suka kepada Tabung Haji. Sokong kepada Tabung Haji, suka tengok Tabung Haji untuk naik ke depan dan cuba untuk meleraikan semua permasalahan berkenaan dengan Tabung Haji. Jadi, kita

katakan bahawa – saya hendak ucap terima kasih semua sekali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana bahas betul-betul bab Tabung Haji dan kami akan cuba tengok dengan sebaik-baiknya.

Justeru, kami katakan kerajaan amat memahami bahawa dalam meneliti dan menilai segala transaksi yang dilakukan oleh Tabung Haji, perlunya kepada suatu badan yang bebas dan berautoriti. *[Tepuk]* Justeru, kerajaan akan mempertimbangkan dan memperhalusi cadangan ini. Mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa terdekat akan membincangkan sedalam-dalamnya berkenaan isu Tabung Haji termasuk cadangan serta kewajaran penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI). *[Tepuk]*

Ingin saya tegaskan bahawa segala yang...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Alhamdulillah.*

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: ...Dilakukan oleh kerajaan adalah...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: ...Dengan niat suci untuk mencari titik penyelesaian yang boleh diterima semua pihak serta paling penting untuk memastikan segala urusan tadbir Tabung Haji menepati kepentingannya sebagai institusi milik umat Islam di negara ini.

Sebagai Menteri yang dipertanggungjawabkan menjaga institusi Tabung Haji, saya menegaskan bahawa kerajaan akan meneliti. Sekali lagi saya katakan, kerajaan akan meneliti dan menilai segala transaksi yang dibuat oleh Tabung Haji, baik yang sebelum ini mahupun yang akan datang.

Fokus kerajaan adalah untuk memastikan segala operasi pelaburan Tabung Haji dijalankan dengan penuh integriti, beramanah dan selari dengan matlamat serta hasrat ia ditubuhkan. Pada masa ini, keutamaan kita adalah untuk memastikan Tabung Haji bergerak mengikut landasan dan matlamatnya, *insya-Allah*.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Jadi...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Mohon. Kulim-Bandar Baharu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Menteri, Baling, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ada soalan yang bukan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Parit Buntar dah banyak kali dah. Bagi Baling pula.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Pohon.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, ini sesi Menteri menjawab. Kalau Menteri hendakkan lebih masa, maklum kepada...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri yang...

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Oleh sebab saya tidak ada masa...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Saya mohon. Kulim-Bandar Baharu.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: ...Saya hendak minta maaf banyak-banyak.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Eh! Tidak boleh begitu, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Kita sembang di luar sana nanti, *insya-Allah*.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, Menteri...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Pohon, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ada banyak isu yang memerlukan jawapan secara rasmi oleh Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh*.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Kita tidak semesti bertanya tentang... [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat, Menteri pun telah memberi *wassalam* menamatkan...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Menteri takut hendak jawablah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Jawapan beliau...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Apalah Menteri ini. Jawab dalam TV sahaja berani.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tahniah, politik tinggi Menteri dah. [Ketawa]

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Demi umat, Menteri kena jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya jemput Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Mukah untuk memberi jawapan-jawapan di atas perbahasan. Dipersilakan Timbalan Menteri. Masa 45 minit.

4.18 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) [Dato Hajah Hanifah Hajar Taib]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja dan menyentuh isu-isu di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri khususnya perkara-perkara mengenai hal ehwal Sabah dan Sarawak.

Antara perkara-perkara yang telah dibangkitkan adalah mengenai status semasa pelaksanaan keputusan yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 yang dilaksanakan di bawah kerajaan terdahulu di samping lain-lain isu berkaitan perkara tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah pemerintahan Kerajaan Perikatan Nasional, satu bahagian khas telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dikenali sebagai Bahagian Hal Ehwal Sabah Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (BHES). Bahagian ini telah diberikan mandat untuk memantau dan mengambil tindakan susulan berhubung isu-isu di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

■1620

Ini termasuklah mengenai pelaksanaan segala keputusan yang telah dicapai sebelum ini oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKKKMA63) yang telah ditubuhkan terdahulu.

Penubuhan BHESS adalah selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 15 Januari 2020 yang antara lain telah memutuskan; perkara pertama, bersetuju supaya Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 dibubarkan. Perkara kedua, Jemaah Menteri turut bersetuju supaya sebuah Majlis Khas diwujudkan bagi memantau pelaksanaan kepada keputusan-keputusan yang telah dicapai dan menyelesaikan perkara-perkara yang belum dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut.

Perkara ketiga, Majlis Khas tersebut akan diurusetikan oleh Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri. Dalam hal ini, beberapa jawatankuasa kerja dijangka akan ditubuhkan bergantung kepada keperluan untuk memastikan pelaksanaan terhadap isu-isu di bawah MA63 yang telah dipersetujui, dilaksanakan dengan jayanya. Ahli Yang Berhormat Baram, Ahli Yang Berhormat Batu Sapi dan Ahli Yang Berhormat Putatan telah membangkitkan mengenai status pelaksanaan kepada 17 perkara yang telah dicapai oleh JKKKMA63 serta status kepada empat perkara yang belum selesai sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya daripada 17 perkara yang telah diputuskan oleh JKKKMA63, terdapat tiga perkara dianggap selesai sepenuhnya dan tidak memerlukan tindakan susulan iaitu tuntutan duti eksport balak dan hasil hutan di negeri Sabah, pentadbiran Pulau Sipadan dan Ligitan di negeri Sabah dan isu pertanian dan perhutanan juga di negeri Sabah.

Manakala, baki 14 perkara lagi yang telah mencapai keputusan, merupakan perkara-perkara yang memerlukan tindakan lanjut dan berterusan untuk dilaksanakan oleh kementerian, agensi berkaitan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Secara umumnya, agensi-agensi yang bertanggungjawab dijangka akan melaksanakan keputusan-keputusan tersebut berdasarkan beberapa fasa yang akan mengambil masa kira-kira satu hingga tiga tahun untuk dilaksanakan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan pelaksanaan keputusan-keputusan terdahulu berjalan dengan lancar, satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh saya telah diadakan pada 23 Julai 2020 bersama-sama dengan semua agensi Persekutuan bagi membincangkan status semasa pelaksanaan serta hala tuju selanjutnya berhubung dengan pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963.

Dalam hal ini, beberapa jawatankuasa kerja akan ditubuhkan untuk memastikan pelaksanaan terhadap isu-isu di bawah MA63 yang telah dipersetujui, dilaksanakan dengan jayanya. Status pelaksanaan tersebut pula akan dilaporkan kepada Majlis Khas MA63 yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: *[Bangun]* Memerlukan pencerahan.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Seterusnya, berhubung dengan empat perkara yang masih belum selesai...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada pencelahan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bandar Kuching nak minta penjelasan atau habiskan yang empat perkara tersebut, lepas itu saya minta.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Habiskan dulu.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Seterusnya, berhubung dengan empat perkara yang masih belum selesai iaitu royalti minyak dan bayaran tunai petroleum, itu yang pertama. Kedua, mineral minyak dan medan minyak. Ketiga, Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750] dan terakhir adalah Akta Pelantar Benua 1966 [Akta 83]. Perbincangan mengenai perkara-perkara tersebut akan diteruskan di dalam Majlis Khas yang akan ditubuhkan dalam sedikit masa lagi.

Kerajaan mengambil maklum berhubung cadangan Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching yang mencadangkan supaya laporan ini dibahaskan di Parlimen, namun berpandangan tiada keperluan untuk berbuat sedemikian. Selain itu, kerajaan masih mengekalkan pendirian bahawa tiada keperluan untuk laporan akhir ini didedahkan kepada umum memandangkan isu kandungan dan perbincangan yang direkodkan adalah bersifat teknikal dan melibatkan perkara-perkara yang sensitif.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih. Oh! Video dah *diadjust*. Tadi saya terlalu tinggi. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dan juga jawapan yang diberikan pagi tadi. Saya sangat kesal kerana jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan bahawa Kerajaan Perikatan Nasional sekarang pertama; tidak bercadang untuk mendedahkan laporan akhir Jawatankuasa Khas MA63 bukan sahaja kepada orang umum, tetapi Parlimen ini.

Ini kerana, kita semua Ahli Parlimen ada hak untuk membahaskan isu yang sangat penting ini. Saya anak jati orang Sarawak. Yang Berhormat Betong anak jati orang Sarawak. Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Libaran anak jati orang Sabah. Ini semua ada kesan kepada kami semua. Kami Ahli-ahli Parlimen, kami dipilih oleh rakyat untuk bukan sahaja membawa suara mereka, tetapi untuk memastikan hak mereka dijaga.

Kenapa perbincangan harus cuma diadakan di peringkat eksekutif, jawatankuasa kerja sahaja? Kita haruslah tubuhkan jawatankuasa Parlimen. Jawatankuasa Parlimen ada kedua-dua pihak, pihak kerajaan, pihak pembangkang juga. Kita semua Ahli Parlimen, kita semua anak Sabah dan Sarawak, anak Malaysia, kita ada hak untuk membawa suara orang yang memilih kita.

Oleh itu, saya menyeru— ini sangat-sangat penting. Tubuhkan semula Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk MA63 untuk memantau implementasi MA63 ini. Ini sesuatu yang diperjuangkan bukan sahaja oleh Pakatan Harapan, tetapi oleh orang yang duduk di sana dahulu. Saya masih ingat masa perbahasan Artikel 12 Perlembagaan Persekutuan, semua memperjuangkan untuk ada Jawatankuasa Khas ini. Akan tetapi, bila masuk kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bandar Kuching, ringkaskan soalan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: ...Semua bertukar. Kenapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Jadi soalan saya, jika benar-benar percaya tentang hak kita, jangan kita mengulangi kesilapan 1974, 1976 di mana hak kita diserahkan tanpa konsultasi dengan rakyat Sabah dan Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Terima kasih. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Cadangan Yang Berhormat baik, tetapi itu adalah keputusan Majlis Khas di atas. Sebenarnya...

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Sebenarnya ia adalah satu keputusan yang mantan Perdana Menteri, Yang Berhormat Langkawi yang telah menentukan sebelumnya. *[Tepuk]* Kita mengikut...

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Yang Berhormat Menteri, kerajaan mewakili...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Apa buktinya? Bawah PH, kita masih nak buat Jawatankuasa Khas Parlimen. Ini satu keputusan dari Perikatan Nasional. Jangan salahkan kita.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang bukan Yang Berhormat Langkawi lagi.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Jika salah, jika keputusan Yang Berhormat Langkawi salah, perbetulkan.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Ya.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Orang Sarawak juga. Kita memperjuangkan bersama-sama.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Memang, kita akan memperjuangkan bersama-sama. Akan tetapi, pada waktu itu, ia bukan adalah keputusan saya. Kita boleh cuba memujuk mereka yang berhak.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, *you want to give the floor to Yang Berhormat Kota Kinabalu?*

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Kota Kinabalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Sikit sahaja. Ya, sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Boleh?

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Untuk isu yang royalti inikan, isu royalti minyak ini, saya rasa di sini saya mendapat satu maklumat bahawa satu jawatankuasa yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Kanan Kerja Raya dan Yang Berhormat Menteri Kewangan bersama Kerajaan Negeri Sarawak dan Petronas untuk berunding penyelesaian komersial termasuk isu SST dan tuntutan sejumlah 20 peratus royalti.

So, soalan saya, di manakah jawatankuasa bersama yang untuk negeri Sabah? Ini kerana, negeri Sabah ini kita tidak harus dianaktirikan dalam rundingan ini. Ini yang pertama. Kedua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah iaitu Ahli Parlimen Semporna pun mengatakan kesemua syarikat minyak lain sudah bayar untuk

cukai jualan produk petroleum untuk negeri Sabah. Cuma, Petronas yang belum bayar. So, minta satu penjelasan untuk macam mana menyelesaikan masalah ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Mohd Rashid Hasnon: Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Soalan tambahan, tambahan. Sedikit sahaja, untuk Sarawak. Bukan sahaja laporan Jawatankuasa Khas MA63 yang kita nak tahu, tetapi rundingan Kerajaan Negeri Sarawak dengan Petronas tentang pembayaran SST ini iaitu tentang jumlah yang dipersetujui, kita nak lebih penglibatan dalam *downstream activity* semua. Saya rasa semua perkara ini harus didedahkan kepada kami semua. Ini hak kami, harus ada ketelusan dan akauntabiliti. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

■1630

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Memang ia adalah hak MP untuk membahas di dalam Parlimen ini. Kalau kita dapat mencadangkan, *insya-Allah* kita dapat laksanakan, saya mengikut arahan. Okey, kalau dari segi Petronas, ia adalah masih dalam perbincangan antara Yang Berhormat Menteri Kanan, Dato' Sri Haji Fadillah bersama Yang Berhormat Menteri Kewangan, YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz serta Kerajaan Negeri Sarawak.

Bagi waktu sekarang, mereka menumpukan perhatian pada Sarawak kerana mereka telah melaksanakan permulaannya tetapi belum lagi bertemu dengan pihak Sabah untuk berbincang lagi. Kami mengalu-alukan dari segi perbincangan yang akan berlaku, *insya-Allah* dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya, Pontian. Saya juga ingin terlibat dalam perbincangan Sarawak-Sabah ini kerana isteri saya orang Kuching.

Seorang Ahli: Isteri ke berapa?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Isteri pertama, isteri kedua belum ada. [Ketawa] Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pada tujuh hari yang lepas, penarikan rayuan oleh Petroleum Nasional terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuching menunjukkan syarikat minyak negara itu

bersetuju membayar cukai jualan, cukai SST bagi produk petroleum kepada Sarawak. Ini disahkan oleh Menteri Muda Undang-undang, Sharifah Hasidah binti Sayeed Aman Ghazali dan ia adalah satu perkara yang amat dialu-alukan. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu berapa kuantum ataupun jumlah SST yang akan dibayar oleh Petronas kepada negeri Sarawak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Mohon maaf, yang itu harus saya memberikan jawapan secara bertulis jika saya mendapatkan maklumat itu. Akan tetapi waktu sekarang saya tidak mempunyai...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Data.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Jawapan untuk itu.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Okey. Yang Berhormat...

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Boleh saya...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Berkaitan, berkaitan dengan SST dan perjanjian dengan negeri Sarawak. Saya hendak bertanya, apakah pendirian kementerian sebab kementerian tentang hal ehwal Sabah dan Sarawak, tentang persetujuan yang dengan Kerajaan Negeri Sarawak, adakah mereka mengiktiraf undang-undang *Petroleum Development Act 1974*. Apakah pendirian Kerajaan Perikatan Nasional?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Untuk waktu sekarang, minta maaf. Saya juga perlu memberikan balasan bertulis kerana saya tiada maklumat itu waktu sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Boleh saya mula, sambung balik? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila sambung.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Walau bagaimanapun kerajaan telah mengambil awal dengan penubuhan satu jawatankuasa bersama di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bagi membincangkan mengenai penyelesaian komersial berhubungan dengan minyak dan gas.

Jawatankuasa ini adalah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kanan Kerja Raya bersama dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan diurusetikan oleh Kementerian Kewangan. Perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sarawak masih lagi

berlangsung manakala perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sabah mengenai perkara yang sama dijangka akan menyusul kemudian seperti yang telah dikatakan.

Berhubung dengan cadangan pindaan kepada Perkara 1, fasal (2) Perlembagaan Persekutuan. Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Igan, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, perkara ini masih belum diputuskan oleh Jemaah Menteri setakat ini. Ini kerana masih terdapat beberapa perkara yang memerlukan penelitian terutama sekali implikasi daripada sudut perundangan sebelum sebarang keputusan mengenainya boleh dibuat.

Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri akan menyelaraskan perkara ini bersama-sama dengan Jabatan Peguam Negara dan Bahagian Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan perkara ini diambil tindakan dengan sewajarnya.

Menyentuh mengenai isu yang bercanggahan kepada kenyataan di antara Yang Berhormat Menteri di Jabatan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak dan kenyataan saya di dalam Dewan yang mulia ini seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Putatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pernyataan dibuat oleh Yang Berhormat Menteri pada 13 Mac 2020 yang menyasarkan untuk membawa semula perkara berhubung cadangan pindaan Perkara 1, fasal (2) Perlembagaan Persekutuan dalam tempoh 6 bulan. Namun pengumuman tersebut dibuat sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan oleh kerajaan pada 18 Mac 2020. Ini telah mengganggu perancangan yang diniatkan oleh Yang Berhormat Menteri terdahulu.

Selain itu, kerajaan juga berpandangan sebarang keputusan mengenai perkara-perkara ini perlu dikendalikan dengan teliti dan tidak tergesa-gesa. Ini penting bagi memastikan cadangan pindaan yang bakal dibawa kelak akan mendapat sokongan semua pihak terutama sekali Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Pohon laluan, pohon. Yang Berhormat Putatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, sila.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Okey, ada dua. Satu tentang isu *sales tax*, tentang minyak dan gas seperti mana yang sudah dinyatakan tadi. Untuk pengetahuan, kerajaan Sarawak difahamkan sudah dibayar RM2 bilion tentang itu tetapi Sabah belum dibayar. Jadi mengikut Ketua Menteri itu tidak perlu lagi kita membawa benda ini ke mahkamah kerana satu *precedent* sudah pun dicapai oleh Mahkamah Tinggi pada waktu itu.

Jadi boleh dikongsikan kenapa Petronas belum membayar kepada Sabah, Sarawak tidak dan juga untuk rekod kedua, kesemua pengusaha minyak yang beroperasi di Sabah seperti Shell, Pertamina semua sudah membayar. Cuma Petronas saja yang belum membayar kepada Kerajaan Negeri Sabah. Sebagaimana yang di Sarawak itu, dia semua *settle*. Itu yang pertama.

Kedua, tentang ada percanggahan tadi itu. Percanggahan yang saya utarakan pada hari itu di mana Yang Amat Berhormat Pagoh ada mengatakan tiga *steps* untuk melaksanakan perjanjian itu daripada setahun, *step* kedua dua tahun, *step* ketiga tiga tahun. Jadi kenapa begitu? Bolehkah kongsi kan kenapa begitu lama masa untuk diambil sedangkan pada waktu terdahulu keputusannya sudah hampir penuh, sudah hampir selesai.

Jadi itu yang percanggahan-percanggahan di situ. Percanggahan pertama, seperti yang diucapkan tadi, percanggahan kedua seperti di Yang Berhormat Pagoh mengatakan bahawa ada tiga *step*. *Step* ketiga itu yang paling lama, tiga tahun. Boleh kongsi kan? Ada dua soalan di situ. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Okey, asyik minyak lagi. Masih dari segi yang telah disebutkan tadi, empat perkara yang dari segi pembayaran tunai petroleum, *royalty* minyak, mineral minyak, medan minyak, Akta Laut Wilayah dan Akta Pelantar Benua. Ini masih di dalam perbincangan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dan Sarawak. Jadi, saya tidak berani hendak cakap apa-apa. Bukan saya mengetahui lebih daripada itu.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Dengan izin Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya kesallah sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri ini sebenarnya bercakap sebagai seorang dari ahli eksekutif. *[Disampuk]* Sebagai a *Federal Minister and you're not even* dengan izin, *you are not even sure of the Federal law*. Adakah – *is this something that can be accepted?* Jadi saya sangat kesal.

Sebagai Yang Berhormat Timbalan Menteri, terutamanya dalam portfolio ini saya berharap, saya merayu sekarang sebagai anak Sarawak, *please, please fight for* apa yang kita hendak perjuangkan. Jangan ikut perintah, ikut perintah, ikut perintah. Habislah hak kita kalau kita ikut perintah macam ini. Perjuangkan! Boleh? *As a Federal Minister, you should understand the law. [Dewan riuh]* This is a *Federal law*. You are representing the *Federal Government. [Dewan riuh]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Seorang Ahli: Tidak ada jawapan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]: *[Bangun]*

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri dulu.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Mohon.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Silakan.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Pertama sekali...

Seorang Ahli: Kenapa lain Yang Berhormat Menteri.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Kenapa Yang Berhormat Menteri lain yang jawab?

Seorang Ahli: Kenapa lain Menteri jawab?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Kenapa Yang Berhormat Menteri yang jawab? Ini portfolio apa ini?

Tuan Yang di-Pertua: Maaf, maaf, maaf. Yang Berhormat...

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Yang Berhormat, saya mohon izin untuk...

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Kenapa?

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Sebab tadi nama saya disebut.

Tuan Yang di-Pertua: Oh!

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Bila berhubung kait dengan urusan...

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Mana boleh. *[Ketawa]*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Mana boleh. *[Ketawa]*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *Unprecedented.*

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: *[Perkataan kurang jelas]* ...Bayar gaji Yang Berhormat Menteri tetapi Menteri lain jawab. Apa ini?

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, sekejap.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, sekejap. *[Dewan riuh]* Boleh diam tidak? Saya baru masuk. So, saya nampak Yang Berhormat di sana mencelah tadi. Jadi, saya beri Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sedang bercakap untuk menjawab.

Kemudian kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri ingin memberikan laluan kepada Yang Berhormat Menteri, dipersilakan. Silakan.

[*Dewan riuh*]

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Saya memberikan tanggungjawab kepada Yang Berhormat Petrajaya. Terima kasih.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ini *new normal*.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Rakyat bayar gajilah.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

[*Dewan riuh*]

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Norma baharu kah? Ini norma baharu.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Bila berhubung kait dengan isu Petronas dan Sarawak tadi, disebutkan bahawa pengerusi bersama adalah saya dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan. Itu yang dibangkitkan oleh pihak di sebelah sana tadi. Sudah pasti di bawah bidang kuasa Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang ini iaitu Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), ia walaupun menyentuh Sabah dan Sarawak akan tetapi ada beberapa perkara diserahkan kepada *task force* untuk menguruskan, khususnya untuk Sarawak, tuntutan berhubung kait dengan isu SST, begitu juga setelah ini kita akan berbincang berhubung kait dengan Sabah.

Oleh sebab itu, kemungkinan ada beberapa spesifik yang tidak dapat dimaklumi bila di dalam peringkat perundingan yang belum dapat dimaklumkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri disebabkan ia masih dalam proses perundingan. Perundingan ini bila muktamad, sudah pasti akan diumumkan keseluruhannya.

Misal kata, kes di Sabah untuk berhubung kait Sabah dan Sarawak, kes mahkamah sudah pun diselesaikan melalui perintah di mana Petronas sudah tarik balik kes. Begitu juga Kerajaan Negeri Sarawak dengan persetujuan tertentu. Sudah tentu bila kita mengatakan perundingan berhubung kait dengan *commercial arrangement*, ia masih dalam perundingan.

Perundingan ini selagi belum dapat dimuktamadkan, dipersetujui, ia tidak boleh diumumkan. Oleh sebab itu adalah kemungkinan banyak maklumat yang belum dapat dimaklumkan. Saya hendak maklumkan perkara itu sebab tadi dibangkitkan oleh beberapa orang. Terima kasih.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Hendak minta pencelahan. Boleh saya tanya pendapat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai lantai percakapan, maka perlulah diminta kebenaran untuk laluan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Saya hendak tanya pendapat.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri laluan atau tak nak beri laluan?

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Terima kasih, saya tidak mahu memberikan laluan. Terima kasih.

[Dewan riuh]

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Ini benda penting ini.

Tuan Yang di-Pertua: Maaf.

[Dewan riuh]

Seorang Ahli: Duduklah Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Kita kena mengikut peraturan maaf, maaf.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tidak Sarawak pun, *Sarawakian* lah macam ini.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: Ini kerana berdasarkan kepada pengalaman yang lepas, rang undang-undang pindaan Perkara 1, fasal (2) yang dibentangkan pada tahun 2019 telah gagal mendapatkan sokongan dua per tiga. Perkara ini berkemungkinan berlaku disebabkan oleh tindakan kerajaan pada waktu itu ingin mempercepatkan pindaan rang undang-undang yang berkenaan.

Selain itu, pandangan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak juga tidak diambil kira dalam penyediaan *blue bills* seperti, dengan izin, seperti yang telah dibentangkan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Sedikit Yang Berhormat Menteri. Sedikit boleh?

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: ...isu-isu yang dibangkitkan sepanjang tempoh perbincangan. Sekali lagi saya ucapkan...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Mukah, Mukah. Yang Berhormat Menteri.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: ...terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: *[Ketawa]* Kimanis sedikit.

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: ...isu berkaitan dengan Perjanjian Malaysia 1993. Kami akan mengambil tindakan dan...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Boleh?

Dato Hajah Hanifah Hajar Taib: ...perhatian di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Mana-mana pertanyaan yang tidak sempat dijawab, akan diambil perhatian untuk tindakan susulan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. [*Tepuk*] Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan itu tamatlah penggulangan oleh semua Yang Berhormat Menteri-Yang Berhormat Menteri mengenai Usul Menjunjung Kasih di Atas Titah Diraja. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Peraturan Mesyuarat 30(1).

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat 30?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Peraturan Mesyuarat 30(1).

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat 30(1).

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan satu usul untuk meminda Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja atas nama Ahli Parlimen kawasan Pontian seperti berikut, dengan menambahkan perkataan-perkataan berikut dan memutuskan supaya sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan segera untuk memantau, menilai dan mengesyorkan cadangan kepada kerajaan terhadap tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak kerajaan untuk memulangkan wang dan aset-aset yang berkaitan dengan 1MDB dan SRC International, termasuk penyelesaian dengan Goldman Sachs, International Petroleum Investment Cooperation (IPIC) dan juga Riza Aziz.

Saya telah pun menerima surat daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menolak usul ini atas Peraturan Mesyuarat 31 dan 33 kerana pindaan yang dicadangkan tidak berkaitan dengan usul yang Yang Berhormat Pontian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Akan tetapi bila saya baca Peraturan Mesyuarat 31 ataupun 33, tidak ada sebarang maksud dalam peraturan mesyuarat ini yang mengatakan bahawa sebarang usul pindaan kena berkaitan. Kalau mengikut contoh-contoh di kawasan Parlimen UK, Kanada, Australia, memang ada banyak kali di

mana usul untuk meminda usul tersebut telah pun dibuat dan diberikan, diserahkan kepada Dewan untuk membuat keputusan.

Saya terima kalau Dewan tolak usul pindaan ini tetapi keputusan perlu dibuat oleh Dewan sebab Dewan merupakan institusi yang paling tertinggi di negara kita. Usul ini adalah untuk supaya Parlimen menjalankan tugas kita untuk memantau kerja-kerja yang dibuat oleh pihak Eksekutif, terutamanya dalam isu ini di mana lebih daripada RM10 bilion berkait dengan sebarang keputusan yang dibuat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya menolak usul Yang Berhormat kerana pertamanya, usul yang dicadangkan itu tidak berkaitan dengan usul yang diperbahaskan. Itu ialah mengikut Aturan Mesyuarat 30(1), kalau boleh saya baca. *'Pada masa sesuatu usul itu dalam pertimbangan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa, bolehlah dicadangkan pindaan-pindaan jika pindaan itu berkaitan dengan usul itu'*.

Jadi, sebenarnya Peraturan Mesyuarat 30(1) memberi syarat bahawa pindaan itu boleh dibuat sekiranya ia berkaitan dengan usul yang sedang diperbahaskan. Saya berpendapat bahawa usul yang sedang perbahaskan iaitu usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Pontian, tidak langsung berkaitan dengan pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Oleh itu, saya tolak kemudian. Satu lagi sebab penolakan saya ialah kerana usul itu perlu dibuat secara usul *private*. Jadi oleh sebab kedua-dua sebab itu, saya menolak cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Boleh tanya sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Saya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang benar bawah Peraturan Mesyuarat 33, sebarang usul boleh dibawa ke Dewan bila-bila masa melalui notis yang diberikan kepada Tuan Yang di-Pertua. So, itu tidak dinafikan. Hanya saya hendak sebut bahawa pindaan yang berkaitan dengan usul itu, ia berkait kerana usul yang di bawa oleh Yang Berhormat Pontian adalah Usul Menjunjung Kasih kepada Ucapan Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: So, perkara-perkara yang telah pun sentuh oleh Yang di-Pertuan Agong, termasuklah isu-isu yang awam, termasuklah isu-isu mengenai rasuah, isu-isu mengenai institusi-institusi negara. Saya rasa oleh sebab itu, perkara sebegini adalah berkait dengan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat

Pontian dan adalah selaras dengan praktis yang dijalankan di demokrasi-demokrasi moden antarabangsa, termasuk UK, Kanada dan Australia.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya terpaksa tidak bersetuju, *I beg to differ* dengan Yang Berhormat. Oleh kerana walaupun usul itu Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja, tidak semestinya semua yang diperucapkan di bawah usul itu dan di bawah Titah Diraja adalah boleh dipinda. Oleh kerana kalau begitu, usul itu boleh dipinda untuk memasukkan apa-apa sahaja. Oleh kerana apa yang diperbahaskan melalui Titah Diraja itu melingkupi semua isu. Pokok pangkalnya, isu yang diperbahaskan ialah untuk menjunjung kasih kepada Tuanku tentang Titah Tuanku, itu sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, kalau ada isu-isu yang hendak dibangkitkan daripada Titah Tuanku itu, maka perlulah saya rasa diberikan notis usul yang lain. Saya rasa saya tak nak panjangkan kerana kita hendak mengundi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sedikit sahaja sebab usul ini saya yang bawa.

Tuan Yang di-Pertua: Saya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya kira apa yang telah kita nyatakan dalam usul ini sudah lengkap. Yang Berhormat Damansara, dia hanya hendak membuang masa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Saya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Maaf Yang Berhormat Damansara, saya telah- keputusan saya muktamad.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat dari Pontian itu hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan

berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas.”]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 11 Ogos 2020. Terima kasih. *Assalamualaikum.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 4.51 petang]